



AKNC 2017

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR



LAPORAN
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur
Shah Alam

2017



LAPORAN
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
SHAH ALAM

(PEMBANGUNAN PELAJAR)

2017

KETUA UNIT PENGURUSAN KUALITI

Dr. Noriah Othman

Ahli-ahli Utama

1. Prof. Madya Dr. Wan Mohd Naim Wan Mohd
2. Dr. Siti Aekbal Salleh – Editor
3. Dr. Nor Hanisah Mohd Hashim
4. Dr. Puziah Ahmad
5. Dr. Shamshida Saidan Khaderi
6. Dr. Nor Rima Muhammad Ariff
7. Dr. Ani Saifuza Abd Shukor
8. Dr. Julaida Kaliwon
9. Dr. Maszuwita Abdul Wahab
10. Dr. Marlyanna Azyyati Marzukhi
11. Dr. Siti Mazwin Kamaruddin
12. Dr. Suliahti Hashim
13. Kartini Samsuri
14. Mazzuen Md Khalid
15. Mazuiyah Mohd Dom
16. Norashikin bt Abdullah
17. Nurul Asra Abd Rahman
18. Nurul Shakila Khalid
19. Sharifah Khalizah bt Syed Othman Thani
20. Sri Rahayu Mohd Sa'ad
21. Rosilawati Abdul Jamil
22. Azlina Omar

LAPORAN AKNC FSPU SHAH ALAM

2017

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	i
SENARAI JADUAL	iii
SENARAI RAJAH	iv
SENARAI KATA SINGKATAN	vii
P1 PROFIL ORGANISASI	1
P.1 Huraian Organisasi	1
a) Persekitaran Organisasi	
b) Pertalian Hubungan Organisasi	
P.2 Tahap Kedudukan Organisasi	10
a) Persekitaran Persaingan	
b) Konteks Strategik	
c) Sistem Penambahbaikan Prestasi	
1 KEPIMPINAN	14
1.1 Kepimpinan Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur	14
1.2 Governan dan Tanggungjawab Sosial	21
2 PERANCANGAN STRATEGIK KUALITI	25
2.1 Objektif dan Inisiatif Strategik	25
2.2 Objektif dan Inisiatif Strategik dalam Menyokong KPI Universiti (2016-2020)	25
2.3 Pelan Pemantauan yang digunakan untuk Memastikan Objektif Strategik dan Inisiatif Strategik dilaksanakan dengan Berkesan	27
2.4 Nyatakan Bagaimana Organisasi Melibatkan Semua Kumpulan Sasar dalam Proses Perancangan Penambahbaikan	28
2.5 Nyatakan Apakah Risiko yang Boleh Menjejaskan Pelaksanaan atau Kejayaan Pencapaian Objektif dan Inisiatif Strategik ini	29
2.6 Nyatakan Apakah Perancangan untuk Mengatasi Risiko Tersebut	30
2.7 Nyatakan jika ada Inovasi yang Terhasil dari Pelaksanaan atau Penambahbaikan Perancangan Strategik	30
2.8 Nyatakan jika ada Inovasi yang Terhasil dari Pelaksanaan dan Penambahbaikan Perancangan Strategik	30
3 Tumpuan Pelanggan	32
3.1 Bidang Tumpuan	32
3.2 Kumpulan Sasaran Bagi Pembangunan Pelajar	33
3.3 Ganjaran dan Manfaat dari Perlaksanaan Terhadap Pembangunan Pelajar	38
3.4 Penentuan Pihak Pengurusan ke atas Keperluan Kumpulan Sasaran Pembangunan Pelajar	40
3.5 Penglibatan Kumpulan Sasaran dalam Pembangunan Pelajar	40
3.6 Tindakan Pihak Pengurusan Terhadap Maklumbalas Pelanggan	42
3.7 Keberkesanan dan Inovasi yang Terhasil daripada Maklumbalas Pelanggan	42

4	PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN	43
4.1	Pengukuran, Analisis dan Penambahbaikan Prestasi Organisasi	43
5	TUMPUAN KEPADA SUMBER PELAJAR: AKADEMIK, INDUSTRI DAN MASYARAKAT	53
5.1	Keupayaan dan Kapasiti Tenaga Pelajar	53
5.2	Mengoptimumkan Kemahiran dan Bakat Pelajar bagi tahun 2016	53
5.3	Sokongan dan Inovasi terhadap Aktiviti Pembangunan Pelajar	56
6	TUMPUAN KEPADA OPERASI PEMBANGUNAN PELAJAR	58
6.1	Operasi Pembangunan Pelajar	58
6.2	Pengurusan Operasi Pembangunan Pelajar	58
6.3	Pemantauan dan Penambahbaikan Operasi Pembangunan Pelajar	62
7	HASIL	63
7.1	Hasil dari Perlaksanaan Strategi	63
7.2	Hasil dari Proses Pembangunan Pelajar	64
7.3	Hasil dari Tumpuan Pelanggan	74
7.4	Hasil dari Tumpuan Sumber Pelajar	75
7.5	Hasil dari Prestasi Kewangan	75

SENARAI JADUAL

Jadual P.1	Program FSPU Berteraskan Pendidikan	3
Jadual P.2	Penawaran dan Perkhidmatan Kepada Pelajar	4
Jadual P.3	Mekanisma Penyampaian	4
Jadual P.4	Anugerah Motivasi Staf	7
Jadual P.5	Jawatankuasa di bawah Unit Pengurusan Kualiti	8
Jadual P.6	Peraturan/Pekeliling Organisasi	8
Jadual P.7	Senarai Pembekal, Rakan Kongsi dan Rakan Usahasama Mengikut Kategori	9
Jadual P.8	Cabaran Strategik dan kelebihan Organisasi	11
Jadual P.9	Elemen-elemen Utama pada Sistem Penambahbaikan Prestasi Kaedah Penilaian	12
Jadual 1.1	Amalan Pengurusan FSPU dalam Menyemarak Budaya Beretika dan Profesional FSPU	15
Jadual 1.2	Inisiatif-inisiatif Strategik FSPU berdasarkan Perancangan Strategik FSPU 2016-2020	16
Jadual 1.3	Penilaian Dan Pencapaian FSPU	21
Jadual 1.4	Pemantauan Dalam Penilaian Kualiti Kakitangan Dan Pelajar FSPU	22
Jadual 1.5	Hubungkait Kualiti Kakitangan Dan Pelajar FSPU	23
Jadual 1.6	Tanggungjawab Kemasyarakatan Kakitangan Dan Pelajar FSPU	24
Jadual 2.1	Pelan Perancangan Strategik FSPU 2016-2020 (Program, Projek dan Inisiatif)	26
Jadual 3.1	Keperluan dan Kehendak Pelanggan Berdasarkan 5P	32
Jadual 3.2	Senarai Persatuan Pelajar FSPU	35
Jadual 3.3	Senarai Pertandingan yang melibatkan Pelajar FSPU, 2016 (Aktiviti Akademik)	36
Jadual 3.4	Jumlah Aktiviti Pelajar FSPU, 2015 dan 2016 (Aktiviti Bukan Akademik- Dalaman) berdasarkan kepada TIGA aspek utama	37
Jadual 3.5	Ringkasan Manfaat Kumpulan Sasaran Pembangunan Pelajar FSPU	40
Jadual 4.1	Perancangan Strategik FSPU, 2016-2020	43
Jadual 4.2	Senarai Penglibatan Pelajar (A True Success-Closing The Attitude Gap)	44
Jadual 4.3	Hasil Penerbitan Berindex	46
Jadual 4.4	Bilangan Kemenangan IINDEX peringkat FSPU	47
Jadual 5.1	Jumlah Bilangan Pelajar FSPU bagi tahun 2016	53
Jadual 5.2	Penglibatan Pelajar dalam Lawatan Akademik, Khidmat Masyarakat dan Industri	54
Jadual 5.3	Perbandingan Aktiviti Khidmat Masyarakat bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016	54
Jadual 5.4	Pencapaian Pelajar FSPU di Peringkat Antarabangsa dan Kebangsaan tahun 2016	55
Jadual 5.5	Senarai Penglibatan Pelajar bersama Pihak Industri bagi Tahun 2016	57
Jadual 6.1	Kegiatan Pelajar Peringkat Akademik Secara Langsung dan Tidak Langsung	58
Jadual 7.1	Senarai Jumlah Keseluruhan Bilangan Kemenangan Pelajar FSPU Tahun 2016	64
Jadual 7.2	Bilangan Kemenangan IINDEX peringkat FSPU	70

Jadual 7.3	Perbandingan Bilangan Aktiviti yang Berteraskan Kepada Pembangunan Pelajar dari Tahun 2015 ke 2016	75
Jadual 7.4	Peratus Agihan Dana Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) di Peringkat Fakulti	76
Jadual 7.5	Statistik jumlah dana TAPA FSPU dari 2013 - 2015	76
Jadual 7.6	Program yang dianjurkan oleh ICAN	77

SENARAI RAJAH

Rajah P.1	Misi dan Visi UiTM, dan Objektif Kualiti FSPU	5
Rajah P.2	Kompetensi Utama Organisasi	5
Rajah P.3	Carta Organisasi FSPU Pentadbiran	6
Rajah P.4	Carta Organisasi FSPU Akademik	6
Rajah P.5	Tenaga Kerja Staf Akademik dan Bukan Akademik FSPU sehingga tahun 2016	7
Rajah P.7	Hubungkait Lembaga Govern/Badan Penggubal Dasar dan Pengurusan Kanan Universiti	9
Rajah 1.1	Strategi Pengukuhan Modal Insan FSPU	16
Rajah 1.2	Koordinasi dan Kaedah Komunikasi FSPU	18
Rajah 1.3	Misi Kecemerlangan Akademik FSP	19
Rajah 1.4	Misi Kualiti FSPU	19
Rajah 1.5	Misi Pemerkasaan Geran, Konferensi dan Penerbitan	19
Rajah 1.6	Strategi Pencapaian Misi Kecemerlangan Inovasi, Keusahawanan Dan Kreativiti FSPU	20
Rajah 1.7	Hierarki Pelaksanaan Aktiviti dan Kepimpinan Pelajar FSPU	20
Rajah 2.1	Badan badan profesional yang mengiktiraf program di FSPU	29
Rajah 3.1	Piagam Pelanggan FSPU	32
Rajah 3.4	Peruntukan dan Agihan TAPA untuk Tahun 2016 Mengikut Pecahan Pusat Pengajian	33
Rajah 3.3	Pengkhususan Pelanggan bagi Aktiviti Pembangunan Pelajar	34
Rajah 3.5	Logo-Logo yang Digunakan oleh Persatuan-Persatuan Pelajar yang Terdapat di FSPU	35
Rajah 3.6	Pencapaian Aspek Pembangunan Pelajar Bagi Tahun 2015 dan 2016 untuk Aktiviti Bukan Akademik	38
Rajah 3.7	Antara Aktiviti bukan Akademik yang Berteraskan kepada Pembangunan Insaniah, Khidmat Masyarakat dan Pembangunan	38
Rajah 3.8	Kerjaya yang Telah Dijalankan oleh Persatuan Pelajar Fakulti Keratan akhbar dan gambar kejayaan kumpulan REVIVORS	39
Rajah 3.9	Antara Kemenangan dan Anugerah yang Telah Diterima oleh Pelajar FSPU Dalam Pertandingan dan Seminar Dalam Peringkat Nasional dan Internasional	39
Rajah 3.10	Pelajar Didedahkan dengan Keusahawanan Sewaktu Minggu Keushawanan diadakan dan juga Kerja-kerja Khidmat Masyarakat yang Dijalankan oleh Persatuan Pelajar	40
Rajah 3.11	Aktiviti-aktiviti Anjuran Badan Professional yang Memerlukan Penglibatan Pelajar	41
Rajah 3.12	Antara Kemenangan Pelajar dalam Penyertaan Pertandingan Berteraskan Inovasi Pelajar	42
Rajah 4.1	Senarai Penglibatan Pelajar (A True Success – Closing The Attitude Gap)	44
Rajah 4.2	Petunjuk Prestasi GPA Pelajar Melalui Program "Rising All-Rounder"	45
Rajah 4.3	Petunjuk Prestasi GPA Pelajar Melalui Program True Success	45
Rajah 4.4	Hasil Penerbitan dari Tahun 2014 – 2016	46
Rajah 4.5	Kategori Penerbitan Berindex	46
Rajah 4.6	Jumlah Keseluruhan Kemenangan Pelajar FSPU Tahun 2016	47
Rajah 4.7	Penglibatan Pelajar di dalam Pertandingan	48
Rajah 4.8	Hubung kait fakta FSPU dan Sasaran Hasil	48

Rajah 4.9	Jaringan bersama Alumni FSPU	49
Rajah 4.10	Perbandingan tiga tahun bagi Aktiviti Khidmat Masyarakat	49
Rajah 4.11	Penglibatan Pelajar Bagi Teras 4 Kepimpinan	50
Rajah 4.12	Penglibatan Pelajar di dalam Program Pembangunan Pelajar FSPU	50
Rajah 4.13	Pembangunan Teras 4 melalui Salah Satu Mekanisme iaitu Persatuan-persatuan Pelajar FSPU	51
Rajah 4.14	Antara Aktiviti Keusahawasan FSPU bagi Tahun 2016	51
Rajah 5.1	Kejayaan Pencapaian Pelajar FSPU di Peringkat Antarabangsa	56
Rajah 5.2	Kejayaan Pencapaian Pelajar FSPU di Peringkat Kebangsaan	56
Rajah 6.1	Kegiatan Pelajar	58
Rajah 6.2	Proses Pengendalian Program Pembangunan Pelajar – Akademik secara langsung	59
Rajah 6.3	Proses Pengendalian Program Pembangunan Pelajar – Pertandingan	60
Rajah 6.4	Proses Pengendalian Program Pembangunan Insaniah	61
Rajah 6.5	Proses Pengendalian Program Pembangunan Kerjaya	61
Rajah 6.6	Proses Pemantauan Kegiatan Pelajar	62
Rajah 7.1	Pencapaian dan Kemenangan Pembangunan Pelajar Mengikut Kategori	64
Rajah 7.2	Gambar Pelbagai Kemenangan Pelajar FSPU Tahun 2016	69
Rajah 7.3	Akademik Secara Langsung: Bilangan Pencapaian dan Kemenangan Pelajar Mengikut Kategori	70
Rajah 7.4	Akademik Secara Tidak Langsung: Bilangan Kegiatan Pembangunan Pelajar Mengikut Kategori	71
Rajah 7.5	Petunjuk prestasi GPA melalui Proram True Success	72
Rajah 7.6	Bilangan Aktiviti yang Berteraskan Kepada Pembangunan Pelajar dari Tahun 2015 ke 2016	74
Rajah 7.7	Penglibatan Aktiviti Pertandingan Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa oleh Setiap Pusat Pengajian FSPU, Anjuran Organisasi dan Institusi Luar serta Dalam (UiTM)	78
Rajah 7.8	Para Pemenang Tempat Pertama Pertandingan ‘Rebuild It Green’ Arena of Youth 2016 anjuran CIDB	78
Rajah 7.9	Juara bersama Pertandingan i-Berhad Façade Design Competition 2016	78
Rajah 7.10	Peratus Hadiah Kemenangan Mengikut Bentuk Ganjaran	79
Rajah 7.11	Juara pertandingan Latitudes International Design Challenge	79
Rajah 7.12	Hasil Kewangan dari Kemenangan dalam Pertandingan oleh semua Pusat Pengajian di FSPU	80

SENARAI KATA SINGKATAN

AKNC	Anugerah Naib Canselor
ATP	Amanah Tugas Pensyarah
BoVAEA	<i>The Board of Valuers, Appraisers dan Estate Agents Malaysia</i>
BQSM	<i>Board of Quantity Surveyors Malaysia</i>
CAAEM	<i>Council of Accreditation and Architectural Education Malaysia</i>
CGPA	<i>Cumulative Grade Point Average</i>
CIDB	<i>Construction Industry Development Board</i>
CIOB	<i>Chartered Institute of Building</i>
CS	<i>Contract Research</i>
CSPI	<i>Centre for Strategic Planning & Information</i>
DPMO	Defects Per Million Opportunities
EP	<i>Expert Panel</i>
FRIM	Institut Perhutanan Malaysia
FSPU	Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur
GIS	<i>Geographical Information System</i>
HEA	Hal Ehwal Akademik
HEP	Hal Ehwal Pelajar
ICAN	Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni
IFI	<i>International Federation of Interior Architects</i>
IIDEX	<i>Invention, Innovation and Design Exposition</i>
ILAM	<i>Institute of Landscape Architects Malaysia</i>
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IRMI	<i>Institute of Research Management & Innovation</i>
JKR	Jabatan Kerja Raya
KPI	<i>Key Performance Index</i>
KTP	Program Perpindahan Pengetahuan
LAM	Lembaga Arkitek Malaysia
LiDAR	<i>Light Detection and Ranging</i>
MAB	Malaysia Airport Berhad
MoTOUR	Kementerian Pelancongan Malaysia
MoU	Memoranda Persefahaman
MPP	Majlis Perwakilan Pelajar
MPS	Majlis Pebandaran Seremban
MQA	<i>Malaysian Qualifications Agency</i>
MyLAB	Malaysia Laboratories for Academia - Business Collaboration
NADMA	<i>National Disaster Managment</i>
NGGSIC	<i>National Geomatics Geoinformatics Student Innovation and Competition</i>
NIOSH	<i>National Institute for Occupational Safety and Health</i>
OBE	<i>Outcome Based Education</i>
OSHA	Occupational Safety and Health Act
PAM	Pertubuhan Arkitek Malaysia
PhD	Kedoktoran
PPRN	<i>Public-Private Research Network</i>
PRESS	<i>Pacific Real Estate Society</i>
PRISMa	<i>Publication Repository Information System Management</i>
PS	<i>Profesional Services</i>
PTJ	Pihak Bertanggungjawab
RIBA	<i>Royal Institute of British Architects</i>

<i>RICS</i>	<i>Royal Institute of Chartered Surveyors</i>
<i>RISM</i>	<i>The Royal Institution of Surveyors Malaysia</i>
RMC	Pusat Pengurusan Penyelidikan
<i>RMI</i>	<i>Research Management Institute</i>
<i>RMU</i>	<i>Research Management Unit</i>
ROI	Pulangan Pelaburan
SKT	Sasaran Kerja Tahunan
SMF	Sekretariat Mahasiswa Fakulti
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
SPK	Sistem Pengurusan Kualiti
<i>SQS</i>	<i>School of Quantity Survey</i>
<i>UAE</i>	<i>Abu Dhabi University</i>
UePMO	UiTM eProgramme Management Office
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

PROFIL ORGANISASI

P.1 HURAIAN ORGANISASI

a. Persekitaran Organisasi

Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur (FSPU) merupakan di antara fakulti alam bina yang tersohor dan tertua di Malaysia. Asas penubuhan ITM (sebelum UiTM) yang termaktub dalam Akta 173 adalah bertujuan untuk melahirkan golongan profesional di kalangan orang Melayu dan Bumiputera. Selari dengan kehendak tersebut maka FSPU telah ditubuhkan pada Julai 1967 yang pertama kalinya dikenali sebagai Kajian Seni Gunaan. Pada tahun 1971, fakulti ini diubah nama kepada Kajian Senibina Perancangan dan Ukur dan kemudian dinamakan sebagai Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur (FSPU) sehingga sekarang. Fakulti ini terdiri dari 11 Pusat Pengajian dalam bidang alam bina dan menawarkan 31 program akademik untuk peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. 11 Pusat Pengajian tersebut adalah dari Pusat Pengajian Perancangan Bandar & Wilayah, Pusat Pengajian Senibina, Pusat Pengajian Ukur Bahan, Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah, Pusat Pengajian Pembinaan, Pusat Pengajian Senibina Dalaman, Pusat Pengajian Senibina Landskap, Pusat Pengajian Ukur Bangunan, Pusat Pengajian Pengurusan Taman dan Ameniti, Pusat Pengajian Sains Ukur & Geomatik dan Pusat Pengajian Siswazah. Pada ketika ini terdapat 5 kampus yang terdiri dari Shah Alam, Puncak Alam, Seri Iskandar, Arau dan Kota Samarahan.

Arau, Perlis

Diploma Programme: AP120
Degree Programme: AP220

Shah Alam

Degree Programmes:
AP220, AP224, AP225, AP229, AP230, AP246
Masters Programmes:
AP771, AP720, AP725, AP776, AP777, AP779, AP781
Doctorate Programme: AP991

Puncak Alam


Degree Programmes: AP221, AP243, AP247, AP248
Masters Programmes: AP773


Seri Iskandar, Perak

Diploma Programmes:
AP111, AP114, AP115, AP116,
AP117, AP148, AP119
Degree Programmes:
AP243, AP224, AP225, AP229, AP256
Masters Programmes: AP763
Doctorate Programme: AP992

Kota Samarahan, Sarawak

Diploma Programmes: AP114, AP116
Degree Programme: AP243, AP224





Pusat Pengajian FSPU

(1) PROGRAM PENDIDIKAN DAN PERKHIDMATAN

Program dan perkhidmatan yang ditawarkan FSPU terbahagi kepada dua iaitu (1) teras pendidikan kepada pelajar, dan (2) perkhidmatan sokongan kepada pelajar. Di bawah teras pendidikan, pelbagai program akademik ditawarkan bermula daripada program diploma sehinggalah ke peringkat Doktor Falsafah. Selain itu, FSPU juga menawarkan program Ijazah Sarjana Muda luar kampus. Jadual P.1 menyenaraikan program yang ditawarkan mengikut peringkat pengajian.



Jadual P.1 Program FSPU berteraskan pendidikan adalah seperti berikut:

A. Kursus Diploma dan Ijazah Sarjana Muda			
Kampus Seri Iskandar • Diploma Perancangan Bandar & Wilayah • Diploma Ukur Bahan • Diploma Pengurusan Hartanah • Diploma Bangunan • Diploma Rekabentuk Dalamann • Diploma Senibina Landskap • Diploma Ukur Bangunan • Sarjana Muda Sains Senibina	Kampus Arau • Diploma Sains Geomatik	Kampus Kota Samarahan • Diploma Ukur Bahan • Diploma Bangunan	
B. Program Ijazah Sarjana Muda			
Kampus Shah Alam • Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian) • Sarjana Muda Pengurusan Taman & Ameniti (Kepujian) • Sarjana Muda Sains Ukur & Geomatik (Kepujian)	Kampus Puncak Alam • Sarjana Muda Senibina Landskap (Kepujian) • Sarjana Muda Sains (Kepujian) Senibina • Sarjana Muda Perancangan Bandar & Wilayah (Kepujian)	Kampus Kota Samarahan • Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian) • Sarjana Muda Sains (Kepujian) Senibina	Kampus Arau • Sarjana Muda Sains Ukur & Geomatik (Kepujian)
• Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pembinaan • Sarjana Muda Pengurusan Hartanah (Kepujian) • Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian)	• Sarjana Muda Senibina Dalamann (Kepujian)		
C. Program Sarjana dan Doktor Falsafah			
• Master of Architecture • Master of Property Investment • Master of Science in Facilities Management • Master of Science in Geographical Information Science • Master of Science (Built Environment) • Master of Science in Heritage & Conservation Management		• Master of Science in Integrated Construction Project Management • Master of Science in Urban Development and Management • Master of Science in Green Architecture • Doctor of Philosophy (Built Environment) • PhD in Design and Built Environment	
D. Program Luar Kampus			
• Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian) • Sarjana Muda Pengurusan Pembinaan (Kepujian) • Sarjana Muda Pengurusan Hartanah (Kepujian)		• Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian) • Sarjana Muda Perancangan Bandar & Wilayah (Kepujian)	



Manakala perkhidmatan sokongan kepada pelajar adalah seperti Jadual P. 2. Kepentingan relatif program pendidikan bukan sahaja untuk menambah bilangan program pendidikan dan bilangan pelajar di peringkat diploma dan ijazah malah meningkatkan bilangan pelajar yang kepada pelajar adalah seperti memperolehi CGPA yang lebih tinggi.

Dengan cara ini dijangkakan mereka boleh bergraduasi dalam tempoh yang ditetapkan di samping memenuhi pasaran guna tenaga manusia tempatan malah bersedia untuk peringkat antarabangsa.

Jadual P.2 Penawaran dan Perkhidmatan Kepada Pelajar adalah seperti berikut:

Kategori	Perkhidmatan Disediakan		
Fasiliti	- Dewan Kuliah Mini - Dewan Kuliah Besar - Bilik Kuliah - Makmal CAD - Makmal Komputer Am - Makmal Komputer - Makmal Kartografi - Makmal GIS - Bilik Plot	- Bilik Aktiviti SMF - Makmal 'Remote Sensing' - Makmal Tanah dan Konkrit - Bengkel Perkayuan - Makmal Akustik - Makmal Terowong Angin - Makmal Hidraulik - Makmal Kejuruteraan - Makmal Bahan	- Perpustakaan - Kafeteria - Surau - Bilik Pandang Dengar - Bilik Musik - Makmal Foto - Studio - Bilik Rehat Staf - Makmal Penyelidikan PhD
Program	- Seminar - Program Pembangunan Spiritual Pelajar	Bengkel Keusahawanan	Program Jaringan Masyarakat dan Industri

MEKANISME PENYAMPAIAN

Mekanisme penyampaian bagi program pendidikan dan perkhidmatan kepada pelajar adalah seperti Jadual P.3.



Jadual P.3 Mekanisma Penyampaian

Mekanisma Penyampaian		
- Syarah - Latihan amali - Pembelajaran atas talian (I-Learn) - Keusahawanan - Latihan amali dalam makmal - Sesi tutorial	- Kerja lapangan - Lawatan akademik - Khidmat rundingcara - Program pembangunan kemahiran pendidikan - Role play	- Makmal - Ceramah/seminar bersama tokoh industri - Latihan praktikal - CEO Talks - Hari Bertemu Pelanggan - oneDay@FSPU

(2) VISI DAN MISI

Penekanan budaya kerja FSPU terhadap konsep inovasi kerja, inovasi sendiri, dan kompetensi kakitangannya dalam menyediakan atau mengendalikan pengajaran, pembelajaran, perundingan, penyelidikan, penulisan, penerbitan ilmiah dan melaksanakan program khidmat masyarakat adalah bertujuan untuk merealisasikan impian FSPU sebagai pusat pengembangan ilmu ternama dan tersohor di peringkat tertinggi. Penerapan budaya kerja kalangan warga FSPU dalam organisasi menyokong kepada visi dan misi UiTM, dan berteraskan kualiti objektif FSPU.



Rajah P.1 Misi dan Visi UiTM, dan Objektif Kualiti FSPU




Rajah P.2 Kompetensi Utama Organisasi

(3) Profil Tenaga Kerja


Pengembelengan tenaga kerja warga FSPU dari 2 kumpulan yang berbeza profil iaitu kumpulan kakitangan pentadbiran (Rajah P.3) dan kumpulan kakitangan akademik (Rajah P.4) dapat merealisasikan visi dan misi FSPU dalam mengungguli bidang Alam Bina bertaraf dunia untuk melahirkan graduan professional berdaya saing, global dan beretika.

CARTA ORGANISASI PENTADBIRAN Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur



Rajah P.3 Carta Organisasi FSPU Pentadbiran


CARTA ORGANISASI PENTADBIRAN AKADEMIK Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur



Rajah P.4 Carta Organisasi FSPU Akademik



Profil staf akademik dan bukan akademik FSPU adalah:



Rajah P.5 Tenaga Kerja Staf Akademik dan Bukan Akademik FSPU sehingga tahun 2016

Sebagai usaha FSPU dalam meningkatkan produktiviti warga kerjanya dalam merealisasikan misi dan visi, maka diwujudkan beberapa anugerah untuk mengiktiraf perkhidmatan cemerlang, inovasi dan khidmat setia warga kerjanya. Anugerah-anugerah tersebut akan disampaikan melalui Hari Kualiti yang diadakan pada setiap tahun (Jadual P.4).

Jadual P.4 Anugerah Motivasi Staf

• Anugerah Perkhidmatan Cemerlang • Anugerah Tokoh Akademik Fakulti • Anugerah Penyelidik Terbaik • Anugerah Pengajaran • Anugerah Penyelidik Terbaik • Anugerah Penyelidik Harapan	• Anugerah Mesra Pelanggan • Anugerah Penyelia Terbaik • Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk • Anugerah Khidmat Setia 20 tahun • Anugerah Khidmat Setia 25 tahun • Anugerah Khidmat Setia 30 tahun
--	--

Dalam aspek modal insan, warga akademik FSPU mempunyai *multi-skil* dan berketrampilan dalam melaksanakan selain daripada tugas-tugas hakiki (pengajaran, penyelidikan dan penerbitan penulisan penyelidikan) contohnya aktiviti perundingan, khidmat masyarakat, program ceramah motivasi, kerjaya serta penglibatan dalam jawatankuasa, kelab, dan persatuan yang ditubuhkan.

Untuk warga FSPU yang bukan dari lingkungan akademik, mereka yang berminat untuk melanjutkan pelajaran secara separuh masa sentiasa diberikan ruang dan peluang oleh pihak Fakulti. Jika terdapat keperluan kekosongan jawatan di Fakulti, mereka akan ditawarkan jawatan seumpamanya dengan kelayakan yang bersesuaian. Selain itu mereka juga digalakkan untuk bergiat aktif dalam dan luar bidang kerja agar warga bukan akademik FSPU kompetitif dan berkeyakinan tinggi dalam menjalankan tugas yang diberikan.

FSPU juga mewujudkan beberapa jawatankuasa di bawah Unit Pengurusan Kualiti bagi memastikan fakulti berada di landasan yang betul bagi mencapai visi dan misi serta memenuhi keperluan pelanggan (pelajar) dari masa ke semasa (Jadual P.5).

Jadual P.5 Jawatankuasa di bawah Unit Pengurusan Kualiti

• AKNC • Jawatankuasa Pengumpulan dan Analisa Data • Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Komunikasi • Teaching Portfolio dan Course File • Jawatankuasa Kecil Penendarasan • Jawatankuasa Kecil Pemantauan	• Jawatankuasa Kecil 5S Audit Dalam • Jawatankuasa KIK/KMK • Jawatankuasa Kecil Hari Kualiti • Jawatankuasa Kecil Pengembangan Ilmu • Jawatankuasa Kecil Pemantauan • Jawatankuasa Manual Kualiti
--	--

Dalam konteks keperluan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan staf FSPU, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Kecil Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SOCHCo). Jawatankuasa ini memainkan peranan dalam memberi kesedaran kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja. Ia juga dibentuk bagi menjalankan program keselamatan, mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) keselamatan fakulti dan membudayakan sikap mengutamakan keselamatan.

(4) ASET

Kemudahan utama yang terdapat di FSPU (Shah Alam) adalah seperti Jadual P.2.

(5) KEPERLUAN PERUNDANGAN

FSPU memastikan warganya supaya sentiasa mematuhi keperluan perundangan operasi yang ditetapkan oleh pihak pentadbiran (Jadual P.6).

Jadual P.6 Peraturan/Pekeliling Organisasi

• Prosedur Kualiti Pengurusan • Prosedur Kualiti Operasi • Pekeliling Perkhidmatan Awam • Pekeliling Naib Canselor • Pekeliling Pendaftar • Pekeliling Timbalan Pendaftar • Akta 1976 – Institusi Pelajaran	• Peraturan Akademik Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda • Pekeliling Perkhidmatan • Pekeliling Rektor Kampus • Occupational Safety and Health Act (OSHA) • Akta 173/174	• Pekeliling Timbalan Rektor • Pekeliling Bendahari • Etika Pensyarah • MQA/OBE • Akta 605 – Akta Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) • Pekeliling Emel
---	--	---

b. Pertalian Hubungan Organisasi

(1) Struktur Sistem Governan

Struktur sistem governan FSPU berdasarkan kepada pengurusan yang dibentuk oleh universiti, di mana dekan bertanggungjawab kepada pasukan pengurusan tertinggi, senat universiti hingga ke peringkat sokongan (**Top-Down**). Semua informasi dimaklumkan melalui Pekeliling Dekan, dan Mesyuarat Pengurusan. Keputusan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan hal-ehwal akademik diputuskan menerusi mekanisme struktur organisasi yang lebih kecil seperti berikut:



Rajah P.6 Pertalian Hubungan Organisasi

Hubungkait pelaporan di antara lembaga Govern/badan penggubal dasar dan kepimpinan kanan adalah seperti berikut.



Rajah P.7 Hubungkait Lembaga Govern/Badan Penggubal Dasar dan Pengurusan Kanan Universiti

Pengurusan atasan FSPU pula sentiasa berhubung dengan pelajar melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Persatuan Dalaman, Perjumpaan Dekan bersama Pelajar Baharu, Perjumpaan Ketua Pusat Pengajian dengan Wakil Pelajar dan perjumpaan semua pensyarah dengan pelajar.

(2) Pelanggan

Untuk bahagian pelanggan pula, pelanggan utama merangkumi segmen pasaran, pelajar dan kumpulan pihak berkepentingan dalam dan luar negara (pelajar tempatan dan antarabangsa). Manakala pihak berkepentingan yang utama ialah pihak-pihak yang berkait dengan industri pembinaan seperti majikan, pihak penguasa tempatan, organisasi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), IPTA dan IPTS. Tiada perbezaan keperluan dan jangkaan ini di kalangan segmen pasaran (kumpulan pelajar dan kumpulan berkepentingan) supaya graduan yang bakal dilahirkan FSPU berdaya saing, global dan beretika seiring dengan visi FSPU.

(3) Pembekal dan Rakan Kongsi/Usahasama

Berikut merupakan pembekal, rakan kongsi dan rakan usahasama FSPU seperti di Jadual P.7.

Jadual P.7 Senarai pembekal, rakan kongsi dan rakan usahasama mengikut kategori

Bil	Kategori	Pembekal, Rakan Kongsi, Rakan Usaha Sama
1	Industri Pembinaan dan berkaitan	CIDB
2	Badan Profesional dalam negara	LAM, IPDM, ILAM, LPM, BQSM, RISM, BoVEA, MIP, LJT, LJBM
3	Agensi/Kementerian/Pusat Pengajian Kerajaan	SIRIM, MoTOUR
4	Pihak Berkuasa Tempatan	MBSA, MPAG
5	Badan Profesional Peringkat Antarabangsa	CIOB, RIBA, RICS
6	Universiti Tempatan	UTM, UM, UKM, UPM, UTHM, UIAM, Politeknik Kementerian, IPTS
7	Universiti Luar Negara	University of Salford (UK), King Mongkut's Institute University (Bangkok), Universitas Pancasila (Indonesia), Universitas Gadjah Mada (Indonesia), Eastern Mediterranean University (Turkey), Istanbul Technical University (Turkey), dan Abu Dhabi University (UAE)



Para pembekal, rakan kongsi dan rakan usahasama berperanan aktif bukan sahaja dalam sistem kerja dan penyampaian program pendidikan, penawaran dan perkhidmatan sokongan pelajar dan pihak berkepentingan malahan tampil memberikan sumbangan berupa kewangan dan penajaan untuk konferensi dan sebagainya. Kumpulan-kumpulan ini juga berperanan sebagai kayu pengukur kepada perkhidmatan dan pencapaian FSPU melalui maklumbalas mereka terhadap kompetensi dan dedikasi graduan dan perkhidmatan pendidikan, penyelidikan dan perundingan yang diberikan. Antara mekanisme utama yang merupakan media komunikasi dengan kumpulan-kumpulan tersebut adalah seperti berikut.

Pihak berkepentingan	Mekanisme Utama
Pembekal	• Telefon • Fax • Laman Web • Perjumpaan bersemuka • Lawatan tapak • Iklan di media
Rakan kongsi	
Rakan usaha sama	

P.2 TAHAP KEDUDUKAN ORGANISASI

a. Persekitaran Persaingan

FSPU merupakan organisasi perintis yang kompetitif mempelopori pengajian dalam bidang Alam Bina. FSPU Shah Alam merupakan satu fakulti yang terbesar di Malaysia yang menawarkan program akademik di dalam bidang Alam Bina. Bilangan keseluruhan pelajar di fakulti (Shah Alam) pada 2016 adalah 6,478. Pesaing dan rakan usahama dari dalam dan luar Negara telah dapat dikenalpasti dan berikut merupakan kelebihan dan kekuatan FSPU untuk bersaing secara kompetitif.



(1) Kedudukan Kompetitif

FSPU mempunyai kelebihan dari pelbagai sudut dan antaranya ialah:

1. Tenaga akademik yang berkualiti dan pelbagai disiplin.
2. FSPU mempunyai 5 kampus di Shah Alam, Puncak Alam, Arau, Seri Iskandar dan Kota Samarahan.
3. Pelan pengajian yang komprehensif dan digubal mengikut kehendak pasaran daripada masa ke semasa.
4. Medium penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran adalah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantaran meningkatkan kemahiran berbahasa inggeris di kalangan pelajar.
5. Hampir kesemua program mendapat pengiktirafan dari badan-badan professional di dalam negara/antarabangsa seperti *Chartered Institute of Building, UK (CIOB)*, *The Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS)*, *The Royal Institute of British Architects (RIBA)* dan Lembaga Jurukur Bahan Malaysia (LJBM).
6. Penawaran 31 program akademik yang merangkumi Sarjana dengan kerja kursus (7), Sarjana tanpa kursus (1), Doktor Falsafah (1), dan Sarjana Muda (22) di mana kesemua program ini telah mendapat pengiktirafan MQA dan JPA.
7. Infrastruktur yang disediakan bersesuaian dengan kehendak dan keperluan pelanggan berkepentingan.

Jika dilihat dari aspek kekuatan utama FSPU, jaringan industri dan kerjasama di antara badan profesional, universiti lain, organisasi luar dan juga komuniti masyarakat merupakan tunggak dalam memacu kejayaan FSPU. Sehingga tahun 2016, terdapat 16 MoU yang telah dimenterai dan masih aktif. Melalui perjanjian yang dimenterai ini menjadikan FSPU kini dikenali di rantau Asia.

Pencapaian Penyelidikan dan Perundingan sehingga tahun 2016 adalah seperti berikut:

Nilai Projek Penyelidikan RM 20,892,537
Nilai Projek Perundingan RM 8,630,337

Bertitik tolak dari 5 dasawarsa (1967 - 2016) penubuhannya, FSPU diyakini berpengalaman luas dalam pengurusan dan pengendalian kursus alam bina di Malaysia. Ini memberikan kelebihan kepada FSPU untuk bersaing secara kompetitif dengan fakulti di IPTA dan IPTS seperti Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Sains Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa dan Politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi.

(2) Perubahan Mempengaruhi Kedudukan Kompetitif Organisasi

Sebarang perubahan yang berlaku mempengaruhi kedudukan persaingan organisasi, maka peluang-peluang bagi inovasi dan kerjasama di laksanakan melalui pelan perancangan dan pekeliling-pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

(3) Data Perbandingan

Data perbandingan dan persaingan di kalangan sektor pendidikan dapat dicapai melalui laman sesawang UiTM, brosur, buletin, prospektus, penerbitan oleh sesuatu bahagian dan unit, penerbitan luar UiTM, ceramah atau penerangan dan maklum balas majikan terhadap pelajar semasa latihan industri. Selain daripada itu, data perbandingan terhadap pesaing dari luar sektor pendidikan dapat diakses melalui laman sesawang, interaksi dengan badan-badan profesional dan media massa seperti TV dan akhbar. Namun begitu terdapat batasan untuk memperolehi data berkenaan kerana datanya bersifat sulit. Ini mungkin disebabkan oleh strategi menghadapi persaingan. Ianya boleh diatasi dari masa ke masa melalui lawatan atau hubungan komunikasi secara langsung dengan pihak berkaitan.

b. Konteks Strategik

Bagi memastikan Hala Tuju Perancangan Strategik, FSPU berjaya mencapai strategi selari dengan Hala Tuju Strategik UiTM, empat (4) komponen berikut diberi penekanan seperti Jadual P.8.

Jadual P.8 Cabaran Strategik dan kelebihan Organisasi

Perkara	Cabaran	Kelebihan
Cabaran Program Pendidikan dan Perkhidmatan	- Pertambahan pelajar dengan kadar yang cepat dan pertambahan fasiliti yang lambat menjadikan ianya tidak seimbang. - Penawaran jenis-jenis program futuristik menepati kehendak pasaran. - Memastikan peratusan graduan mendapat pekerjaan adalah 100%. - Mengikuti perkembangan semasa dunia akademik supaya setanding dan ke hadapan dari pencabar utama. - Penyediaan fasiliti pembelajaran setanding dengan permodenan teknologi.	- Usahasama strategik FSPU dengan kerajaan, UiTM (Pusat), negeri, badan korporat dan pihak industri membuka peluang kepada pensyarah dan pelajar untuk meningkatkan jalinan industri dan memberikan khidmat kepada masyarakat setempat secara berterusan. - Gabungan kepakaran pensyarah dalam aktiviti penyelidikan, penulisan dan perundingan merentasi bidang kepakaran memberi kelebihan dan peluang kepada FSPU. FSPU mempunyai 8 orang pensyarah berjawatan Profesor (VK7/VK5), 79 orang berjawatan Profesor Madya dan 110 orang Pensyarah Kanan dan Pensyarah seramai 96 orang (Rujuk Jadual P.4).



Cabaran sumber Manusia	- Nisbah staf sokongan dengan staf akademik 1:5. Ini adalah keadaan yang mencabar untuk kecukupan dan keberkesanan pengurusan pentadbiran fakulti. - Nisbah staf sokongan dengan pelajar adalah 1:107 juga mencabar pengendalian masa kritikal seperti sesi pendaftaran dan peperiksaan. - Merapatkan jurang perbezaan umur dan pengalaman pensyarah baru dan lama. - Penglibatan kakitangan akademik di dalam meningkatkan pembelajaran dan penyelidikan menjadi sukar kerana beban kerja hakiki dan tidak hakiki (koordinator) yang berlebihan.	- Pembudayaan inovasi dan kreativiti dalam mengenalpasti masalah, penyelesaian dan peluang. - Operasi FSPU didokong oleh KPP dengan sokongan padu oleh semua pensyarah FSPU yang sentiasa komited dalam mendokong sistem pengurusan kualiti dan bersemangat memberikan yang terbaik. - Sentiasa memastikan pensyarah diberi pendedahan dan latihan yang bersesuaian melalui bengkel, seminar, konferensi, pertandingan dan latihan industri. - Semangat setiakawan, kekeluargaan dan kebertanggungjawaban warga FSPU sentiasa dipupuk melalui program-program rasmi atau tidak rasmi.
Cabaran tanggungjawab kemasyarakatan	- Mengekalkan dan meningkatkan reputasi sedia ada. - Mengekalkan dan mempertingkatkan hubungan baik dengan komuniti.	Pensyarah-pensyarah FSPU mempunyai jalinan industry dan kerjasama yang kuat.
Cabaran operasi	- Belanjawan terhad dari KPT untuk membangunkan infrastruktur. - Ruang perpustakaan yang terhad untuk sumber rujukan di FSPU dalam proses pembelajaran dan pengajaran. - Kekurangan ruang dan fasiliti yang kondusif berbanding bilangan pelajar dan staf. - Kepakaran staf sokongan yang terhad.	Pensyarah-pensyarah FSPU mempunyai hubungan yang kuat dengan pihak berkepentingan terutamanya melalui jaringan konsultasi. Secara tidak langsung ini dapat membantu dari segi sumbangan kewangan dan penajaan contohnya infrastruktur, bahan ilmiah, multimedia dan sebagainya.

c. Sistem Penambahbaikan Prestasi

FSPU mengekalkan fokus terhadap penambahbaikan prestasi melalui elemen-elemen utama seperti berikut:

- Pemantauan secara berterusan
- Kajian Semula Perancangan Strategik
- Mesyuarat-mesyuarat pengurusan fakulti
- Penstrukturan semula pengurusan dan pentadbiran FSPU
- Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan


Kaedah pemantauan dan penilaian adalah seperti yang tertera didalam Jadual P.9.

Jadual P.9 Elemen-elemen utama pada sistem penambahbaikan prestasi kaedah penilaian

Pentadbiran Am (Staf & Pelajar)	Kewangan	Perjawatan (Staf, Staf-Fail Peribadi, Pelajar)	Fungsi-Fungsi Utama (Staf & Pelajar)
- Laporan kualiti (audit) - Kualiti tahunan - Pembangunan pelajar - Lawatan akademik - Latihan pratikal	Laporan belanjawan	- Laporan keberadaan pensyarah - Laporan keberadaan staf pentadbiran - Laporan kehadiran pelajar - Laporan bulanan staf pentadbiran - Laporan "performance appraisal" - Laporan panel penasihat akademik dan pemeriksa luar - Laporan penilaian kakitangan - Laporan penilaian kursus/seminar dalam/luar negara	- Laporan peperiksaan (mesyuarat "post mortem") - Laporan keputusan peperiksaan - Kertas kerja untuk mesyuarat senat

Secara keseluruhannya FSPU telah membuktikan keunggulan dan daya saingnya dengan kejayaan- kejayaan serta penambahbaikan yang telah di capai dari tahun 2012 hingga 2016. Program-prgram FSPU terus menerima pengiktirafan dari pelbagai badan profesional, selain dari MoU dengan organisasi tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, pelajar- pelajar FSPU juga aktif dalam menyertai pertandingan berasaskan akademik di peringkat nasional dan antarabangsa. FSPU sentiasa memperbaiki jaringan industri dan kerjasama, sistem pengurusan, pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan fakulti ini kekal relevan dan terus melahirkan modal insan yang berkualiti di masa hadapan seiring dengan moto FSPU iaitu '*Generations of Professional Excellence*'.





BAB 1

◆ **PEMBANGUNAN
PELAJAR**

◆ **KEPIMPINAN**

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR



1.0 KEPIMPINAN

1.1 KEPIMPINAN FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR (FSPU)

Pengurusan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) adalah terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan, Timbalan Pendaftar Kanan, dan Ketua Pusat Pengajian. Berteraskan alam bina, FSPU di bawah kepimpinan Dekan telah mencapai keutuhan dan kemantapan dalam merealisasikan visi, misi dan nilai yang telah ditetapkan. Sepanjang 2011 hingga 2016, fakulti telah melakukan beberapa perubahan visi, misi dan objektif bagi memastikan ianya selari dengan keperluan semasa dan memenuhi matlamat universiti.

1.1.1 Visi FSPU

Dari tahun 2011 hingga 2014, visi fakulti adalah 'menjadi sebuah fakulti yang unggul menjana kecermelangan akademik, penyelidikan dan perundingan dalam bidang alam bina di peringkat antarabangsa dan seterusnya melahirkan graduan yang bersedia menangani cabaran di era globalisasi dan menjadi masyarakat yang berilmu, bertaqwa dan berhemah tinggi'.

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perubahan visi sejak tahun 2015 iaitu 'menjadikan FSPU sebuah fakulti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecermelangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam bidang Alam Bina yang bertaraf dunia supaya terlahir graduan professional yang berdaya saing, global dan beretika'.

1.1.2 Misi FSPU

Misi fakulti juga turut diperkasakan di mana pada tahun 2011 hingga 2014 misi fakulti adalah 'FSPU menyokong misi UiTM untuk melahirkan professional dalam bidang alam bina yang mempunyai nilai murni dengan menyediakan program profesional yang unggul selari dengan industri semasa menerusi pengajaran, penyelidikan dan perundingan yang komprehensif'.

Pada tahun 2015 misi fakulti telah diberi sedikit perubahan iaitu 'mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam bidang Alam Bina menerusi penyampaian program professional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan'.

1.1.3 Objektif FSPU

Objektif FSPU telah di tambahbaik pada objektif ke 4 dan ke 5 seperti berikut:

- i. Mencapai pertambahan peratusan bilangan pelajar tamat pengajian dengan CGPA 3.50 ke 10%
- ii. Memastikan sekurang-kurangnya 85% pelajar sepenuh masa graduan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- iii. Meningkatkan peratusan pensyarah berkelulusan ijazah kedoktoran kepada 60% dan profesional 40% menjelang 2020.
- iv. Memastikan fakulti mendapat geran penyelidikan sebanyak RM 1 juta setiap tahun
- v. Mencapai penglibatan staf akademik dalam bidang penulisan penerbitan ilmiah / kerja kreatif pada kadar purata satu per staf akademik setiap tahun.

1.1.4 Amalan Pengurusan dan Budaya Etika Profesional FSPU

Fakulti ini mengekalkan tradisi sebagai fakulti profesional yang sangat menitikberatkan profesionalisma dalam aspek pengurusan dalaman, hal ehwal akademik dan hal ehwal pelajar melalui sebelas pusat kecemerlangan akademik dan



kekuatan program profesional yang ditawarkannya. Akreditasi daripada badan-badan professional yang menjalankan semakan dan lawatan berkala terhadap penilaian kurikulum professional serta pelaksanaan program seperti Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), *Royal Institute of British Architects* (RIBA), *Royal Institute of Chartered Surveyors* (RICS) dan Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM) memantapkan lagi etika profesional FSPU. Jadual 1.1 menunjukkan mekanisma amalan pengurusan dan budaya etika profesional FSPU.

Jadual 1.1: Amalan Pengurusan FSPU Dalam Menyemarak Budaya Beretika dan Profesional FSPU

Amalan	Penilaian dan Mekanisma Penambahbaikan	Koordinasi dan Kemaskini
Budaya Kerja Berkualiti dan Budaya 5S	Mewujudkan Jawatankuasa dan pelaksana khas termasuk Unit Kualiti yang memantau sistem operasi dan pengurusan dokumen bagi mematuhi prosedur piawaian yang ditetapkan.	Penyebaran maklumat dan koordinasi melalui komunikasi Minit Mesyuarat, Pekeliling, Banner, Notis Papan Kenyataan, Surat, Taklimat, Laman Sesawang FSPU.
	Melaksana dan mematuhi keperluan silibus yang ditetapkan oleh MQA dan JPT.	
Budaya Beretika dan Pembangunan Profesional Secara Berterusan (<i>Continuous Professional Development</i>)	Melaksanakan tugas dan kemaskini fail meja, manual prosedur kerja dan Manual Prosedur Operasi dan Manual Prosedur Pengurusan.	
	Perlantikan Jawatankuasa dan Koordinator Khas bagi aktiviti Khidmat Masyarakat.	
	Perlantikan Jawatankuasa dan Koordinator Khas bagi mengumpul dan menilai MyRA, Prisma bagi mengaudit kualiti dan kuantiti Penyelidikan dan Penerbitan, Inovasi dan Pengkomersialan.	
	Perlantikan Jawatankuasa dan Koordinator Khas ICAN yang menjalankan pengumpulan geran dan aktiviti Jalinan Perhubungan Industri.	
	Perlantikan Jawatankuasa dan Koordinator Khas Dana Khas Bantuan Kewangan Pelajar.	
	Perlantikan Jawatankuasa dan Koordinator Khas bagi Latihan Praktikal di Firma Profesional.	
	Perlantikan Jawatankuasa bagi menilai jumlah jam latihan/kursus/konferensi Pensyarah dan Staf Pentadbiran.	
	Perlantikan Jawatankuasa bagi membuat halatuju FSPU dan unjuran Pensyarah dan Staf Pentadbiran melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.	
	Perlantikan dan Jawatankuasa Khas Bagi Majlis Keraian, Festival dan Majlis Kesyukuran, Bacaan Yasin dan Tahlil.	

1.1.5 Perancangan Strategik dalam Memperkukuhkan Kemampanan FSPU

Fakulti ini terus berkembang dan memperkukuhkan kemampanannya dengan berdasarkan perancangan strategik yang telah direncanakan. Dalam mengukuhkan kemampanan FSPU dan merealisasikan perancangan strategik yang telah ditetapkan, beberapa inisiatif strategik yang memfokuskan beberapa teras tertentu digariskan sebagai langkah untuk mencapai visi, misi dan objektif FSPU. Inisiatif-inisiatif strategik ini adalah berdasarkan kepada Perancangan Strategik FSPU 2016-2020. Perencanaan perancangan strategik fakulti juga adalah diselaraskan dengan keperluan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) 2016-2020, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan Amanat Tahun Baru Naib Canselor 2016.

i) Strategi Pengukuhan Fasiliti

Dari aspek strategi pengukuhan fasiliti, FSPU telah mewujudkan sebelas pusat pengajian yang menawarkan 29 program akademik yang bermula dengan peringkat diploma, siswazah dan pasca siswazah. Sehingga 2016, jumlah keseluruhan pelajar FSPU telah mencapai 16,417 orang yang mengikuti program di kampus Shah Alam, Seri Iskandar, Arau and Kota Samarahan. FSPU terus berkembang pesat dengan kampus terbaru di Puncak Alam sebagai kampus kelima FSPU yang telah pun beroperasi pada Mac 2016.

ii) Strategi Pengukuhan Modal Insan

Strategi pengukuhan bagi memastikan kemampanan FSPU direalisasikan melalui tiga kaedah utama iaitu pemerkasaan terhadap perkara berikut:

1. Pengurusan Atasan FSPU
2. Hal Ehwal Akademik
3. Hal Ehwal Pelajar

Ketiga-tiga kepimpinan dan pimpinan ini saling berhubung di antara satu sama lain sebagai mekanisma yang menjana kecemerlangan pelajar FSPU. Selain itu, carta alir organisasi menggambarkan koordinasi dan komunikasi fakulti dalam melaksanakan objektif, misi dan matlamat FSPU. Rajah 1.1 menunjukkan koordinasi strategi pengukuhan modal insan FSPU.



Rajah 1.1: Strategi Pengukuhan Modal Insan FSPU

Dalam menentukan kecemerlangan para pelajar FSPU, beberapa inisiatif strategik yang memfokuskan pembangunan pelajar diberikan penekanan. Jadual 1.2 menunjukkan inisiatif-inisiatif strategik yang digariskan selaras dengan matlamat mencapai kecemerlangan pelajar serta memantapkan fakulti secara keseluruhan.

Jadual 1.2: Inisiatif-inisiatif Strategik FSPU berdasarkan Perancangan Strategik FSPU 2016-2020

	Teras	Inisiatif	Strategi	Output/Outcome
1	Pengajaran dan Pembelajaran	Program: FSPU Dihatiku Projek: TM @ GoT Program: Kesarjanaan dan Profesionalisme @FSPU Projek: Kurikulum Berwawasan (Curriculum for the future) Innovative Flexible learning -MOOC Selangkah ke FSPU (Pasca-Siswazah) Global FSPU (Pengiktirafan & Jalinan Antarabangsa)	• Mempertingkatkan kualiti staf akademik • Menawarkan program-program baru • Meningkatkan kepelbagaian mod pengajian • Meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa peringkat pascasiswazah, bilangan graduan pasca-siswazah • Meningkatkan jumlah Dana Penyelidikan • Menyediakan infrastruktur penyelidikan yang optimum • Meningkatkan penglibatan pakar industri di dalam pembangunan dan penambahbaikan kurikulum akademik • Mewujudkan Pusat kecemerlangan/ penyelidikan yang diiktiraf di Peringkat Kebangsaan & Antarabangsa • Meningkatkan pengambilan staf bukan warganegara dan bukan bumiputera • Meningkatkan Jumlah Penerbitan Berindeks, mengkomersialkan kepakaran ilmu baru.	• Graduan tamat dalam tempoh bertambah (ini selaras dengan objektif 2 FSPU) – Program TM@GoT • Pertambahan peratus graduan bergraduasi dengan CGPA 3.5 ke atas. (selaras Objektif 1 FSPU). • Program baru/pelbagai mod bertambah • Pengambilan dan enrolmen pelajar bertambah – Program Selangkah Ke FSPU • Aktiviti e-Pembelajaran meningkat – Program <i>Innovative Flexible Learning</i> • Program yang mengikut keperluan semasa dan mendapat pengiktirafan badan professional • Kepelbagaian akademik universiti meningkat • Pertambahan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk/ penasihat di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.
2	Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan	FSPU Peneraju Penyelidikan dan Inovasi (FSPU PIP 2020) - IIDEX FSPU - Penjilidan - Hasil Kreativiti Pelajar - Hasil Penyelidikan Pensyarah - Harta Intelek Pensyarah dan Pelajar - Paten (produk/perabot)	• Meningkatkan hasil harta intelek serta inovasi yang akan dipaten dan dikomersialkan • Meningkatkan bilangan artikel diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi. • Meningkatkan bilangan harta intelek yang difailkan (Paten dan UI sahaja). • Meningkatkan bilangan kolaborasi penyelidikan dalam	• Penjana dana dari hasil penyelidikan yang dikomersialkan • Bilangan sitasi pensyarah dan paten meningkat (selaras Objektif FSPU 4 dan 5) • Kepakaran staf akademik meningkat (selaras Objektif 3 FSPU) • Skor MyRA meningkat



	Teras	Inisiatif	Strategi	Output/Outcome
		- Kerja penghasilan penyelidikan pelajar sarjana muda, sarjana dan PhD (paten, harta intelek) FSPU Peneraju Ilmu - Penerbitan Built Environmental Journal - ISBN - Amer Abra / cE-Bs - ICRMBEE -Perjumpaan Santai Dekan FSPU bersama staf - pemantauan berkala (Pusat Pengajian Siswazah FSPU) - mentor-mentee penyelidikan -dissertation conversion FSPU Peneraju Kolaborasi -Kolaborasi Deakin University, Universiti Awam (Alam Bina-UM, USM, UPM, UTM, UIA, UKM), Universitas Bung-Hatta, Kobe University, Kyung Hee University	negara dan luar negara. • Meningkatkan bilangan staf akademik berkecemerlangan PhD dan setaraf.	• Research-preneur diwujudkan • Syarikat spin-off diwujudkan
3	Akademia, Industri dan Masyarakat	Program: Built Environment 3-D @Industry, Community and Alumni Outreach Projek: Oracle program (penyelesai masalah), Innovation-R&D@industry+high impact publication, synergy academia - professional bodies, academic publicity, Young Expertise Industry Outreach: Pameran - Menyewa ruang pameran kepada industri; Ceramah kerjaya (kerjaya4U); Inkubator; pertandingan projek pelajar siswazah dan pasca siswazah Sentuhan Masyarakat: "Seed of deeds"; Jom sembang kerjaya; Projek BEe-community	• Memartabatkan akademia di persada global • Meningkatkan jaringan industri, masyarakat dan alumni	• Kepakaran staf akademik meningkat • Sumbangan graduan UiTM terhadap Bumiputera Commercial and Industrial Community (BCIC) • Aktiviti kolaborasi dan mobiliti peringkat antarabangsa meningkat • Peningkatan kolaborasi dengan universiti/industri
4	Kepimpinan	TG50 FSPU Kecemerlangan Akademia	• Menguatkan proses pengajaran dan pembelajaran • Mempertingkatkan kualiti staf akademik • Meningkatkan penglibatan pakar industri di dalam pembangunan dan penambahbaikan kurikulum akademik • Mewujudkan Pusat kecemerlangan/ penyelidikan yang diiktiraf di Peringkat Kebangsaan & Antarabangsa • Meletakkan UiTM di peta dunia • Memantapkan Program kemahiran Insaniah (KI) • Melahirkan graduan usahawan melalui program yang inovatif dan berimpak tinggi	• Pengiktirafan staf akademik dalam P&P • Pemimpin pelajar yang berketerampilan
5	Keusahawanan	FSPU Siswa Enterprise Biz-U @ FSPU	• Melahirkan graduan usahawan melalui program yang inovatif dan berimpak tinggi	• Aktiviti berteraskan keusahawanan meningkat • Peningkatan kebolehpasaran graduan Bumiputera • Kolaborasi keusahawanan untuk perkhidmatan <i>coaching</i> dan penasihat perniagaan. • Bilangan mahasiswa yang menjadi usahawan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Inisiatif-inisiatif ini juga digariskan demi mencapai visi, misi dan objektif FSPU dalam melahirkan graduan professional yang cemerlang. Dengan terlaksananya inisiatif-inisiatif ini, kemantapan fakulti dapat dipertingkatkan dan objektif-objektif yang disasarkan dapat dicapai.

1.1.6 Komunikasi dan Prestasi Organisasi FSPU

Perkongsian maklumat di semua peringkat adalah sangat penting dalam setiap aspek perancangan, pengurusan dan pelaksanaan program. Semua jenis medium dioptimumkan bagi menyampaikan dan menyebarkan maklumat berkenaan visi, misi dan aktiviti FSPU dengan berkesan, cepat dan tepat. Selain itu, penyampaian mesej FSPU juga dilaksanakan melalui program dan majlis anjuran Pusat Pengajian, HEP dan HEA yang mana ianya bersifat formal dan tidak formal. Rajah 1.2 menggambarkan koordinasi dan komunikasi fakulti dalam melaksanakan objektif, misi dan matlamat FSPU.



Rajah 1.2: Koordinasi dan Kaedah Komunikasi FSPU

1.1.7 Koordinasi, Tindakan dan Pemantauan Kepimpinan FSPU

Kepimpinan FSPU menggunakan pendekatan yang memberi penekanan kepada nilai dan keseimbangan dalam memenuhi jangkaan dan harapan antara pelajar dan pemegang amanah FSPU. Fokus ini di sokong penuh oleh kepimpinan tertinggi hingga ke akar umbi di peringkat staf pengurusan, akademik, pentadbiran dan pelajar.

Visi dan nilai FSPU disampaikan kepada pelajar melalui Jawatankuasa Akademik FSPU di mana pelajar baharu dimaklumkan berkenaan peraturan dan aspirasi universiti dalam program Minggu Haluan Siswa dibantu oleh Sekretariat Mahasiswa SMF) dan persatuan- persatuan pelajar dari setiap Pusat Pengajian serta mengambil kira pandangan pelajar dan membuka ruang penambahbaikan melalui taklimat pelajar dan sistem maklum balas SUFO.

Pada setiap semester FSPU menerima kira-kira 1000 permohonan pendaftaran pelajar daripada semua program ijazah semester (01-08) dan pasca-siswazah Master dan PhD. Manakala, untuk program dan aktiviti yang melibatkan pelajar, pihak HEA dan HEP memproses hampir 200 permohonan aktiviti yang mana isi kandungannya adalah berfokuskan kepada kecemerlangan pelajar dan staf. Penglibatan aktif dalam aktiviti yang bersifat kecemerlangan akademik dan insaniah adalah melibatkan seluruh warga FSPU. Pelaksanaan setiap aktiviti yang dijalankan adalah berteraskan kepada visi dan misi FSPU bagi memenuhi halatuju FSPU.

Antara aktiviti-aktiviti pelajar yang dijalankan adalah Seminar Pelajar Program Pembangunan Pelajar; Minggu Mesra Siswa; Perhubungan Industri; Latihan Amali Pelajar (Rajah 1.3). Selain itu, aktiviti penggalakan inovasi dilaksanakan bagi menambahbaik kualiti dan produktiviti kerja seperti penubuhan jawatankuasa KIK dan pertandingan IIDex.

Selain memastikan kecemerlangan akademik, FSPU diperkasakan dengan mempunyai unit kualiti yang secara berterusan memantau operasi dan dokumen FSPU (Rajah 1.4).



Rajah 1.3: Misi Kecemerlangan Akademik FSPU



Rajah 1.4: Misi Kualiti FSPU

Dalam memastikan kelestarian tadbir urus FSPU, unit audit dalaman dan penurunan kuasa secara berjadual dilaksanakan bagi memastikan visi dan misi yang dibangunkan tercapai. Pemantauan dan koordinasi dilakukan melalui mesyuarat berkala yang diadakan seperti mesyuarat pengurusan yang dipengerusikan oleh Dekan. Sementara di peringkat pusat pengajian mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pusat Pengajian.

Proses audit dalam akan memastikan aspek akademik menepati kehendak Badan-badan Akreditasi program dan MQA memenuhi piawai penyediaan dokumen seperti Jadual Syarahan, Portfolio Pengajaran, kertas peperiksaan, memastikan fasiliti ruang dan peralatan di dalam keadaan yang baik dan diselenggara untuk memastikan pelajar dapat belajar dalam suasana tenang dan meningkatkan kualiti pembelajaran agar tercapai peratusan CGPA yang terbaik dan tamat pengajian menepati masa.

Untuk memastikan efisiensi sebagai fakulti yang tertua di UiTM, fakulti ini mengadakan kerjasama dan perhubungan secara professional dengan peringkat antarabangsa yang didokong oleh professor, para akademik staf dan sarjana. Dalam memenuhi dasar FSPU iaitu menyediakan dan mengendalikan program pengajian Alam Bina yang berkualiti, FSPU membangunkan kemahiran kepimpinan melalui perlantikan Ketua Pusat Pengajian, Koordinator, Pemantau Akademik, Jawatankuasa Kualiti, Jawatankuasa Audit, dan lain-lain. Melalui penglibatan ini pengurusan dapat mengenalpasti tokoh-tokoh kepimpinan di kalangan warga FSPU.



Rajah 1.5: Misi Pemerkasaan Geran, Konferensi dan Penerbitan


Staf akademik dan pentadbiran juga diberi peluang untuk menganggotai jawatankuasa untuk mengendalikan konferensi – konferensi peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi melatih bakat kepimpinan (Rajah 1.5). Antara pusat yang aktif adalah *Center of Behaviour Studies* (cE-Bs) yang sangat aktif mengadakan lebih 26 konferensi mulai 2009 dan di peringkat ASEAN (*ASEAN Conference of Behaviour Studies*) dan -Asia Pacific yang dikenali dengan *Asia Pacific International Conference of Behaviour Studies*. Selain itu, aktiviti kerohanian dan motivasi juga dilaksanakan bagi membantu meningkatkan motivasi dan produktiviti kerja di kalangan staf pentadbiran dan staf akademik.

Aktiviti untuk meningkatkan kecemerlangan inovasi, keusahawanan dan kreativiti staf dan pelajar di tunjukkan di dalam Rajah 1.6.



Rajah 1.6: Strategi Pencapaian Misi Kecemerlangan Inovasi, Keusahawanan dan Kreativiti FSPU

Untuk melahirkan pelajar yang holistik, galakan diberikan oleh pihak FSPU untuk terlibat di dalam aktiviti bercorak komuniti yang di bawah misi khidmat masyarakat. Dengan adanya Koordinator Pelajar yang dilantik dari kalangan staf akademik, program-program pelajar dapat diselia dan dipantau dengan lebih efisien. Kepimpinan pelajar yang terdiri daripada Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) juga memainkan peranan dalam menentukan keberkesanan program dan aktiviti pelajar yang dirancang. Jalinan erat di antara Koordinator Pelajar, pemimpin-pemimpin pelajar dan Presiden Persatuan Pelajar bagi setiap jurusan di FSPU memastikan keberkesanan dalam penyampaian matlamat program serta melatih daya kepimpinan di kalangan pelajar FSPU (Rajah 1.7).



Rajah 1.7: Hierarki Pelaksanaan Aktiviti dan Kepimpinan Pelajar FSPU

Penghargaan diberikan kepada staf dan pelajar yang menunjukkan sifat cemerlang. Bentuk penghargaan yang diberikan oleh kepimpinan atasan FSPU adalah Anugerah dan Kehormat untuk Pelajar melalui anugerah seperti Sijil Dekan; Sijil Pelajar Terbaik UiTM; Hadiah/Cenderamata; Surat-surat Penghargaan; Surat-surat Tahniah; Surat-surat Pengiktirafan dan Kenaikan Pangkat.



1.2 GOVERNAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

1.2.1 Perancangan Dan Tadbir Urus FSPU Yang Sistematis

Tadbir urus FSPU yang sistematis diterajui oleh Dekan selaku ketua pentadbiran yang akan memastikan perancangan halatuhu fakulti dicapai seiring dengan matlamat penubuhannya. Beliau dibantu oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar yang membantu mentadbir pengurusan hal-hal akademik dan kesejahteraan pelajar. Lantikan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri pula seiring dengan halatuhu fakulti ke arah mengalkan budaya penyelidikan di antara kakitangan fakulti dengan alumni serta industri luar untuk meningkatkan profesionalisma dan kualiti pensyarah. Perancangan dan pengurusan FSPU Shah Alam adalah berteraskan integriti dan akauntabiliti dalam sistem pentadbirannya. Holistiknya, ia berdasarkan kepada rujukan, perbincangan dan pematuhan dalam semua aspek untuk mencapai keputusan yang berkesan dari segi akademik, pengurusan dan profesionalisma kakitangannya.

Penekanan akauntabiliti adalah berlandaskan kepada peraturan-peraturan standard dan pekeling yang diguna pakai antaranya seperti Peraturan UiTM (Akta UiTM), Pekeling Naib Canselor, Pekeling Timbalan Naib Canselor UiTM, Pekeling Dekan FSPU, Pekeling Am Kerajaan dan Pekeling Perkhidmatan. Akauntabiliti Kewangan pula ditentukan melalui Pekeling Bendahari dan Pekeling Perbendaharaan. Pihak pengurusan akan memastikan akauntabiliti kewangan pihak pengurusan dilakukan dengan telus dan semua ahli lembaga Governan/ Badan Penggubal Dasar berhak mengetahui kedudukan akaun dan inventori/audit, Belanjawan Am dan Laporan Dalaman serta Luaran Aktiviti Tahunan Audit Am. Ketelusan operasi pihak pengurusan dilakukan dengan penekanan audit dalaman dan luaran yang bebas dan neutral melalui Pengurusan Fail Audit (Surat Menyurat), Pengurusan Fail Audit (Kertas Kerja), Pengurusan Fail Audit (Persijilan) dan Audit Am dalaman dan luaran.

1.2.2 Pelaksanaan Dalam Penilaian Dan Pencapaian FSPU

Pencapaian KPI (*Key Performance Indicator*) perseorangan kakitangan pentadbiran dan akademik yang terdiri daripada ketua organisasi, Ketua Pusat Pengajian, pensyarah dan kakitangan sokongan pentadbiran, dinilai melalui Sistem Penilaian Prestasi (SKT) setiap tahun oleh Dekan dan Ketua Pusat Pengajian masing-masing. Manakala, keberkesanan pengurusan pentadbiran dan akademik pula dinilai oleh badan-badan akreditasi profesional dalaman dan luaran yang jawatankuasanya terdiri daripada pensyarah-pensyarah yang dilantik. Antara tugas jawatankuasa ini adalah mengaudit bahan-bahan akademik, infrastruktur, kelayakan kakitangan dan penilaian pelajar terhadap program pengajian serta pengurusan FSPU. Untuk mencapai dasar halatuhu FSPU, penilaian pencapaian dilakukan bertujuan untuk menentukan keberkesanan sistem kepimpinan dan pengurusan serta penambahbaikan kecekapan dan proses sediaada. Oleh yang demikian, semakan mekanisma penilaian dan pencapaian yang digunapakai di FSPU adalah seperti berikut:

Jadual 1.3: Penilaian Dan Pencapaian FSPU

Jenis Pencapaian	Mekanisma	Indikator	Kekerapan	Dinilai Oleh
Pencapaian Kualiti Akademik	Akreditasi Badan Profesional: • Badan Profesional Dalam Negeri • Badan Profesional Luar Negara • Lawatan Adjunct Professor • Lawatan Penasihat Akademik dalam dan luar • Lawatan Wakil Industri	Pencapaian kualiti akademik bertepatan dengan kurikulum dan kehendak industri.	Setiap semester ke dua tahun sekali	Badan dan perseorangan yang dilantik



Pencapaian Kualiti Kakitangan Akademik	• Student's Feedback Online (SUFO) • Pemantauan Profesionalisma Pensyarah (PROPENS) • Sistem Penilaian Prestasi (SKT)	• Maklumbalas Pelanggan terhadap pembelajaran dan kemudahan. • Profesionalisma Pensyarah • Pencapaian KPI	• Setiap semester • Setiap semester • Setiap tahun	• Pelanggan • Ahli jawatankuasa yang dilantik • Dekan dan Ketua Pusat Pengajian
Pencapaian Kualiti Kakitangan Pengurusan	• Sistem Penilaian Prestasi (SKT)	Pencapaian KPI	Setiap tahun	Dekan

1.2.3 Pemantauan Dan Penilaian Kualiti

Secara amnya, pemantauan dan penilaian kualiti di FSPU turut mengambilkira konteks perundangan, peraturan dan akreditasi. Pihak pengurusan tertinggi FSPU mempunyai strategi yang efektif dan komprehensif dalam menawarkan perkhidmatan yang berkualiti agar dapat melindungi kumpulan sasarannya, iaitu pengurusan akademik, kakitangan, pihak berkepentingan dan pelajar. Namun, tumpuan yang lebih kolektif di beri kepada pelajar yang menjadi pelanggan utama FSPU.

Pemantauan kualiti kakitangan dilihat sebagai satu proses yang penting kerana keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dapat mempengaruhi kualiti pelajar dalam bidang akademik dan insaniah. Pada masa yang sama kualiti program, operasi dan penawaran perkhidmatan turut dinilai untuk kelangsungan itu. Pemantauan dalam kualiti perkhidmatan oleh kakitangan kepada pelajar boleh dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 1.4: Pemantauan Dalam Penilaian Kualiti Kakitangan Dan Pelajar FSPU

Pihak Kakitangan, Pelajar dan Pentadbiran	Penilaian dan Akreditasi Program
Akademik	• Soal selidik/kajian penubuhan kursus baharu yang melibatkan komuniti dan pihak industri. • Bengkel penyediaan dokumen program baharu. • Bengkel pemantapan OBE. • Pemantauan profesionalisma pensyarah. • Semakan dan tindakan SUFO.
Kakitangan dan Pelajar	<u>Kakitangan</u> • Galakan menghadiri kursus dalam bidang. • Galakan pembentangan kertas kerja. • Galakan menyambung pengajian. • Pemantauan kehadiran kakitangan. • Pemantauan kelas. • Analisa keperluan latihan. • Laporan kepakaran dalam Prisma. • Laporan tatatertib kakitangan. • Laporan keberadaan bulanan staf. • Pengisytiharan harta dan liabiliti. • Maklumbalas badan akreditasi dan pemeriksa luar. <u>Pelajar</u> • Borang maklumbalas pelajar (SUFO). • Maklumbalas latihan praktikal pelajar. • Maklumbalas lawatan akademik. • Penilaian pengajaran pensyarah. • Disiplin dan tatatertib pelajar. • Surat amaran. • Laporan kehadiran kuliah. • Kaunseling.
Pihak Berkepentingan	Maklumbalas pelanggan.
Operasi Pengurusan	• Pengendalian aduan dan maklumbalas pelanggan. • Kajian keperluan pelanggan. • Peti cadangan (infrastruktur).



1.2.4 Hubungkait Kualiti Kakitangan Dengan Pelajar

FSPU turut menekankan Lima Teras Perancangan Strategik dan hubungkait kualiti kakitangan serta impaknya kepada pelajar. Pembentukan Lima Teras ini adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke Sebelas Pelan Strategik UiTM 2016-2020 dan Pelan Pendidikan Malaysia 2015-2025 di peringkat Pendidikan Tinggi. Antaranya Teras 1: Pengajaran dan Pembelajaran; Teras 2: Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan; Teras 3: Akademia, Industri dan Masyarakat; Teras 4: Kepimpinan; dan Teras 5: Keusahawanan.

Sehubungan dengan itu, FSPU menekankan dua Program teras iaitu Global FSPU dan Biz-FSPU. Hubungkait Program Global FSPU terhadap pelajar bilamana program atau khusus dapat meningkatkan pencapaian FSPU ke tahap global seperti dalam bidang pengajaran, jaringan industri pelajar, penerbitan pelajar dan kepimpinan pelajar. Biz-FSPU pula melibatkan program atau kursus yang dapat menjana pendapatan dan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai keusahawanan.

Hasil dari pendekatan tersebut maka beberapa pelan tindakan dalam bentuk Inisiatif Program dan Projek dilaksanakan di FSPU seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.5:

Jadual 1.5: Hubungkait Kualiti Kakitangan Dan Pelajar FSPU

Teras 1: Pengajaran & Pembelajaran				
Strategi	Inisiatif Program	Inisiatif Projek	'Output'	'Outcome'
- Mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran - Mempertingkatkan kualiti kakitangan akademik	FSPU Dihatiku	'Graduate on time' GOT	Graduan tamat dalam tempoh bertambah	Peningkatan kebolehpasaran graduan Bumiputera
- Menawarkan program-program baru - Meningkatkan kepelbagaian mod pengajian	Kesarjanaan dan Profesionalisme di FSPU	Kurikulum Berwawasan: FSPU-Deakin Collaboration	Program baru/pelbagai mod bertambah	Peningkatan akses pengajian tinggi kepada pelajar Bumiputera
Teras 2: Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan				
Meningkatkan hasil harta intelek serta inovasi yang dipaten dan dikomersialkan	FSPU PIP 2020	FSPU Peneraju Penyelidikan dan Inovasi: IIDEX FSPU, Hasil Kreativiti Pelajar, Hasil Penyelidikan Pensyarah, Harta Intelek Pensyarah dan Pelajar & Paten (produk/perabot).	Penjanaan dana dari hasil penyelidikan yang dikomersialkan	Pengurangan kebergantungan kepada Dana Kerajaan
Teras 3: Akademia, Industri dan Masyarakat				
Memartabatkan akademia di persada global	-	Program Penyelesai Masalah, Inovasi R&D Industri, Penerbitan Berimpak Tinggi, Badan Profesional, Publisiti Akademik, Kepakaran Muda & Penglibatan Dalam R&D Industri.	Bilangan mahasiswa pascasiswazah yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa.	Pelopor pembangunan dan pengembangan ilmu terkehadapan
Teras 4: Kepimpinan				
Memantapkan Program kemahiran Insaniah (KI)	-	Kecemerlangan Akademia	Pemimpin pelajar yang berketerampilan	Bilangan penganjuran program berteraskan 'University Community Engagement' (UCE).
Teras 5: Keusahawanan				
Melahirkan graduan usahawan melalui program yang inovatif dan berimpak tinggi	FSPU Siswa Enterprise	Biz-U di FSPU	Aktiviti berteraskan keusahawanan meningkat	- Bilangan kolaborasi keusahawanan untuk perkhidmatan coaching dan penasihat perniagaan. - Bilangan mahasiswa yang menjadi usahawan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

1.2.5 Pengurusan Risiko Pelajar

Sasaran pelanggan di FSPU antaranya adalah pelajar. Semua kakitangan FSPU mempunyai tanggungjawab bersama bagi memastikan keselesaan, keselamatan dan kesihatan para pelajar. Tanggungjawab pengurusan risiko secara bersama ini adalah dengan merujuk kepada polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan UiTM, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) dan juga perundangan-perundangan lain yang berkaitan.

Dekan telah melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (SOSHCo) di FSPU bagi memastikan kes-kes kemalangan, kecederaan dan penyakit direkodkan. Siasatan akan dibuat untuk mencari sebab-sebab kejadian agar langkah-langkah pencegahan dapat diambil. Antara langkah pencegahan seperti mesin dan peralatan di makmal atau bengkel diperiksa serta diuji, peralatan perlindungan diri disediakan di makmal atau bengkel, bahan-bahan berbahaya disimpan di tempat yang selamat, pemeriksaan sistem pencegahan kebakaran di bangunan FSPU dan menjalankan program latihan termasuklah 'firedrill' bersama pihak bomba. Kepentingan pengurusan risiko terhadap keselamatan dan kesihatan pelajar FSPU adalah sebagai salah satu langkah untuk pernyediaan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggannya.


1.2.6 Tanggungjawab Kemasyarakatan Dan Sokongan Terhadap Komuniti

FSPU bukan sahaja bertanggungjawab menitikberatkan hal-ehwal akademik sebagai 'core-business'nya tetapi juga mengambil kira kesejahteraan masyarakat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung supaya mendapat faedah dan impak daripada strategi pengurusanannya. Keterlibatan kakitangan dan pelajar FSPU dengan masyarakat menyumbang kepada situasi menang-menang di kedua-dua belah pihak. Penglibatan kakitangan dan pelajar terhadap program kemasyarakatan boleh dilihat dengan jelas dalam aspek persekitaran, sosial dan ekonomi seperti jadual di bawah:

Jadual 1.6: Tanggungjawab Kemasyarakatan Kakitangan Dan Pelajar FSPU

Pengurusan dan Pelajar FSPU	Menyumbang dari Aspek	Bentuk Kegiatan dan Aktiviti
	Kesejahteraan Ekonomi	• Rekabentuk Landskap di Royal Floria. • Karnival Keusahawanan & "Free Market". • Menggalakkan usaha ke arah keusahawanan dengan terbentuknya Pekan Rabu yang diadakan setiap hari Rabu di perkarangan 'courtyard' fakulti. • Nurseri Pokok FSPU. • Melibatkan diri dalam memberi khidmat konsultansi projek-projek luar samada melalui atau tidak melalui UiTM.
	Kesejahteraan Sosial	• Program Khidmat Masyarakat Orang Asli, Program Khidmat Bakti Siswa, Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM) Program Bakti Siswa, Program Khidmat Masyarakat Rumah Orang Tua, Program "Community Outreach" Surau dan Program Masyarakat Rumah Anak Yatim. • Melibatkan diri sebagai orang perseorangan atau menyumbang kepakaran dalam aktiviti-aktiviti keagamaan, pelajaran dan sukan. • Penglibatan aktif pelajar-pelajar mengikuti aktiviti-aktiviti persatuan pelajar melibatkan aktiviti dalaman dan luaran dengan IPTA dan IPTS yang lain. • Melibatkan diri sebagai fasilitator menyumbang kepakaran kepada agensi-berkaitan.
	Kesejahteraan Persekitaran	• Seminar Penjagaan Alam Sekitar anjuran Bersama Sekolah-Sekolah. • Gotong royong membersihkan rumah-rumah kebajikan.

Perancangan dan tadbir urus FSPU yang sistematik ini berjaya melahirkan pelajar yang inovatif dan berdaya saing sesuai dengan keperluan industri. Kepakaran FSPU sebagai penyumbang kepada alam bina merupakan kelebihan dan kekuatan fakulti ini untuk menghasilkan tenaga-tenaga mahir dalam bidang masing-masing. FSPU bertanggungjawab menyumbang kemahiran berkhidmat kepada masyarakat sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat.



BAB 2

◆ **PEMBANGUNAN
PELAJAR**

◆ **PERANCANGAN
STRATEGIK**

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR



2.0 PERANCANGAN STRATEGIK FAKULTI

2.1 Objektif dan Inisiatif Strategik

Objektif dan inisiatif strategik FSPU adalah bagi memastikan hala tuju fakulti seiring dengan Rancangan Strategik Rancangan Malaysia Kesebelas UiTM (2016-2020) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2016 - 2025. Untuk proses pembangunan strategi, FSPU telah memastikan kaedah bertatatingkat (hierarchical) diikuti. Ini bererti perancangan strategik FSPU mengikut kerangka Perancangan Strategik UiTM 2016-2020, manakala perancangan strategik pusat-pusat pengajian di FSPU pula perlulah mengikut kerangka perancangan strategik FSPU. Objektif, strategi dan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ada dalam panduan Buku Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11) UiTM dijadikan sebagai bahan rujukan utama. Dengan ini, perancangan strategik FSPU dan pusat-pusat pengajian di dalamnya adalah selaras dengan perancangan strategik UiTM.

Hasil dari bengkel perancangan strategik FSPU 2016 di Genting Highlands, Pahang pada 25-27 Mac 2016 dan bengkel susulan 28 - 30 April 2017, dokumen perancangan strategik FSPU 2016-2020 telah dapat disediakan. Lima (5) teras utama dan tiga (3) sistem sokongan universiti diselaraskan bersama teras and inisiatif diperingkat Fakulti. Teras-teras dan sistem-sistem sokongan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Teras 1 - Pengajaran dan Pembelajaran
- ii. Teras 2 - Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan
- iii. Teras 3. - Akademia, Industri & Masyarakat
- iv. Teras 4 - Kepimpinan
- v. Teras 5 - Keusahawan
- vi. Sistem Sokongan Infrastruktur dan Infostruktur yang Lestari di peringkat Kampus
- vii. Sistem Sokongan Infrastruktur dan Infostruktur yang Lestari di peringkat Fakulti
- viii. Sistem Sokongan Pengurusan & Pengukuhan Kewangan Profesional.


Melalui penetapan teras-teras ini, Unit Perancangan Strategik FSPU telah menggariskan beberapa program yang terdiri daripada projek-projek yang akan mendukung usaha merealisasikan teras-teras seterusnya ke arah sasaran hala tuju strategik iaitu menjadi Universiti Tersohor. Bagi memastikan keberlangsungan perancangan dan pelaksanaan teras-teras dan agenda utama UiTM, projek-projek telah dicerakinkan di dalam program berpayungkan teras-teras pelan strategik RMK 11.

FSPU telah memilih bidang tumpuan “Pembangunan Pelajar” dan memberi tumpuan khas kepada pembangunan pelajar secara akademik dan insaniah di dalam pelaporan AKNC 2017 kerana penglibatan dan pencapaian pelajar-pelajar FSPU diperingkat dalaman, kebangsaan dan antarabangsa amat membanggakan. Selain daripada itu, merujuk kepada sebelas (11) agenda utama UiTM, sasaran kepada petunjuk prestasi utama tertumpu kepada keberhasilan graduan secara menyeluruh. Oleh yang demikian, pemilihan bidang tumpuan ini dilihat sangat bersesuaian dan tepat.

2.2 Objektif dan Inisiatif Strategik dalam Menyokong KPI Universiti (2016-2020)

Berdasarkan buku Perancangan Strategik RMK11 UiTM, aspek pembangunan pelajar disentuh secara menyeluruh didalam kelima-lima teras yang disenaraikan

dan merupakan rujukan hasil yang utama. Sebelas (11) agenda utama UiTM dari RMK 11 adalah seperti gambarajah berikut:



Agenda Utama UiTM

Untuk itu, FSPU telah mensasarkan aktiviti pembangunan pelajar ke arah kecemerlangan akademik yang merangkumi khidmat masyarakat dan sukarelawan, pembangunan insaniah dan kerjaya, keusahawanan dan *knowledge transfer program*. Oleh itu, FSPU menggariskan beberapa inisiatif bagi menggerakkan teras-teras utama RMK 11.

Jadual 1. Pelan Perancangan Strategik FSPU 2016-2020 (Program, Projek dan Inisiatif)

Program	Projek	Penerangan
Global FSPU	Aca-Ex (Kecemerlangan Akademik)	Memupuk budaya kecemerlangan melalui TM@GOT (Tamat dalam tempoh yang ditetapkan); GE (kebolehpasaran Graduan); Kurikulum yang berwawasan dan memenuhi kehendak pasaran)
	Trans50 (Transformasi FSPU 50 tahun)	Trans50 boleh dicapai melalui jalinan dengan industri, alumni dan universiti tersohor melalui Perjanjian Persahafahaman (MOU)/Memorandum Perjanjian MOA). Mobiliti Pelajar; dan program kepimpinan pelajar
	iRESEARCH (PIP)	Perolehan geran antarabangsa dan geran dari industri. Penghasilan hasil penyelidikan dalam bentuk journal/prosiding berindex
	FSPU™	Penjenamaan semula FSPU; Ketampakan FSPU di peringkat Global
BizFSPU	CoC-FSPU	Program keusahawanan pelajar dan pendaftaran perniagaan pelajar
	GenRM	Penjanaan pendapatan melalui kerja perundingan, penyelidikan kontrak, menyewakan ruang, kursus jangka pendek dan eWakaf

Melalui inisiatif-inisiatif ini, pelan pembangunan pelajar diperhalusi dengan mengambilkira penglibatan pelajar didalam setiap inisiatif-inisiatif yang disenaraikan. Penggunaan kemahiran dan kepakaran staf bukan sahaja memberi faedah kepada UiTM bahkan dapat membantu melahirkan graduan dinamik yang berketrampilan dan nilai insaniah yang tinggi. Setiap inisiatif ini menghasilkan perspektif dan idea-idea baru kepada graduan FSPU UiTM yang disalurkan melalui kurikulum dan aktiviti pembelajaran di dalam kelas dan juga diluar. Secara tidak langsung, ianya dapat menyelesaikan masalah modal insan dalam industri dan negara. Melalui inisiatif pelan strategik FSPU, pelajar-pelajar dibantu dan diselia oleh para pensyarah



masing-masing untuk melakarkan kejayaan demi kejayaan dan pengiktirafan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Disamping pengisian akademik pelajar sentiasa didedahkan dengan aktiviti luar seperti penyertaan pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang boleh meningkatkan kebolehpasaran dan jatidiri mahasiswa. Program keusahawanan yang di jalankan oleh fakulti akan dapat mempersiapkan pelajar bagi menjadi majikan dan usahawan bila tamat pengajian nanti.

2.3 Pelan Pemantauan yang digunakan untuk Memastikan Objektif Strategik dan Inisiatif Strategik dilaksanakan dengan Berkesan

Pemantauan inisiatif ini dijalankan diperingkat fakulti dengan kerjasama Pusat Perancangan dan maklumat Strategik (CSPI) UiTM. Hasil dari kerjasama ini, pemantauan dapat dilakukan secara sistematik.

2.3.1 Di peringkat fakulti, pemantauan inisiatif strategik ini dijalankan dengan 2 cara:

- i. Melalui mesyuarat pengurusan fakulti, mesyuarat pusat-pusat pengajian dan jawatankuasa dalaman fakulti seperti Jawatankuasa Perancangan Strategik dan Jawatankuasa Audit Kualiti. Antara perkara yang dipantau dalam mesyuarat-mesyuarat ini ialah:
 - a. Kemajuan projek dan aktiviti pelajar yang dijalankan.
 - b. Penggunaan sumber fakulti yang digunakan oleh pelajar-pelajar untuk memastikan tiada penyalahgunaan sumber seperti peralatan makmal dan ruang di fakulti.
 - c. Keberadaan pelajar – untuk memastikan aktiviti-aktiviti tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di fakulti.
- ii. Mesyuarat pengurusan fakulti bersama persatuan-persatuan pelajar.
 - a. Projek dan aktiviti yang dijalankan mengikut proses yang ditetapkan oleh HEP FSPU dan HEP UiTM.
 - b. Sekiranya aktiviti yang dijalankan dibawah naungan perjanjian persefahaman, maka konsolidasi garis panduan perjanjian perlu disemak dan dilakukan.
 - c. Memantau kemajuan projek dan aktiviti pelajar
 - d. Memastikan hasil projek pelajar dan pemilikan projek itu dibawah FSPU.
 - e. Mengumpul dan memberikan maklumat kepada fakulti apabila diminta.

Perubahan perancangan dilakukan melalui proses pemantauan berterusan berpandukan Pelan Tindakan di atas. Sistem Pemantauan UePMO dan perlantikan DPMO yang diperkenalkan oleh Pusat Perancangan Strategik UiTM juga membantu perjalanan Pelan Tindakan tersebut. Ia dipertahankan melalui Mesyuarat Ketua-ketua Program, Mesyuarat Kordinator-kordinator Fakulti dan Laporan Berkala J/K Fakulti selain perbincangan secara *impromptu* oleh Dekan dan Timbalan-timbalan Dekan bersama Koordinator Perancangan Strategik.

Pihak fakulti juga memantau untuk memastikan bahawa projek perundingan selaras dengan halatuju UiTM dan bertepatan dengan sumber-sumber yang ada di Fakulti.

Kriteria yang digunakan untuk pemantauan ini ialah:

- i. Konsisten (consistency) – cadangan aktiviti-aktiviti dan penglibatan pelajar didalam pertandingan diperingkat dalaman, nasioal dan antarabangsa perlu konsisten dengan strategi UiTM. Ini dapat dilakukan dengan menentukan inisiatif-inisatif pembangunan pelajar di FSPU tidak bercanggah dengan strategi-strategi yang digubal dalam buku Perancangan Strategik UiTM Ke-11.



- ii. Keselarasan (Consonance) - Memastikan inisiatif pembangunan pelajar di FSPU selari dengan tren di universiti-universiti lain.
- iii. Kemungkinan (Feasibiliti), iaitu kebolehcapaian untuk merealisasikan sesuatu aktiviti pembangunan pelajar. Contohnya, sekiranya projek pembangunan pelajar boleh menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar dan tidak membawa sebarang faedah kepada pelajar dan fakulti secara keseluruhannya, maka inisiatif pembangunan pelajar itu tidak diluluskan.
- iv. Kelebihan (Advantage) - memberikan kelebihan kepada fakulti. Contohnya, FSPU menilai semula adakah inisiatif pembangunan pelajar itu boleh meningkatkan daya saing pelajar dan fakulti keseluruhannya

Hasil dari pemantauan ini digunakan untuk penambahbaikan proses mengenalpasti dan strategik pembangunan pelajar di FSPU.

2.4 Nyatakan Bagaimana Organisasi Melibatkan Semua Kumpulan Sasar dalam Proses Perancangan Penambahbaikan

Hampir kesemua program di FSPU adalah program profesional. Ini bererti setiap program tersebut dipastikan mendapat pengiktirafan dari badan-badan professional tersebut. Setiap pelajar digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti badan profesional seperti menjadi ahli graduan, menghadiri seminar-seminar yang dijalankan serta menyertai sebarang pertandingan yang dianjurkan oleh badan-badan professional ini. Penglibatan kumpulan sasar dilakukan dengan dua cara:

- i. Inisiatif sendiri pelajar
- ii. Inisiatif staff/penyelia/penasihat akademik/penasihat projek
- iii. Inisiatif fakulti

2.4.1 Inisiatif Sendiri Pelajar

Penglibatan pelajar didalam semua aktiviti dan inisiatif pembangunan di FSPU banyak melalui inisiatif sendiri. Kebanyakan penglibatan dan inisiatif mereka, adalah melalui cadangan dan inisiatif persatuan pelajar selain daripada aktiviti yang dicadangkan oleh pihak HEP FSPU dan UiTM. Inisiatif-inisiatif pelajar sendiri, seterusnya disemak dan dinilai keberhasilannya oleh penasihat program dan pihak pengurusan FSPU. Menyedari tentang kewujudan pertandingan-pertandingan yang dianjurkan, para pelajar akan bersaing untuk menghasilkan inovasi pembelajaran mereka dan pelajar-pelajar ini dipimpin dan diselia oleh pensyarah mereka.

2.4.2. Inisiatif Staff/Penyelia/Penasihat Akademik/Penasihat Projek

Disebabkan kebanyakan pensyarah terdiri dari ahli profesional yang arif dengan kehendak dan peluang di industri, maka tidak sukar bagi fakulti untuk melibatkan mereka dalam proses perancangan dan penambahbaikan. Staf FSPU dan industri mempunyai hubungan yang dinamik. Oleh itu, kebanyakan inisiatif pembangunan pelajar yang dianjurkan dan disertai adalah melalui inisiatif pensyarah itu sendiri. Inisiatif yang dimainkan oleh pensyarah FSPU dalam pembangunan pelajar amat tinggi kerana wujud hubungan yang dinamik antara warga akademik FSPU dan pelajar serta industri. Dengan ini, kehendak industri dan kurikulum akademik FSPU dapat diselarakan dan dioptimumkan bagi melahirkan graduan yang ideal. Kesemua pusat pengajian di FSPU berlumba-lumba untuk mengetengahkan bakat dan kebijaksanaan pelajar masing-masing. Ini dapat dilihat dengan pencapaian-pencapaian yang dilaporkan di bahagian 7. Rajah 2.1 menunjukkan badan profesional yang mengiktiraf program di FSPU.



Rajah 2.1: Badan badan profesional yang mengiktiraf program di FSPU

2.4.2 Inisiatif Fakulti

Pihak pengurusan FSPU yang diketuai oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TD HEP) bersama Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (TDPJI) sentiasa mencari peluang untuk mewujudkan kerjasama dengan organisasi luar didalam memperluaskan pengetahuan dan kemahiran pelajar-pelajar FSPU. Mereka akan memastikan staf yang layak dan mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu untuk bergerak dan memimpin pelajar-pelajar untuk berjaya didalam aktiviti-aktiviti dan pertandingan yang di anjurkan diperingkat dalaman, nasional dan antrabangsa.

Fakulti menggubal dasar-dasar perundingan dalam bengkel perancangan strategik. Disebabkan skop perancangan strategik itu luas, maka peserta yang terlibat dalam pengubalan dasar dan strategi ini terdiri dari warga FSPU dari berbagai bidang dan peringkat. Peserta-peserta utama ialah Dekan, Timbalan-timbalan Dekan, Ketua-ketua Program, Profesor-profesor, Ketua Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar dan Kordinator Perancangan Strategik FSPU.

2.5 Nyatakan Apakah Risiko yang Boleh Menjejaskan Pelaksanaan atau Kejayaan Pencapaian Objektif dan Inisiatif Strategik ini.

Risiko yang boleh menjejaskan kejayaan pencapaian objektif ini terbahagi kepada tiga.

- i. Risiko kewangan
- ii. Risiko imej UiTM
- iii. Risiko kepada proses pengajaran dan pembelajaran UiTM.

2.5.1 Risiko Kewangan

Kebanyakan aktiviti pembangunan pelajar menggunakan sumber kewangan dan tenaga yang banyak. Ada kalanya pihak pengurusan FSPU, terpaksa meluluskan aktiviti tanpa pembiayaan ataupun tidak meluluskan aktiviti yang dicadangkan. Sekiranya, aktiviti diluluskan tanpa biaya ataupun separa biaya, maka risiko keewangan adalah sangat tinggi. Seterusnya, memberi impak negatif kepada FSPU dan universiti.

2.5.2 Risiko Imej UiTM

Penglibatan pelajar tanpa kawalan disiplin dan kualiti yang baik, akan memberi impak negatif kepada imej FSPU dan UiTM amnya.

2.5.3 Risiko Kepada Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Penglibatan pelajar secara berterusan di dalam aktiviti luar tanpa kawalan dan seliaan pensyarah, boleh mengakibatkan konsentrasi dan fokus pembelajaran pelajar terjejas.



2.6 Nyatakan Apakah Perancangan untuk Mengatasi Risiko Tersebut

Risiko tersebut dapat di atasi dengan memastikan aktiviti pembangunan pelajar mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antaranya:

2.6.1 Strategi Mengatasi Risiko Kewangan:

- i. Setiap kertas kerja yang dicadangkan mesti dilengkapi dengan bajet yang lengkap dan bersesuaian.
- ii. Menggalakkan aktiviti pembangunan pelajar yang melibatkan input dan sokongan dari industri dan agensi luar.

2.6.2 Strategi Mengatasi Risiko Imej UiTM

- i. Pemilihan pelajar-pelajar untuk menerajui aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar perlu dijalankan dengan teliti dan mengikut rubrik yang jelas. Oleh itu, risiko kegagalan projek hasil dari inisiatif pensyarah FSPU sendiri adalah kecil.
- ii. Bagi projek pembangunan pelajar yang terbit dari inisiatif fakulti, pihak fakulti hanya memilih pensyarah dan pelajar yang mempunyai kepakaran dan *track record* yang bagus. Pelajar yang terlibat didalam aktiviti pembangunan pelajar perlu diselia oleh pensyarah yang berpengalaman.
- iii. Pelajar-pelajar yang terpilih perlu dilatih.

2.6.3 Strategi Mengatasi Risiko Pengajaran dan Pembelajaran

- i. Koordinator peralatan dan ruang diminta mengawasi bahawa peralatan tidak disalah guna oleh pelajar dan pensyarah yang terlibat.
- ii. Pelajar dan pensyarah yang terlibat perlu dibantu dan diberi penjelasan kepada tanggungjawab hakiki dan juga aktiviti yang dijalankan.
- iii. Pensyarah yang terlibat perlu memastikan pencapaian pelajar yang terlibat dan memberikan bantuan yang seharusnya bagi memastikan prestasi akademik dan insaniah pelajar tetap terjamin.

2.7 Nyatakan jika ada Inovasi yang Terhasil dari Pelaksanaan atau Penambahbaikan Perancangan Strategik

Hasil inovasi yang terhasil ialah:

- i. Pewujudan aktiviti keusahawan diperingkat fakulti seperti Pasar Rabu dan lain-lain.
- ii. Pewujudan hubungi professional bersama industri dan pakar-pakar bidang
- iii. Peningkatan aktiviti penyelidikan dan penerbitan
- iv. Peningkatan modal insan dikalangan pelajar

2.8 Nyatakan jika ada Inovasi yang Terhasil dari Pelaksanaan dan Penambahbaikan Perancangan Strategik

Inovasi yang terhasil dari pelaksanaan inisiatif strategik ini dikategorikan kepada dua:

- i. Inovasi kepada fakulti
- ii. Inovasi kepada industri dan negara

2.8.1 Inovasi kepada Fakulti

Inovasi kepada fakulti termasuk kepada pengwujudan aktiviti pembangunan pelajar baru, kursus-kursus baru dan pengoptimuman penggunaan sumber seperti berikut:


- i. Pembudayaan menyertai pertandingan-pertandingan di peringkat dalaman, nasional dan antarabangsa dikalangan pelajar-pelajar FSPU.



- ii. Membudayakan aktiviti penyelidikan dan penerbitan di kalangan staff dan pelajar FSPU.
- iii. Pencapaian 128 QS Ranking by Subject 2016 bagi Architecture dan Built Environment, membuktikan keberadaan dan ketampakan FSPU dimata dunia melalui pencapaian-pencapaian pelajar dan juga staff FSPU.
- iv. Pendapatan FSPU yang dijanakan dapat digunakan untuk geran penyelidikan bagi pensyarah-pensyarah muda di fakulti.
- v. Peralatan fakulti telah dapat dioptimalkan dan menghasilkan sumber kewangan.
- vi. Ilmu dan pengalaman daripada penglibatan dalam aktiviti pembangunan pelajar dapat menanam yakin diri seterusnya kualiti graduan yang tinggi.
- vii. Staff FSPU juga dapat mempelajari dan memperbaiki kurikulum dan inovasi pengajaran dan pembelajaran sepanjang proses aktiviti pembangunan pelajar dijalankan.
- viii. Pelajar-pelajar mendapat maklumat terkini dari industri.

2.8.2 Inovasi kepada Industri dan Negara

Tumpuan pembangunan pelajar tidak hanya merupakan nadi kepada kesemua Teras Rancangan Malaysia Kesebelas, malah ianya juga merupakan tulang belakang didalam agenda utama UiTM. Oleh yang demikian, FSPU sentiasa dan turut sama membantu didalam memperkasakan pembangunan pelajar supaya FSPU dan UiTM seterusnya dapat melahirkan DNA graduan UiTM yang ideal untuk menjadi jentera dan minda kepada perkembangan dan pembentukan negara yang berdaya saing disamping tidak mengetepikan insaniah modal insan yang tinggi. FSPU melalui pencapaian staff dan pelajar, serta usahasama dan nasihat dari pihak INQKA bersama sokongan dan dorongan universiti telah berjaya menempatkan FSPU di tangga 128 dunia bagi *QS Ranking by Subject for Architecture and Built Environment*. Melalui pencapaian ini tidak sahaja FSPU menerima pengiktirafan dunia, malah UiTM dan negara secara amnya. Secara tidak langsung, graduan yang dilahirkan berupaya memodenisasikan industri senibina dan alambina seterusnya dapat membantu didalam pembentukan negara berindustri maju dan berdaya saing yang tinggi.



BAB 3

◆ **PEMBANGUNAN
PELAJAR**

◆ **TUMPUAN
PELANGGAN**

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

3.0 TUMPUAN PELANGGAN

PIAGAM PELANGGAN

Kami, staf, FSPU UiTM berikrar bahawa:

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) komited di dalam mengurus dan menaiktaraf pengurusan pelanggan dengan mengambilkira maklumbalas daripada pelanggan dan pihak yang berkepentingan seperti yang tercatat dalam piagam pelanggan (Rajah 3.1). Pelanggan dan pihak berkepentingan yang telah dikenali pasti dan berperanan penting di dalam proses penambahbaikan ini adalah seperti Rajah 3.2.



Rajah 3.1: Piagam Pelanggan FSPU



Rajah 3.2: Kategori Pelanggan FSPU

3.1 BIDANG TUMPUAN

FSPU menggunakan kaedah 5P (perancangan, penghebahan, perlaksanaan, penyeliaan dan penilaian) didalam mengukur keberkesanan fakulti didalam memenuhi keperluan dan kehendak pembanguna pelajar. Jadual 3.1 menghuraikan konsep 5P ini.

Jadual 3.1: Keperluan dan Kehendak Pelanggan Berdasarkan 5P

Tumpuan Pelanggan – 5P	Kaedah Pengukuran / Proses Pengurusan Jalinan Dengan Pelanggan
PENGHEBAHAN	- Penghebahan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan perlu dilakukan setelah perancangan dibuat. - Penghebahan perlu dilakukan bagi memastikan pelanggan mengetahui aktiviti yang dijalankan seiring dengan keperluan pelanggan.




PERANCANGAN	Setiap program yang dirancang merangkumi objektif tujuan, sasaran pelanggan, pengisian aplikasi dan implikasi bajet yang terlibat.
PERLAKSANAAN	Implementasi aktiviti yang telah dirancang akan dilaksanakan setelah mengikut prosidur yang ditetapkan.
PENYELIAAN	Pemantauan terhadap aktiviti atau projek secara berkala .
PENILAIAN	- Dinilai melalui borang tahap kepuasan pelanggan serta impak kepada fakulti dan pelajar. - Penilaian tahap kepuasan oleh pelajar dan pihak yang berkepentingan melalui borang maklum balas pelanggan untuk melihat impak kepada fakulti dan pelajar.

3.2 KUMPULAN SASARAN BAGI PEMBANGUNAN PELAJAR


Kumpulan sasaran bagi bidang tumpuan adalah seperti di dalam Rajah 3.3. Pengenalpastian kumpulan sasaran ini dengan merujuk kepada kumpulan pelanggan yang menerima manfaat daripada aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar (rujuk Jadual 3.1). Kumpulan sasaran dibahagikan kepada dua bahagian iaitu untuk aktiviti yang berbentuk akademik dan bukan akademik. Pecahan pelanggan untuk aktiviti-aktiviti ini akan dibincangkan secara terperinci pada 3.2(i) – 3.2(ii).

3.2.1 Pelajar dan Pensyarah

Pelajar–pelajar di FSPU telah didedahkan dengan keperluan terhadap akademik dan insaniah bagi memastikan mereka berkeupayaan untuk berdaya saing apabila tamat pengajian kelak. Penglibatan pelajar di dalam pembangunan pelajar dengan diselia oleh koordinator pelajar adalah merangkumi peringkat dalaman, kebangsaan dan antarabangsa bagi kedua-dua kriteria aktiviti berteraskan akademik dan bukan akademik. Penglibatan pelajar dalam memastikan aktiviti mereka berjalan lancar dibiaya sepenuhnya oleh Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) Fakulti. Tabung Hal Ehwal Pelajar UiTM dan Dana Kecemerlangan UiTM. Sejumlah RM 462 090.00 telah dibelanjakan untuk menampung aktiviti pelajar sepanjang tahun 2016 seperti digambarkan didalam Rajah 3.4. Ini termasuklah penglibatan pelajar dalam aktiviti dalaman, kebangsaan dan antarabangsa bagi kedua-dua kriteria akademik dan bukan akademik.



Rajah 3.4: Peruntukan dan Agihan TAPA untuk Tahun 2016 Mengikut Pecahan Pusat Pengajian



Rajah 3.3: Pengkhususan Pelanggan bagi Aktiviti Pembangunan Pelajar

Dalam kategori bukan akademik, FSPU juga memberi ruang kepada pelajar untuk bergerak dalam satu organisasi melalui persatuan pelajar pusat pengajian masing-masing. Melalui kegiatan yang dianjurkan oleh fakulti dan juga persatuan pelajar terbabit ini, pelajar dapat bekerjasama dengan pihak Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini secara tidak langsung menjadi medan penyaluran idea pelajar dan merapatkan jurang perhubungan antara pelajar dan juga pihak luar termasuklah masyarakat setempat. FSPU terdiri dari 11 pusat pengajian yang terdiri daripada program-program *design* dan *non-design*. Setiap Pusat Pengajian ini mempunyai persatuan pelajar masing-masing seperti yang dinyatakan pada Jadual 3.2. Rajah 3.5 pula menunjukkan logo setiap persatuan yang terdapat di dalam FSPU.



Rajah 3.5: Logo-Logo yang Digunakan oleh Persatuan-Persatuan Pelajar yang Terdapat di FSPU

Jadual 3.2: Senarai Persatuan Pelajar FSPU

Pusat Pengajian	Nama Persatuan	Acronym
PP Ukur Bahan	Persatuan Ukur Bahan	PERUBAHAN
PP Sains Ukur dan Geomatik	Geomatic Science Students Society	GEOMASS
PP Senibina Landskap	Student Society of Landscape Architecture	SOLAR
PP Perancangan Bandar dan Wilayah	Town and Regional Planning Society	TRIPS
PP Pengurusan Taman dan Ameniti	Persatuan Pengurusan Taman Dan Ameniti	PAMS
PP Pembinaan	Persatuan Bangunan	BUILDERS
PP Pengurusan Hartanah	Persatuan Pengurusan Hartanah	EMAS
PP Senibina	Architectural Students Association	ARCHISA
PP Ukur Bangunan	Building Surveying Association	BISA
PP Senibina Dalaman	Interior Designer Association	IDEAS

3.2.2 Aktiviti Akademik dan Bukan Akademik

Aktiviti berteraskan akademik ini adalah merupakan aktiviti pelajar yang berpaksikan kepada kurikulum, silibus pengajaran dan hasil atau proses pembelajaran yang dibentangkan atau dipertandingkan di seminar dan juga persidangan. Manakala aktiviti bukan akademik ini adalah aktiviti pembangunan jatidiri dan insaniah pelajar yang melibatkan agensi kerajaan dan bukan kerajaan, sukarelawan, masyarakat setempat dan juga luar dari kampus. Aktiviti ini bukan sahaja tertumpu kepada anjuran dalaman (FSPU dan UiTM) malahan termasuk aktiviti peringkat anjuran agensi kebangsaan dan antarabangsa termasuk badan-badan professional. Antara aktiviti akademik dan bukan akademik yang dijalankan mengikut peringkat-peringkat ini adalah seperti yang dinyatakan pada Jadual 3.3 dan 3.4.



Jadual 3.3: Senarai Pertandingan yang melibatkan Pelajar FSPU, 2016 (Aktiviti Akademik)

PERINGKAT DALAMAN		PERINGKAT KEBANGSAAN		PERINGKAT ANTARABANGSA	
Pertandingan	Anjuran	Pertandingan	Anjuran	Pertandingan	Anjuran
IIDex	FSPU	1 st BEURC	UM	Latitudes International Design Challenge 2015-2016	University of Westminster
IIDex	UITM	Malaysian Landscape Architecture Awards	ILAM	Queen Elizabeth II Jubilee Fund Award	CIOB
		Arena of Youth 2016	PINTAR Foundation	Medini Invention Challenge Competition 2016 "Smart City"	Medini
Seminar Informasi Industri Pembangunan	PP Pengurusan Pembinaan	8 th IRERS	INSPEN	Suncheon International Competition, Korea	SIAC
Seminar PED Galeri FSPU	PP Pengurusan Pembinaan	INIIC 2016	ICT BERHAD	8 th International Conference on Sustainable Development & Planning	Wessex Institute of Technology
EMPEX 12 th Edition 2016	PP Hartanah	i-Design Façade Design Competition	I-City BERHAD	International Seminar Urban Transform Emerging KL Towards A Lively City	UM
Professional Talk:M/R in DET	PP Hartanah	28 th Architectural Workshop, MATRA 2016	ARCHISA	International Project Management Day Competition 2016	USM
		MSSA Open Idea Competition 2016	MSSA	BIM for Construction Project Manager and Quantity Surveyor for Project Management	CIOB
		Malaysian Institute Of Planners Planning Excellence Award (MIPPEA 2016)	MIP	NOVUS Youth Arena Malaysia	CIDB + CIOB
		Pop-Up Placemaking@Medan Pasar, Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Design Month 2016)	DBKL & THINK CITY	8th RISM International Surveying Conference for Undergraduate 2016	RISM
		Landscape Resarch Award Malaysian Landscape Architecture Award (MLAA 2016)	ILAM		



Jadual 3.4: Jumlah Aktiviti Pelajar FSPU, 2015 dan 2016 (Aktiviti Bukan Akademik- Dalaman) berdasarkan kepada **TIGA** aspek utama


DALAMAN	2015			2016		
Pusat Pengajian	PI	KM	K	PI	KM	K
PP Senibina	4	-	-	2	6	-
PP Sains Ukur Dan Geomatik	2	1	2	5	3	1
PP Perancangan, Bandar Dan Wilayah	9	3	-	6	8	2
PP Ukur Bahan	1	-	4	13	2	1
PP Pengurusan Hartanah	6	2	3	9	5	1
PP Pembinaan	3	2	4	9	4	2
PP Senibina Dalaman	3			2	1	-
PP Senibina Landskap	5	1	1	5		2
PP Ukur Bangunan	5	2	2	7	1	4
PP Pengurusan Taman Dan Ameniti	3	-	1	5	3	2
PP Siswazah	7	-	7	12	1	3
JUMLAH	48	11	24	75	34	18

Petunjuk:

PI = Pembangunan Insaniah

KM = Khidmat Masyarakat

K = Kerjaya



Rajah 3.6: Pencapaian Aspek Pembangunan Pelajar Bagi Tahun 2015 dan 2016 Untuk Aktiviti Bukan Akademik

Tiga aspek utama yang ditekankan dalam pembangunan pelajar adalah pembangunan insaniah, khidmat masyarakat dan pembangunan kerjaya. Antara aktiviti yang terlibat dalam pembangunan insaniah ini termasuklah program silaturrahim, program keagamaan dan lain-lain program yang berkaitan dengan pembangunan sahsiah pelajar. Manakala program khidmat masyarakat pula adalah aktiviti yang melibatkan bantuan kemasyarakatan samada setempat atau di luar kawasan universiti dan pembangunan kerjaya pula adalah program yang membantu pelajar dalam meningkatkan pengetahuan tentang kerjaya masing-masing apabila tamat pengajian kelak. Perbandingan pencapaian aspek pembangunan pelajar dari tahun 2015 dan 2016 bagi aktiviti bukan akademik dapat dilihat pada Rajah 3.6. Rajah 3.7 menunjukkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh persatuan pelajar yang berteraskan kepada tiga aspek utama diatas.



Rajah 3.7: Antara Aktiviti Bukan Akademik yang berteraskan kepada pembangunan insaniah, khidmat masyarakat dan pembangunan kerjaya yang telah dijalankan oleh persatuan pelajar fakulti

3.3 GANJARAN DAN MANFAAT DARI PERLAKSANAAN TERHADAP PEMBANGUNAN PELAJAR

Pihak kementerian Pendidikan Tinggi juga telah menyediakan pelbagai wacana sebagai sokongan pada pembangunan pelajar ini termasuklah dengan mewujudkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020. Perancangan yang tersusun serta pelaksanaan yang komited oleh pelbagai pihak, khususnya IPT terhadap

Pelan Tindakan ini diharapkan dapat mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan lestari demi merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah “Entrepreneurial Nation”. Sebagai contoh satu pasukan Pasca siswazah telah membentuk sebuah kumpulan yang digelar sebagai REVIVORS yang telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan yang dianjurkan oleh CIDB. Kumpulan ini telah berdaftar sebagai sebagai Malaysia’s first Junior Enterprise (MYJE), satu organisasi perniagaan yang bukan berteraskan keuntungan. Kumpulan ini berpandukan kepada pembangunan pelajar dalam konsep keusahawanan, dimana mereka telah pun menawarkan perkhidmatan professional kepada pasaran dan komuniti.



Rajah 3.8: Keratan akhbar dan gambar kejayaan kumpulan REVIVORS

Sokongan di peringkat kementerian, universiti dan fakulti adalah dalam pelbagai bentuk. Ianya samada dalam bentuk imbuhan dan juga sijil penyertaan. Pelajar yang memenangi apa-apa pertandingan akan memiliki wang kemenangan manakala pihak fakulti akan memberikan sijil penghargaan atas kejayaan mereka. Pihak fakulti juga aktif dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada pembangunan pelajar di peringkat fakulti. Termasuklah dengan mengadakan minggu keusahawanan, Malam Pra-Graduan, Majlis Anugerah Aspirasi Fakulti (MAAF), seminar dan sebagainya. FSPU juga telah berjaya memenangi Anugerah Keusahawanan Institusi peringkat kebangsaan di *UiTM Entrepreneurship Summit 2015*. Sebelum itu fakulti ini juga telah dinobatkan sebagai *Entrepreneurial Faculty of the Year 2013* dan *Student Engagement (Faculty Category)* di *UiTM Entrepreneurial Award 2013*.



Rajah 3.9: Antara Kemenangan Dan Anugerah Yang Telah Diterima Oleh Pelajar FSPU Dalam Pertandingan Dan Seminar Dalam Peringkat Nasional Dan Internasional

Penglibatan dan pendedahan pelajar didalam semua aktiviti-aktiviti ini dapat membantu pelajar membangunkan sahsiah modal insan yang menjadi tunggak penting dalam melahirkan pelajar yang cemerlang di dunia dan akhirat. Selain daripada berjaya dalam bidang akademik, dengan membabitkan pelajar dalam aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar ini secara tidak langsung dapat mendidik dan membina keyakinan diri apabila tamat pengajian dan memulakan kerjaya kelak. Pelajar-pelajar FSPU juga dapat merealisasikan idea dan sumbangan samada dalam bentuk tenaga bagi menjayakan program yang berbentuk akademik atau bukan akademik. Jadual 3.5 merupakan ringkasan manfaat yang bakal didapati oleh kumpulan sasaran dalam bidang pembangunan pelajar.

Jadual 3.5: Ringkasan Manfaat Kumpulan Sasaran Pembangunan Pelajar FSPU

Pelajar semasa/bakal	Membentuk jatidiri pelajar dengan melibatkan diri dalam kedua-dua aktiviti akademik dan bukan akademik. Selain dari itu ianya juga dapat melahirkan jiwa kepimpinan yang amat berguna pada pelajar apabila mula berkerja kelak. Melahirkan modal insan pada setiap diri pelajar.
Alumni, Klien dan Bakal Majikan	Menyediakan tenaga kerja yang lebih bersedia menghadapi suasana pekerjaan semasa dengan pendedahan awal melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan samada berteraskan akademik mahupun bukan akademik. Pihak klien juga dapat mengenalpasti kelebihan dan kelemahan yang ada pada bakal graduan dan dapat berkongsi pendapat dengan pihak fakulti untuk tujuan penambahbaikan.

3.4 PENENTUAN PIHAK PENGURUSAN KEATAS KEPERLUAN KUMPULAN SASARAN PEMBANGUNAN PELAJAR

Penentuan keperluan kumpulan sasaran dapat diperolehi melalui kekerapan menjalankan kerjasama samada melalui seminar, kerja-kerja kemasyarakatan dan sebagainya. Kajian keberkesanan graduan yang dijalankan semasa konvokesyen merupakan faktor penentu kepada keperluan pihak industri terhadap bidang masing-masing.

Penglibatan pelajar dalam aktiviti akademik seperti seminar dan pertandingan banyak membantu pelajar dalam mengembangkan pengetahuan dalam bidang masing-masing. Kebiasaannya setiap Pusat Pengajian akan mempunyai senarai seminar atau pertandingan yang biasa untuk mereka sertai, selalunya ditaja oleh badan professional masing-masing seperti RISM, ILAM, CIOB, CIDB, PEJUTA dan sebagainya. Kerja-kerja kemasyarakatan kerap kali di ikuti dengan kerja-kerja yang ada kaitan dengan latarbelakang sesuatu Pusat Pengajian tersebut contohnya merekabentuk, penyelenggaraan dan sebagainya.



Penglibatan Fakulti ini dengan universiti luar amnya juga kerap dijalankan. Contohnya Pusat Pengajian Ukur Bangunan yang mengadakan Jamboree Ukur Bangunan yang melibatkan universiti awam yang lain seperti UM, USM dan UTHM. Usahasama antara universiti awam ini secara tidak lansung dapat merapatkan silaturrahim dan perkongsian idea antara pelajar.



Rajah 3.10: Pelajar Didedahkan Dengan Keusahawanan Sewaktu Minggu Keusahawanan Diadakan dan juga kerja-kerja khidmat masyarakat yang dijalankan oleh persatuan pelajar

3.5 PENGLIBATAN KUMPULAN SASARAN DALAM PEMBANGUNAN PELAJAR

Pengurusan FSPU menggariskan beberapa item di dalam Pelan Strategik Fakulti 2016 – 2021 yang menekankan kepada perlaksanaan program aktiviti pembangunan diri dan kepimpinan pelajar. Pelajar FSPU sangat digalakkan untuk terlibat dalam :-

- i) Kursus / Bengkel Akademik
- ii) Persembahan Poster Seminar/Konferensi

- iii) Membentang Kertas Kerja Seminar/Konferensi
- iv) Menghadiri Seminar / Konferensi
- v) Pertandingan Akademik (Kebangsaan/Antarabangsa)
- vi) Lawatan Akademik (Dalam/Luar Negara)
- vii) Khidmat Masyarakat

Ini selaras dengan matlamat pembangunan pelajar FSPU dalam melahirkan:-

- i. Pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran, beretika, berintegriti dan bertanggungjawab
- ii. Pelajar yang sihat, cergas dan ceria
- iii. Pelajar yang menghayati, mengamalkan dan meningkatkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar
- iv. Pelajar yang bersatu padu dalam memantapkan perpaduan antara kaum dan membina bangsa Malaysia.
- v. Pelajar yang kreatif, berinovasi dan bertanggungjawab melalui penyebaran maklumat/pengetahuan

Pihak pengurusan fakulti membenarkan pelajar terlibat di dalam kursus ataupun bengkel akademik seperti kursus software yang berkaitan dengan kursus mereka seperti kursus Building Information Modelling, Revit dan lain-lain. Kursus-kursus ini dikendalikan oleh pakar yang praktikal dalam bidang ini samada dari dalam dan luar negara. Kursus-kursus sebegini biasanya dijalankan pada cuti semester.

Pelajar juga didedahkan kepada pertandingan poster untuk seminar dan konferensi, membentang kertas kerja dan menghadiri seminar dan konferensi. Pihak pengurusan fakulti tidak keberatan untuk membantu pelajar mendapatkan dana untuk perihal tersebut. Pelajar dibimbing untuk melibatkan diri dengan pertandingan akademik diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Lawatan akademik dan khidmat masyarakat merupakan aktiviti yang wajib bagi setiap pusat pengajian di fakulti ini. Sejajar dengan hasrat fakulti untuk menyebarkan maklumat dan pengetahuan bagi kegunaan sejagat. Pelajar juga disorkan untuk melibatkan diri didalam aktiviti-aktiviti badan-badan professional bidang masing-masing seperti konferen-konferen peringkat sarjana muda anjuran RICS dan pertandingan-pertandingan anjuran badan-badan professional yang mendekatkan lagi para pelajar dengan pihak professional dan industri.



Rajah 3.11: Aktiviti-aktiviti anjuran badan professional yang memerlukan penglibatan pelajar

Pelajar digalakkan untuk mendaftar sebagai ahli didalam bidang-bidang professional masing-masing seperti Lembaga Jurukur Tanah, Lembaga Jurukur Bahan, Lembaga Arkitek Malaysia dan lain-lain terutama apabila mereka di semester terakhir. Selain daripada itu, FSPU mengekalkan hubungan baik bersama Alumni FSPU yang kebanyakannya merupakan pemain industri yang penting dan juga pihak berkepentingan. Program-program alumni. Pelajar juga dilibatkan dengan pengetahuan keusahawanan seperti Fest @FSPU, car boot sales, Pasar Rabu. Ini selari dengan objektif utama fakulti menjelang tahun 2020.

3.6 TINDAKAN PIHAK PENGURUSAN TERHADAP MAKLUMBALAS PELANGGAN

Pihak pengurusan fakulti memandang serius terhadap aktiviti yang dapat mempertingkatkan pembangunan pelajar. Susulan dari itu, pelajar telah diberi kemudahan untuk menghadiri kursus/bengkel akademik, menyertai pertandingan akademik, khidmat masyarakat dan lawatan akademik dengan membiayai sebahagian daripada perbelanjaan aktiviti tersebut.

Sebagai langkah pemantauan, pihak pengurusan fakulti telah meminta laporan terperinci bagi setiap aktiviti yang dijalankan dan ini adalah satu perkara yang wajib bagi semua aktiviti yang dijalankan. Tindakan ini bagi memastikan pelajar mendapat manfaat dari aktiviti yang dijalankan. Selain dari itu, jika pihak pengurusan fakulti menerima aduan dari mana-mana pihak yang terlibat di dalam dan di luar negara, pengurusan fakulti akan mengkaji aduan tersebut, menyiasat dan meneliti lapuran dari aduan yang diterima. Jika perlu, satu mesyuarat khas untuk membincangkan isu berkenaan dan membuat keputusan berkenaan aduan akan di jalankan.

Sebaliknya, jika pihak fakulti menerima pengiktirafan daripada pelanggan dalam bentuk surat, sijil atau plak, pihak pengurusan fakulti akan memfailkan pengiktirafan pelanggan dalam fail Surat Penghargaan dan simpan plak dalam bilik Dekan dengan selamatnya. Berita ini akan diwar-warkan di dalam website fakulti iaitu di ruang korporat fakulti.

3.7 KEBERKESANAN DAN INOVASI YANG TERHASIL DARIPADA MAKLUMBALAS PELANGGAN


Pelajar FSPU juga berdaya saing dalam hampir semua penyertaan mereka didalam pertandingan yang menghasilkan inovasi. Antaranya adalah:

- i. Tempat Pertama dalam **Latitude Design Challenge 2015**
- ii. Tempat Pertama dalam **Arena of Youth - Rebuilt It Green**
- iii. Tempat Pertama dalam **I-Design Façade Design Competition**
- iv. Tempat Pertama dalam **MEDINI Innovative Challenge 2016**
- v. 128 kedudukan dunia **QS Ranking by Subject 2017**



Rajah 3.12: Antara kemenangan pelajar dalam penyertaan pertandingan berteraskan inovasi pelajar.

Kesemua penyertaan dan kemenangan diatas membuktikan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti akademik seperti ini secara tidak lansung memberikan kesan yang positif dalam perkembangan pelajar dalam berinovasi.



BAB 4

◆ **PEMBANGUNAN
PELAJAR**

◆ **PENGUKURAN,
ANALISA DAN
PENGURUSAN
PENGETAHUAN**

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR



4.0 PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

FSPU menggunakan maklumat perancangan strategik dan sasarannya sebagai kerangka untuk memilih proses penilaian prestasi organisasi. Proses tersebut dinilai secara berkala untuk memastikan ianya selari dengan akreditasi semasa dan kehendak peraturan serta memenuhi keperluan akademik dan keperluan operasi untuk menjamin pengukuran yang sistematik dan pengurusan pengetahuan yang berkesan.

4.1 PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENAMBAHBAIKAN PRESTASI ORGANISASI

Semua Petunjuk Prestasi Utama (KPI), data dan maklumat untuk memantau operasi dan pencapaian keseluruhan FSPU disemak dan ditentukan oleh pihak pengurusan untuk melaksanakan penambahbaikan yang berterusan serta meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Melalui Bengkel Perancangan Strategik FSPU yang diadakan sekali setahun, kesemua bahagian fakulti diwakili Ketua Pusat Pengajian bersama-sama membincangkan dan menilai semula secara menyeluruh mekanisma pengukuran pencapaian yang berkaitan dengan bahagian dan bidang masing-masing. Sebelum penentuan pengukuran dimuktamadkan, Pengurusan FSPU membuat semakan akhir untuk memastikan kompetensi teras, cabaran strategik, serta keseimbangan terhadap keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan telah diambil kira.

Maklumat dan hasil perbincangan yang diperoleh melalui Bengkel Perancangan Strategik FSPU sangat membantu pihak pengurusan menggariskan mekanisma pengukuran yang paling berkesan terhadap KPI serta pencapaian sasaran objektif fakulti. Pendekatan ini adalah untuk memastikan bahawa KPI ini difahami dan diterima pakai oleh semua warga FSPU. Sebahagian besar maklumat bagi pengukuran prestasi diperolehi dari fakulti sendiri. Maklumat dari berbagai sumber ini akan diintegrasikan oleh koordinator-koordinator yang dilantik di peringkat fakulti.

Pengukuran prestasi di FSPU adalah berdasarkan objektif kualiti FSPU dan Pelan Strategik FSPU, 2016-2020. Penilaian berkala dibuat untuk melihat keberkesanan mekanisma pengukuran yang telah digariskan berdasarkan sasaran pencapaian yang telah ditetapkan. Pelan Strategik FSPU ini di bangunkan berdasar kepada Pelan Strategik RM ke11, 2016 – 2020 UiTM yang menetapkan 5 teras utama (rujuk Jadual 4.1).

Jadual 4.1: Perancangan Strategik FSPU, 2016-2020

Pelan Strategik FSPU, 2016-2020		
5 Teras		Sistem Sokongan
1. Pengajaran & Pembelajaran 2. Penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan 3. Akademik, Industri dan Masyarakat 4. Kepimpinan 5. Keusahawanan		1. Infrastruktur dan Infostruktur yang lestari (kampus) 2. Infrastruktur dan Infostruktur yang lestari (fakulti) 3. Sistem Pengurusan dan Pengukuhan Kewangan Professional

Sumber: Pelan Strategik FSPU, 2016-2020

Bahagian seterusnya menerangkan pengukuran, analisa dan penambhaikan prestasi bagi 5 Teras Utama Fakulti, Senibina, Perancangan dan Ukur bati sepanjang tahun 2016.



4.1.1 TERAS 1: Pengajaran dan Pembelajaran

Penglibatan Pelajar di peringkat FSPU juga ditetapkan secara langsung di dalam teras ini. Inisiatif teras ini diketuai oleh Timbalan Dekan Akademik Prof Madya Dr. Jamalunlaili Abdullah. Inisiatif ini dibangunkan bertujuan untuk memaksimumkan graduan holistic berciri keusahawanan dan seimbang kecemerlangan bakat. Ini juga dapat membangunkan graduan TVET berkualiti dan mencapai transformasi ke arah global. Penglibatan pelajar di dalam teras 1 ini dapat menghayati pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan lagi tahap pengetahuan pada tahap global.

Penunjuk Prestasi berkaitan langsung dengan pelajar):
Bilangan aktiviti penglibatan pelajar dan prestasi


Diantara program yang telah dijalankan bagi mencapai matlamat pelaksanaan di dalam teras ini di antaranya:

- i. Rising All Rounder High Achiever 2 di Hotel De Palma, Shah Alam pada 24hb Mei 2015.
- ii. "True Success" Programme di Asia Camp, Kuala Kubu Bharu pada 20-22 haribulan November 2015
- iii. dan "True Success" Programme di Kem El- Azhar, Morib pada 29 haribulan April hingga 1 haribulan Mei 2016.

Jadual 4.2 dan Rajah 4.1 menunjukkan perbandingan senarai bilangan pelajar bagi setiap program yang menyertai program *A True Success – Closing The Attitude Gap* bagi tahun 2015 dan 2016.


Jadual 4.2: Senarai Penglibatan Pelajar (A True Success-Closing The Attitude Gap)

Program \ Tahun	2015	2016
AP220	9	6
AP221	8	8
AP224	4	10
AP225	5	10
AP229	15	8
AP230	9	6
AP243	12	9
AP246	4	17
AP248	8	2
Total	74	76




Rajah 4.1: Senarai Penglibatan Pelajar (A True Success – Closing The Attitude Gap)

Program “Raising All-Rounder High Achievers 2” adalah gabungan kumpulan sasaran pelajar yang mencapai tahap PNGK 3.50 ke atas. Program ini telah dijalankan di Hotel De Palma, Shah Alam pada 24hb Mei 2015. FSPU telah bekerjasama dengan konsultan luar iaitu Elite Essential Training & Consultancy untuk program ini. Merujuk kepada Rajah 4.2, status keputusan peperiksaan peserta program keseluruhan didapati ada peningkatan pada keputusan pelajar untuk 51% peserta yang hadir, manakala 43% didapati menurun dan 6% lagi kekal tidak berubah.



Rajah 4.2: Petunjuk prestasi GPA Pelajar Melalui Program "Rising All-Rounder"

Manakala, Program “True Success” adalah gabungan kumpulan sasaran pelajar yang mencapai tahap PNGK 2.5 dan ke atas bagi meningkatkan lagi tahap pencapaian pelajar. Program ini dijalankan di Asia Camp, Kuala Kubu Bharu pada 20-22 haribulan November 2015 dan di Kem El- Azhar, Morib pada 29 haribulan April hingga 1 haribulan Mei 2016. Seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 4.3, penglibatan pelajar meningkat pada 2016 sebanyak 76 orang pelajar dibandingkan dengan 2015 iaitu seramai 74 pelajar.



Rajah 4.3: Petunjuk prestasi GPA Pelajar Melalui Program True Success


4.2 TERAS 2: Penyelidikan Dan Inovasi

Penglibatan Pelajar di peringkat FSPU juga ditetapkan secara langsung di dalam teras 2. Inisiatif teras ini diketuai oleh Timbalan Dekan Jaringan Industri Prof Datin Sr. Dr. Hamimah Adnan. Inisiatif ini dibangunkan bertujuan untuk memaksimumkan ketampakan (visibility) FSPU sebagai peneraju penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan dalam melahirkan pensyarah dan graduan bertaraf global dalam bidang alam bina. Penglibatan pelajar di dalam teras 2 ini dapat menghasilkan graduan yang bertaraf global bagi meningkatkan lagi tenaga pekerjaan di peringkat nasional dan antarabangsa dalam bidang alam bina.



Petunjuk Prestasi (berkaitan langsung dengan pelajar):
 Bilangan artikel diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi.
 Bilangan harta intelek yang difailkan (Paten dan UI sahaja).

Rajah 4.4 menunjukkan jumlah hasil penerbitan pelajar-pelajar pasca siswazah, FSPU bagi tahun 2014, 2015 dan 2016. Carta dengan jelas menunjukkan peningkatan hasil penerbitan oleh pelajar pasca siswazah.




Rajah 4.4: Hasil Penerbitan dari Tahun 2014 – 2016

Dari tahun 2014 hingga 2016 peningkatan dapat dilihat dari 33 penerbitan yang dihasilkan dan terus meningkat kepada 35 pada tahun 2015 dan 2016 merekodkan 49 penerbitan. Ini menunjukkan gambaran yang jelas dimana FSPU amat menggalakkan para penyelidik untuk menghasilkan penerbitan yang berkualiti sejajar dengan objektif FSPU. Ini dapat dilihat di Jadual 4.3, Hasil Penerbitan berindex dan juga Rajah 4.5 Kategori Penerbitan berindex. Kedua-dua data ini menunjukkan pencapaian FSPU secara drastik dari tahun 2015 ke tahun 2016.

Jadual 4.3: Hasil Penerbitan Berindex

	SCOPUS	WOS	ERA	Others/processing
2014	16	6	0	11
2015	13	7	1	13
2016	9	14	0	26



Rajah 4.5: Kategori Penerbitan Berindex



Jadual 4.4 menunjukkan peningkatan penglibatan pelajar di dalam penyertaan pertandingan IDEX yang dijalankan di peringkat fakulti yang mana dari tahun 2014 seramai 31 pelajar telah bertanding.

Jadual 4.4: Bilangan Kemenangan IDEX peringkat FSPU

Tahun	Bilangan Penyertaan	Gold	%	Silver	%	Bronze	%	Certified	%
2013/2014	1	0	0	1	100	0	0	0	0
2015	45	1	2	31	69	9	20	4	9
2016	56	0	0	6	11	27	48	23	41

Terdapatnya peningkatan pada tahun 2015 di mana seramai 45 orang pelajar dan seterusnya pada tahun 2016 ianya semakin meningkat sehingga menjadi 56 orang pelajar yang bertanding dan memenangi pelbagai anugerah yang dibahagikan kepada gold, silver, bronze dan certified. Ini jelas menunjukkan wujudnya peningkatan pembangunan pelajar di dalam pencapaian dan kemenangan yang melibatkan akademik secara langsung.



Rajah 4.6: Jumlah Keseluruhan Kemenangan Pelajar FSPU Tahun 2016

4.3 TERAS 3: Akademik, Industri dan Masyarakat

Teras 3 – Akademik, Industri dan Masyarakat melibatkan jaringan projek-projek bersama industri, masyarakat dan alumni. Diketuai oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa), fakulti mensasarkan hasil yang selari dengan RM K11 UiTM dengan mensasarkan hasil pelopor pembangunan dan pengembangan ilmu terkehadapan, peningkatan imej dan reputasi UiTM dan pemantapan kecemerlangan universiti menerusi inovasi.


Penglibatan pelajar sebagai pelanggan utama fakulti, aktiviti-aktiviti telah dirancang bagi meyokong teras ini yang melibatkan penglibatan pelajar, pensyarah dan alumni bagi memantapkan hubungan tiga hala ini.

Petunjuk Prestasi (berkaitan langsung dengan pelajar):

PI 1: Bilangan staf akademik dan mahasiswa yang terlibat dalam program cross fertilization.

PI 2: Bilangan mahasiswa pascasiswazah yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa.

Penglibatan pelajar di dalam akademik tidak terhad kepada sesi pembelajaran di dalam kampus. Bagi memenuhi lapan '*Learning Outcome Domains*', penglibatan pelajar perlulah secara holistic. Rajah 4.7 menunjukkan penglibatan pelajar dan kemenangan yang diraih melalui pelbagai peringkat pertandingan. Tugas-tugas dan kajian pelajar di angkat ke satu tahap yang tinggi melalui pertandingan-pertandingan ini. Pelajar-pelajar ini di bantu oleh pensyarah-pensyarah untuk menyertai pertandingan-pertandingan bagi mencungkil kemahiran, kemahiran dan nilai profesionalisme. Pihak pengurusan fakulti memberi sokongan padu melalui peruntukan kewangan. Selain daripada itu jaringan industri juga dapat diwujudkan kerana pertandingan-pertandingan ini melibatkan agensi korporat. Butiran mengenai kemenangan ini diterperincikan di dalam Bab 5 dan 7.



Rajah 4.7: Penglibatan Pelajar di dalam Pertandingan

Rajah 4.8 menunjukkan hubung kait di antara fakta FSPU yang mempengaruhi pencapaian sasaran hasil, dengan penyumbang utama iaitu tiga entiti yang terdiri daripada Pensyarah, Pelajar dan Alumni. Kekuatan dan kecemerlangan FSPU bukan sahaja memfokus kepada pencapaian akademik secara langsung tetapi juga melalui jaringan bersama industri dan masyarakat.




Rajah 4.8: Hubung kait fakta FSPU dan Sasaran Hasil

Jaringan bersama alumni, telah lama di praktikan melalui pelbagai platform. FSPU amat berbangga dengan pencapaian Alumni yang melakar nama FSPU di peringkat antarabangsa. Rajah 4.9 menunjukkan sumbangan-sumbangan Alumni terhadap fakulti dari pelbagai aspek akademik pelajar dan program. Bagi tujuan pengiktirafan badan-badan akreditasi kebangsaan dan antarabangsa, penglibatan mereka amat penting sebab bukti kepada kecemerlangan fakulti. Alumni akan terlibat dengan sesi temubual bersama-sama penilai-penilai badan akreditasi ini.



Rajah 4.9: Jaringan bersama Alumni FSPU

Manakala Rajah 4.10, menunjukkan bilangan aktiviti khidmat masyarakat bagi tempoh tiga tahun iaitu 2014, 2015 dan 2016. Pada tahun 2015, aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat naik sebanyak 3 kali ganda berbanding tahun 2014, namun pada tahun 2016 menunjukkan bilangan aktiviti menurun. Pengurangan aktiviti ini adalah disebabkan terdapatnya kekangan daripada peruntukan fakulti di dalam menyalurkan dana. Ini adalah selari dengan keperluan belanja berhemah yang disarankan oleh UiTM. Maklumat terperinci berkenaan aktiviti khidmat masyarakat, sila rujuk Bab 5.



Rajah 4.10: Perbandingan tiga tahun bagi Aktiviti Khidmat Masyarakat

4.4 TERAS 4: Kepimpinan


Penglibatan pelajar di peringkat FSPU juga diterapkan secara langsung di dalam Teras 4 iaitu Kepimpinan. Inisiatif teras ini dilaksanakan oleh Timbalan Dekan Akademik dan juga Timbalan Akademik Hal Ehwal Pelajar. Dari aspek penglibatan pelajar, inisiatif dibangunkan bertujuan meningkatkan tahap kepimpinan pelajar melalui pelbagai projek di peringkat dalam fakulti, universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Penglibatan pelajar di dalam Teras 4 ini dapat menghasilkan graduan yang mempunyai kecemerlangan bakat, graduan yang holistic dan mempunyai kemahiran kepimpinan yang berketerampilan yang dapat meletak UiTM di peta dunia.

Petunjuk Prestasi (berkaitan langsung dengan pelajar):

P3: Bilangan mahasiswa terpilih yang terlibat dengan program mobiliti ke universiti luar negara.

P4: Bilangan penganjuran program berteraskan University Community Engagement (UCE).



Rajah 4.11: Penglibatan Pelajar Bagi Teras 4 Kepimpinan

Merujuk kepada Rajah 4.11 (rujuk Bab 7 bagi maklumat terperinci) bagi mencapai teras ini, aktiviti-aktiviti melibatkan penglibatan pelajar adalah melalui: (i) aktiviti akademik secara langsung dan (ii) aktiviti akademik secara tidak langsung yang dapat membangunkan kemahiran kepimpinan pelajar. Penglibatan akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti persidangan/seminar dan pertandingan mampu mencungkil bakat kepimpinan pelajar yang lebih berketrampilan bukan sahaja di peringkat fakulti atau universiti tetapi juga di luar lingkup kampus. Prestasi P3 telah memperlihatkan penglibatan pelajar diperingkat antarabangsa dan seterusnya berjaya memperolehi pelbagai kemenangan.

Rajah 4.12 memaparkan statistik penglibatan pelajar di dalam tiga aktiviti utama yang berkait rapat dengan pembangunan kemahiran kepimpinan pelajar iaitu (i) Khidmat masyarakat/sukarelawan, (ii) Pembangunan Insaniah dan (iii) Pembangunan Kerjaya. Butiran berkenaan aktiviti ini boleh dirujuk di Bab 7. Aktiviti-aktiviti telah dijalankan melalui (i) perwakilan di dalam Majlis Perwakilan Pelajar, (ii) Persatuan-persatuan pelajar di peringkat Pusat Pengajian, (iii) pusat pengajian (melalui persatuan pelajar) dan (iv) juga fakulti. Rajah 4.13 menunjukkan bagaimana aspirasi UiTM di terjemahkan ke dalam FSPU.



Rajah 4.12: Penglibatan Pelajar di dalam Program Pembangunan Pelajar FSPU



Rajah 4.13: Pembangunan Teras 4 melalui salah satu mekanisme iaitu Persatuan-persatuan Pelajar FSPU

4.5 TERAS 5 – keusahawanan

Teras ke-5 menekankan aspek Keusahawanan dengan agenda melahirkan graduan holistic, bersirikan Keusahawanan dan seimbang. Jangkaan Hasil adalah meingkatkan kebolehpasaran graduan Bumiputera. Di peringkat FSPU, Biz-U @ FSPU” (Dewan Perniagaan FSPU, FSPU Biz-Umbrella telah ditubuhkan di bawah tanggungjawab Timbalan Dekan HEP.

Petunjuk Prestasi (berkaitan langsung dengan pelajar):
PI4: Bilangan program latihan keusahawanan berstruktur yang ditawarkan kepada pelajar.

Kejayaan FSPU merangkul Fakulti Keusahawanan pada 2015 terus menjadi pemangkin untuk FSPU terus cemerlang di dalam aktiviti-aktiviti keusahawanan. Rajah 4.14, menunjukkan antara aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh FSPU bagi tahun 2016.



Rajah 4.14: Antara aktiviti keusahawanan FSPU bagi tahun 2016




Di peringkat FSPU, Pasar Rabu FSPU menjadi platform bagi pelajar mengasah bakat usahawan. Melalui kelab Usahawan FSPU, program ini mendapat sambutan yang amat menggalakan. Di peringkat Majlis Perwakilan Pelajar FSPU, aktiviti-aktiviti ini di sokong oleh Exco Keusahawanan & Kerjaya. Diperingkat Kebangsaan, pasukan pelajar daripada Pusat Pengajian Siswazah telah menapak satu langkah ke hadapan dengan menubuhkan syarikat MYJE Enterprises yang juga merupakan sebuah 'Junior Enterprise' dengan menggunakan dana RM40,000 yang telah dimenangi. Dana ini diperolehi melalui kemenangan di dalam pertandingan *Rebuild it Green* anjuran CIDB.

Dengan perancangan yang dirancang secara strategik dan jelas berteras kepada 5 teras yang ditekan. Ia dapat memacu FSPU amnya secara jelas ke arah yang lebih fokus. Dengan ini, ia dapat memudahkan setiap pengurusan dan perancangan yang perlu dibuat di masa hadapan kerana objektif yang jelas telah digariskan dan disebarkan kepada setiap warga FSPU amnya.

4.2 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur amat menitik beratkan penglibatan pelajar di dalam aktiviti terasnya. Sebagai fakulti yang mempunyai 11 pusat pengajian, sudah tentu perancangan di aturkan secara terperinci melalui Pelan Strategik FSPU agar mampu mendokong kepada Pelan Strategik RM ke11, 2016 – 2020 UiTM. Melalui sasaran pretasi yang diterjemahkan melalui 5 Teras Utama, FSPU memfokus kepada perancangan yang holistic yang melibatkan pelbagai sumbernya.



BAB 5

◆ **PEMBANGUNAN
PELAJAR**

◆ **TUMPUAN
KEPADA
SUMBER
MANUSIA**

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

5.0 TUMPUAN KEPADA SUMBER PELAJAR: AKADEMIK, INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Bab ini akan memberi tumpuan kepada sumber pelajar yang merangkumi aspek akademik, jaringan industri dan khidmat masyarakat yang dijalankan oleh pelajar FSPU. Pelajar FSPU yang merupakan pelanggan universiti dibentuk melalui tiga (3) aspek tersebut untuk melahirkan graduan dalam bidang professional yang berdaya saing, global dan beretika selaras dengan Visi dan Misi UiTM. Selain itu, sumber tenaga pelajar ini merupakan elemen penting di dalam menjayakan kerangka pelan perancangan strategik yang ditetapkan UiTM dan FSPU khususnya.

5.1 Keupayaan dan Kapasiti Tenaga Pelajar

FSPU pada dasarnya adalah sebuah fakulti berteraskan Alam Bina yang terdiri daripada sepuluh (10) pusat pengajian dan satu (1) pusat siswazah yang menawarkan program-program profesional yang berupaya memenuhi keperluan semasa industri dan badan profesional. Pengambilan jumlah pelajar setiap program menunjukkan kepercayaan masyarakat terhadap keupayaan UiTM dan FSPU dalam menerajui bidang profesional (Rujuk Jadual 5.1). Bilangan pelajar yang konsisten di setiap pengambilan juga mampu digunapakai secara optimum sebagai sumber tenaga kerja untuk pencapaian akademik yang unggul, pengukuhan jaringan industri dan penglibatan aktiviti khidmat masyarakat yang memberi impak sosial yang besar.

Jadual 5.1: Jumlah Bilangan Pelajar FSPU bagi tahun 2016

Pusat Pengajian	Mac 2016 – Julai 2016	Sept 2016 – Jan 2017
Senibina (AP243)	480	512
Sains Ukur dan Geometik (AP220)	523	520
Perancangan Bandar dan Wilayah (AP221)	450	466
Ukur Bahan (AP224)	991	904
Pengurusan Hartanah (AP225)	776	772
Pengurusan Pembinaan (AP246)	697	697
Senibina Dalaman (AP247)	236	304
Senibina Landskap (AP228)	460	459
Ukur Bangunan (AP229)	437	435
Pengurusan Taman dan Ameniti (AP230)	371	371
Siswazah	873	842
Jumlah	6,294	6,282

Keupayaan dan kapasiti tenaga pelajar di dalam pelbagai bidang Alam Bina disokong oleh pengurusan Hal Ehwal Pelajar dan Hal Ehwal Akademik, termasuklah dari aspek sokongan kewangan melalui peruntukkan Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA).

5.2 Mengoptimumkan Kemahiran dan Bakat Pelajar bagi tahun 2016

Penglibatan pelajar FSPU dalam pelbagai pertandingan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan menunjukkan keterlibatan pelajar yang aktif dalam pendidikan, penyelidikan dan masyarakat. Penglibatan yang aktif juga menunjukkan pelajar mempunyai kemahiran pembelajaran dan inovasi yang unggul. Pengoptimuman kemahiran dan bakat pelajar dapat dilihat melalui penyertaan pelajar dalam pelbagai pertandingan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan (Rujuk Jadual 5.2).



Jadual 5.2: Penglibatan Pelajar dalam Lawatan Akademik, Khidmat Masyarakat dan Industri

Pusat Pengajian	Peringkat PP	Khidmat Masyarakat	Industri	Lawatan Akademik	Jumlah
Senibina (AP243)	4	-	2	7	14
Sains Ukur dan Geometik (AP220)	4	1	1	4	10
Perancangan Bandar dan Wilayah (AP221)	3	3	2	11	17
Ukur Bahan (AP224)	6	-	-	17	24
Pengurusan Hartanah (AP225)	3	2	1	12	17
Pengurusan Pembinaan (AP246)	5	4	-	8	15
Senibina Dalaman (AP247)	3	-	1	6	10
Senibina Landskap (AP228)	2	1	-	9	11
Ukur Bangunan (AP229)	6	3	2	5	13
Pengurusan Taman dan Ameniti (AP230)	5	1	-	12	18
Siswazah	-	1	-	-	1
Jumlah	41	16	9	91	150

Mengikut kekerapan, jumlah penglibatan pelajar adalah sebanyak 150 aktiviti pelajar yang dijalankan sepanjang tahun 2016. Pencapaian ini merangkumi pelbagai bidang termasuk khidmat masyarakat sebanyak 16 aktiviti, penglibatan pelajar bersama pihak industri sebanyak 9 aktiviti dan lawatan akademik sebanyak 91 aktiviti. Penglibatan pelajar khususnya bersama pihak industri dan masyarakat digalakkan melalui Hal Ehwal Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) yang diwujudkan antaranya untuk mengukuhkan jaringan serta keterlibatan yang produktif, sistematik dan lestari antara para pelajar di universiti dengan industri dan masyarakat.

Dasarnya, pengurusan dan promosi aktiviti sangkutan pelajar dengan industri, badan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan masyarakat yang efisien berupaya menjadi sokongan yang kukuh dalam meningkatkan jumlah program khidmat masyarakat. Hal ini selari dengan Visi dan Misi FSPU untuk mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran pelajar dalam bidang Alam Bina menerusi penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan nilai-nilai murni dan etika professionalism yang tinggi.

Walaupun terdapat kekangan peruntukan TAPA serta penurunan pada jumlah projek khidmat masyarakat yang dijalankan bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015, namun para pelajar masih menjalankan projek khidmat masyarakat yang dijalankan sewaktu lawatan akademik dengan sokongan FSPU (Rujuk Jadual 5.3).

Jadual 5.3: Perbandingan Aktiviti Khidmat Masyarakat bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

Pusat Pengajian	2014	2015	2016
Senibina (AP243)	2	-	-
Sains Ukur dan Geometik (AP220)	-	1	1
Perancangan Bandar dan Wilayah (AP221)	1	6	3
Ukur Bahan (AP224)	1	-	-
Pengurusan Hartanah (AP225)	1	3	2
Pengurusan Pembinaan (AP246)	1	7	4
Senibina Dalaman (AP247)	-	-	-
Senibina Landskap (AP228)	-	2	1
Ukur Bangunan (AP229)	-	3	3
Pengurusan Taman dan Ameniti (AP230)	1	1	1
Siswazah	-	2	1
Fakulti	1	-	1
Jumlah	8	25	17



Jadual 5.4 menunjukkan pencapaian terbaik pelajar FSPU di peringkat antarabangsa dan kebangsaan bagi tahun 2016. Pencapaian terbaik pelajar FSPU dapat dikaitkan dengan pelaksanaan iCGPA melalui 8 MQF 'Learning Outcome Domains'. Lapan (8) 'Learning Outcome Domains' tersebut merangkumi aspek:

- i. Pengetahuan
- ii. Kemahiran praktikal
- iii. Kemahiran Sosial dan tanggungjawab
- iv. Nilai, sikap dan profesionalisme
- v. Komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan
- vi. Kemahiran menyelesaikan masalah dan saintifik
- vii. Kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat
- viii. Pengurusan dan keusahawanan

Jika dilihat pada senarai pencapaian terbaik pelajar FSPU, jelaslah menunjukkan kemahiran dan bakat pelajar telah mengambilkira keperluan MQF di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

Jadual 5.4 Pencapaian Pelajar FSPU di Peringkat Antarabangsa dan Kebangsaan tahun 2016

Pusat Pengajian	Antarabangsa	Organisasi	Kebangsaan	Organisasi
Siswazah	i. The 7 th International Conference on Postgraduate Education ii. International Construction Week 2016: Arena of Youth iii. The Abdus Salam International Centre for Theoretical Physics Trieste, Italy	CIDB (M)	IIDEX 2016	Siswazah
Senibina (AP243)	Latitudes International Design Challenge	University of Westminster	i. I-Berhad Façade Design Competition 2016 ii. 28 th Architectural Workshop, MATRA 2016 iii. Malaysian Structural Steel Association Open Idea Competition 2016	i. Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government ii. USM iii. MSSA
Perancangan Bandar dan Wilayah (AP221)	i. Malaysian Institute of Planners Planning Excellence Award 2016 ii. Pop-up Placemaking@Medan Pasar Kuala Lumpur	i. Malaysian Institute of Planners Planning (MIP) ii. DBKL and ThinkCity		
Pengurusan Hartanah (AP225)	i. International Surveying Conference for Undergraduates 2016 ii. International Real Estate Research Symposium 2016 (IRERS)	RICS-RISM		i. National Institute of Valuation (INSPEN) ii. Valuation & Property Services Department (JPPH) iii. Ministry of Finance, Malaysia.
Pengurusan Pembinaan (AP246)	i. International Project Management Day 2016 ii. 1 st International Built Environment Undergraduate Research Competition 2016 iii. Queen Elizabeth II Jubilee Fund Award	i. The Chartered Institute of Building (CIOB) UK ii. USM iii. UNIMAP		
Senibina Landskap (AP228)	i. Medini Innovention Challenge "Smart City" ii. Malaysia Landscape Architecture Awards 2015 (9 April 2016)	i. Medini Iskandar Malaysia ii. ILAM		

Ukur Bangunan (AP229)	1 st International Built Environment Undergraduate Research Competition 2016			
--------------------------	--	--	--	--

Gambar 5.1 menunjukkan kejayaan pencapaian pelajar FSPU di peringkat antarabangsa manakala Gambar 5.2 menunjukkan kejayaan pencapaian pelajar FSPU di peringkat kebangsaan, dan Gambar 5.3 menunjukkan kejayaan pencapaian pelajar pusat siswazah.



Gambar 5.1: Kejayaan pencapaian pelajar FSPU di peringkat antarabangsa



Gambar 5.2: Kejayaan pencapaian pelajar FSPU di peringkat kebangsaan

5.3 Sokongan dan Inovasi terhadap Aktiviti Pembangunan Pelajar

Penglibatan pelajar dengan program kolaborasi bersama industri adalah selaras dengan Pelan Strategik FSPU iaitu PI 1 dan 1: Bilangan mahasiswa terpilih yang terlibat dengan program kolaborasi bersama industri dan disangkutkutan di industri antarabangsa akan menghasilkan 'outcome' pada peningkatan kebolehpasaran graduan Bumiputera.




Jadual 5.5: Senarai penglibatan pelajar bersama pihak industri bagi tahun 2016

Bil.	Industri
1.	Daegu Architecture and Culture Association (DACC)
2.	Sime Darby Property Berhad
3.	Universitas Gajah Mada
4.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
5.	Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)
6.	ThinkCity
7.	Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA)
8.	Malaysian Structural Steel Association (MSSA)
9.	UAC Berhad
10.	John Lysaght (M) Sdn. Bhd.
11.	IKANO
12.	Nippon Paint Malaysia
13.	ESRI (M) Sdn. Bhd.
14.	CIDB Malaysia
15.	CIOB Malaysia
16.	S.K. Setia Alam
17.	Tentera Laut Diraja Malaysia

Berdasarkan keseluruhan penglibatan dengan pihak industri dan masyarakat, penambahbaikan kualiti perhubungan dan jaringan bersama pihak industri dan masyarakat telah dilaksanakan pada tahun 2016.

5.4 Penutup

Pelaksanaan sistem tadbir urus melalui pemantauan dan pengesahan rekod keterlibatan aktiviti bersama industri dan masyarakat, dan penyelarasan permohonan geran penyelidikan komuniti bagi projek yang melibatkan industri dan masyarakat telah juga dilaksanakan untuk tujuan penambahbaikan kualiti dan sistem tadbir urus. Bagi mengatasi kekangan kewangan, adalah dicadangkan satu pelan strategik perancangan keperluan peruntukan dan penjanaan kewangan untuk menjalankan aktiviti pelajar bersama industri dan masyarakat dapat dilaksanakan. Selain daripada itu, kolaborasi antarabangsa di antara FSPU bersama universiti luar negara dan universiti luar negara yang mempunyai cawangan di Malaysia perlu digalakkan lagi.



BAB 6

◆ **PEMBANGUNAN
PELAJAR**

◆ **TUMPUAN
KEPADA
OPERASI**

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR



6.0 TUMPUAN KEPADA OPERASI PEMBANGUNAN PELAJAR

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) mempunyai pelajar yang terlibat dalam pelbagai aktiviti dari peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti adalah menepati Piagam Pelanggan FSPU melahirkan graduan yang terlatih, professional dan efektif. Program pembangunan pelajar dilakukan secara berterusan selaras dengan matlamat dan objektif yang ditetapkan oleh UiTM.

6.1 OPERASI PEMBANGUNAN PELAJAR


Operasi pembangunan pelajar secara dasarnya ditadbirkan oleh Fakulti dan Pusat-Pusat Pengajian. Di peringkat Fakulti Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik bertanggungjawab terhadap peruntukan dan kelulusan kewangan manakala Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar bertanggungjawab dalam kelulusan dan pemantauan program. Kelulusan dari pihak TNCHEP diperlukan bagi program yang dijalankan di peringkat antarabangsa.

6.2 PENGURUSAN OPERASI PEMBANGUNAN PELAJAR

Operasi pembangunan pelajar dikendalikan pada peringkat akademik secara langsung dan secara tidak langsung. Di peringkat akademik secara langsung, pelajar didedahkan kepada kegiatan persidangan/seminar dan pertandingan. Di peringkat akademik secara tidak langsung, pelajar bergiat aktif dalam khidmat masyarakat, kesukarelawan, pembangunan insaniah dan pembangunan kerjaya. Kegiatan-kegiatan ini telah dijalankan di peringkat fakulti, kebangsaan dan antarabangsa. Rujuk Jadual 6.1 atau Rajah 6.1.

Jadual 6.1 Kegiatan Pelajar Peringkat Akademik Secara Langsung dan Tidak Langsung

No.	Kegiatan	Bilangan Dalam Tahun 2016
1	Pertandingan	10
2	Persidangan	19
3	Khidmat Masyarakat/Sukarelawan	33
5	Pembangunan Insaniah	62
6	Pembangunan Kerjaya	15
	Jumlah	139




Rajah 6.1: Kegiatan Pelajar

6.2.1 Pelaksanaan Kegiatan Akademik Secara Langsung

Sepanjang 2016, pelajar telah bertanding di dalam 10 pertandingan rekabentuk yang dianjurkan oleh pihak industri. Pelajar juga telah menyertai sejumlah 19 persidangan.

a) Pengurusan Operasi Pembangunan Pelajar – Pertandingan dan Persidangan
Proses pengendalian program pembangunan pelajar (pertandingan dan persidangan) adalah seperti di dalam Rajah 6.1. Proses kegiatan pembangunan pelajar akademik secara langsung di dalam pertandingan atau persidangan dimulai dengan surat tawaran dari klien atau pihak industri kepada Universiti atau Fakulti. Setelah surat tawaran diperolehi, di peringkat Pusat Pengajian, Koordinator Pembangunan Pelajar akan membuat pemilihan pelajar yang bakal terlibat dalam pertandingan atau persidangan. Di samping itu permohonan peruntukan perbelanjaan (TAPA) dilakukan. Pemilihan tersebut dibuat mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh pusat pengajian. Kriteria utama dalam pemilihan pelajar ialah latarbelakang akademik yang cemerlang. Koordinator akan mengawalselia perjalanan aktiviti dengan memastikan ia mengikuti ketetapan syarat Fakulti sehingga pertandingan tamat. Seterusnya, pengiktirafan berbentuk sijil dan surat penghargaan dari Dekan diberikan kepada pelajar. Kejayaan dan penglibatan pelajar akan dipaparkan di laman sesawang Fakulti. Laporan disediakan dan diserahkan kepada Fakulti. Rujuk Rajah 6.2.




Rajah 6.2 : Proses Pengendalian Program Pembangunan Pelajar – Akademik secara langsung

6.2.2 Pelaksanaan Kegiatan Akademik Secara Tidak Langsung

6.2.2 (a) Khidmat Masyarakat dan Kesukarelawan

Proses kegiatan pembangunan pelajar akademik secara tidak langsung seperti khidmat masyarakat dan kesukarelawan, pembangunan insaniah dan pembangunan kerjaya dimulai dengan surat tawaran dari pihak industri kepada Universiti atau Fakulti. Setelah surat tawaran diperolehi, di peringkat Pusat Pengajian, Koordinator Pembangunan Pelajar dan Presiden Persatuan Pelajar akan membuat pemilihan peserta yang bakal terlibat dalam aktiviti yang berkaitan. Di samping itu permohonan peruntukan perbelanjaan (TAPA) dilakukan. Koordinator akan mengawalselia perjalanan aktiviti dengan memastikan ia mengikuti ketetapan syarat Fakulti sehingga aktiviti tamat. Seterusnya, pengiktirafan berbentuk sijil penglibatan dari Dekan diberikan kepada pelajar. Penglibatan pelajar akan dipaparkan di website Fakulti. Laporan disediakan dan diserahkan kepada Fakulti.


Proses pengendalian program pembangunan pelajar (persidangan) adalah seperti di dalam Rajah 6.



Rajah 6.3: Proses Pengendalian Program Pembangunan Pelajar – Pertandingan

6.2.2 (b) Pembangunan Insaniah


Proses kegiatan pembangunan pelajar akademik secara tidak langsung di dalam pembangunan insaniah dimulai dengan surat tawaran dari pihak Fakulti kepada Pusat Pengajian. Setelah surat tawaran diperolehi, di peringkat Pusat Pengajian, Koordinator Pembangunan Pelajar akan membuat pemilihan pelajar yang bakal terlibat dalam program Pembangunan Insaniah tersebut. Pemilihan tersebut dibuat mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Fakulti. Kriteria utama dalam pemilihan pelajar ialah latarbelakang akademik yang lemah. Program yang dijalankan akan dikawalselia oleh pihak Fakulti sehingga tamat. Seterusnya, pengiktirafan berbentuk sijil dan surat penghargaan dari Dekan diberikan kepada pelajar. Laporan program disediakan di peringkat Fakulti. Rujuk Rajah 6.4.



Rajah 6.4 : Proses Pengendalian Program Pembangunan Insaniah

6.2.2 (c) Pembangunan Kerjaya

Proses kegiatan pembangunan pelajar akademik secara tidak langsung di dalam pembangunan kerjaya dimulai dengan surat tawaran dari pihak Fakulti kepada Pusat Pengajian. Setelah surat tawaran diperolehi, di peringkat Pusat Pengajian, Koordinator Pembangunan Pelajar akan membuat pemilihan pelajar yang bakal terlibat dalam program Pembangunan Kerjaya tersebut. Pemilihan tersebut dibuat mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Fakulti. Kriteria utama dalam pemilihan pelajar ialah yang bakal tamat pengajian. Program yang dijalankan akan dikawalselia oleh pihak Fakulti sehingga tamat. Seterusnya, pengiktirafan berbentuk sijil dan surat penghargaan dari Dekan diberikan kepada pelajar. Pengiktirafan dipaparkan juga di laman sesawang Fakulti. Laporan program disediakan di peringkat Pusat Pengajian dan diserahkan kepada Fakulti. Rujuk Rajah 6.5.




Rajah 6.5 : Proses Pengendalian Program Pembangunan Kerjaya

6.3 Pemantauan dan Penambahbaikan Operasi Pembangunan Pelajar

6.3.1 Kegiatan Akademik Secara Langsung – Pertandingan dan Persidangan

Pemantauan kegiatan pelajar di dalam pertandingan pada peringkat Fakulti dijalankan secara berterusan sehingga ke peringkat universiti dan antarabangsa. Seterusnya, produk atau idea rekabentuk yang terhasil dari pertandingan atau persidangan diusulkan di peringkat Fakulti untuk mendapat Harta Intelektual (Intellectual Property IP) di peringkat Universiti. Rujuk Rajah 6.6.



Rajah 6.6: Proses Pemantauan Kegiatan Pelajar

6.3.1 Kegiatan Akademik Secara Tidak Langsung – Khidmat Masyarakat dan Sukarelawan

Pemantauan kegiatan pelajar di dalam khidmat masyarakat dan sukarelawan di peringkat Fakulti 2016 dijalankan semasa program sedang berjalan. Program bersama masyarakat dilakukan secara berterusan di setiap semester. Penambahbaikan adalah dari segi penyimpanan dan pengemaskinian data secara berkala dan berterusan.

6.3.1 Kegiatan Akademik Secara Tidak Langsung – Pembangunan Insaniah dan Pembangunan Kerjaya

Pemantauan kegiatan pelajar di dalam pembangunan insaniah dan kerjaya di peringkat Fakulti 2016 dijalankan semasa program sedang berjalan. Pemantauan diteruskan sehingga pelajar menunjukkan kemajuan prestasi akademik dalam peperiksaan. Penambahbaikan adalah dari segi penyimpanan dan pengemaskinian data secara berkala dan berterusan.

BAB 7

◆ PEMBANGUNAN PELAJAR

◆ HASIL

- 7.1 Hasil dari Pelaksanaan Strategi
- 7.2 Hasil dari Proses
- 7.3 Hasil dari Tumpuan Pelanggan
- 7.4 Hasil dari Tumpuan Sumber Manusia
- 7.5 Hasil dari Prestasi Kewangan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR



7.0 HASIL

7.1 HASIL DARI PERLAKSANAAN STRATEGI

Hasil dari pelaksanaan strategi ini ialah:

a. Halatuju jelas

Perancangan strategi ini memberi halatuju yang jelas kepada warga fakulti. Matlamat fakulti, sistem pemantauan, proses dan prosidur dijelaskan dengan terperinci. Warga FSPU memahami tanggungjawab dan prioriti yang dikehendaki dari mereka. Halatuju yang berpaksikan teras-teras rancangan malaysia kesebelas dan juga sehaluan dengan matlamat universiti dalam mempertingkatkan kedudukan QS Ranking by Subject.

b. Meningkatkan profil fakulti dan universiti

Perancangan strategik ini juga telah meningkatkan profil fakulti. Ramai pensyarah fakulti diberi kepercayaan untuk menjadi ahli exco badan profesional, hakim kepada pertandingan yang berprestij dalam negara, pemeriksa program-program di luar universiti dan juga pemeriksa luar PhD. Disamping usaha di dalam meningkatkan kedudukan QS Ranking by Subject melalui ketampakan warga FSPU didalam industri dan juga dikalangan ahli akademik dari universiti lain. Melalui penglibatan pelajar-pelajar yang membawa nama FSPU bersama ketika menjalankan aktiviti-aktiviti diperingkat nasional and antarabangsa, dapat membantu mempertingkatkan imej FSPU dan universiti didalam bidang alam bina dan senibina.

c. Peningkatan profesionalime dikalangan pelajar

Interaksi para pensyarah, pelajar khususnya dengan industri dan organisasi luar dapat mendedahkan mereka kepada kehendak terkini, memahami proses dan etika yang diperlukan oleh seorang profesional. Ini dapat meningkatkan daya saing pelajar dan kebolehpasaran graduan FSPU dan warga FSPU yang lain.

d. Meningkatkan keusahawanan di kalangan pelajar

Pendedahan dan penglibatan pelajar didalam aktiviti keusahawanan di peringkat fakulti dan penyertaan karnival keusahawanan diperingkat nasional membolehkan para graduan FSPU lebih terbuka dan berdaya saing. Ini dapat dibuktikan dengan kejayaan FSPU menjurai bidang keushawanan di UiTM untuk dua tahun berturut-turut (2014 dan 2015).

e. Pendapatan yang dijana sendiri meningkat

FSPU telah dapat menjana pendapatan sendiri dan tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber kewangan UiTM. Ini membebaskan FSPU menjalankan aktiviti prioritiya tanpa menghadapi banyak kekangan kewangan. Sumber kewangan ini telah digunakan untuk aktiviti penerbitan, penyelidikan dan pengajaran yang memberikan impak yang tinggi kepada fakulti.



7.2 HASIL DARI PROSES PEMBANGUNAN PELAJAR


Hasil pencapaian proses pembangunan pelajar FSPU diukur berdasarkan kepada hasil pencapaian prestasi proses dan hasil keberkesanan operasi proses pembangunan pelajar FSPU berasaskan pencapaian dan kemenangan yang diperolehi di peringkat fakulti, universiti, penglibatan dengan industri serta badan-badan professional tempatan diperingkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa.

7.2.1 Hasil Pencapaian Prestasi Proses Pembangunan Pelajar FSPU

Indikator utama yang digunakan untuk mengukur hasil pencapaian prestasi pembangunan pelajar FSPU adalah berdasarkan Laporan Prestasi Pembangunan Pelajar FSPU pada tahun 2016.

i. Bilangan Pencapaian dan Kemenangan Pembangunan Pelajar FSPU

Pencapaian dan kemenangan Pembangunan pelajar FSPU dibahagikan mengikut dua (2) kategori iaitu pembangunan pelajar yang melibatkan akademik secara langsung (persidangan/seminar dan pertandingan) dan pembangunan pelajar yang melibatkan akademik secara tidak langsung iaitu pembangunan insaniah (khidmat masyarakat dan kesukarelawan). Rajah 7.1 menunjukkan prestasi bilangan pencapaian dan kemenangan pembangunan pelajar diantara aspek akademik secara langsung dan akademik secara tidak langsung (pembangunan insaniah)



Rajah 7.1: Pencapaian dan Kemenangan Pembangunan Pelajar Mengikut Kategori

Pencapaian pelajar diukur berdasarkan kepada penglibatan dan penyertaan pelajar FSPU didalam pelbagai aktiviti dan kemenangan merujuk kepada prestasi tertinggi pelajar tersebut dalam aktiviti yang disertai. Jadual 7.1 di bawah menunjukkan jumlah keseluruhan bilangan kemenangan yang diperolehi oleh Pelajar FSPU sepanjang tahun 2016.

Jadual 7.1: Senarai Jumlah Keseluruhan Bilangan Kemenangan Pelajar FSPU Tahun 2016

Bil	Pertandingan	Kategori	Tajuk Projek / Nama Pemenang
1	1 st International Built Environment Undergraduate Research Competition	Best Overall Winner Best Poster Presentation: Category Engineering & Construction Management	Nik Juliana Mathelan



Bil	Pertandingan	Kategori	Tajuk Projek / Nama Pemenang	
	(BEURC 2016) 7 Mac 2016 Pullman Hotel, KL	3rd Place Best Oral Presentation Category Engineering & Construction Management	Ahmad Firdaus Abd Latif	
2	Malaysia Landscape Architecture Awards 2015 (9 April 2016)	Honour Award; Student Design Award	Reminiscing the Culture & Tradition Distinctiveness of Melanau Enclave	Rabiatul Adawiyah Latif
		Academic Award	Has been presented with the ILAM Academic Award for Excellence in Studying Landscape Architecture	Mohd Zahid Mohd Salleh
		Merit Award; Student Design Award	Innovative Landscape Design in Energy Efficient Residential Development – Elmina East	Muhammad Sirri Pahrol
		Merit Award; Student Design Award	Heritage Trail Design at Tumpat Town Centre, Kelantan	Mohamad Muizzuddin Mohd Razani
3	Arena Of Youth 2016 (Peringkat Kebangsaan) 14 April 2016 KLCC	Juara Kategori 'Rebuilt It Green'	• Kamarul Ariff Bin Omar (Ketua) (MSc Urban Development and Management (AP771)) • Ahmad Fawwaz Bin Ahmad Salleh (MSc Urban Development and Management (AP771)) • Muhammad Hilmi Bin Mohamad @ Masri (MSc Urban Development and Management (AP771)) • Dahlia Binti Ismail (Master of Architecture (AP773)) • Muhammad Hafiz Bin Tajuddin (Master of Architecture (AP773)) • Rozrinda Binti Roslan (MSc Heritage and Conservation Management (AP777)) • Siti Syuhada Binti Mohammed Izam (MSc Integrated Construction Project Management (AP776)) • Vivian Anne Thomas Tarang (MSc Integrated Construction Project Management (AP776)) • Martini Binti Alwi (MSc Integrated Construction Project Management (AP776)) • Siti Nila Norabadia Binti Kaderi (MSc Integrated Construction Project Management (AP776))	
4	8 th International Real Estate Research Symposium (IRERS) 26-28 April 2016 PWTC	POSTER AWARD Silver Award	"Measuring Productivity Growth of Malaysian Real Estate Investment Trust"	Nor Nazihah Chuweni
		Bronze (Encouragement) Award	"The Effectiveness of Affordable Home Schemes in Kuala Lumpur"	Diyanah Zufazlin Ahmad Zukiman (AP225)



Bil	Pertandingan	Kategori	Tajuk Projek / Nama Pemenang
5	8th RICS - RISM International Surveying Conference for Undergraduates 2016 27-28 Mei UTM Skudai	Best Presenter Award (Parallel Sesssion 1)	Faten Athirah Othman (AP225)
6.	Proposed carpark façade for I-city	1 st Prize Winner	Mohd Syarifuddin Bin Nor Hamidi
7	Latitudes International Design Challenge 2015-16, anjuran University of Westminster 5 May 2016 (official result)	Juara	- Nur Deena Binti Ruslan - Mohamad Syaifuladli Bin Mohamad Zaki - Ahmad Azlan Bin Aziz
8	Queen Elizabeth II Jubilee Fund Award From The Chartered Institute of Building (CIOB), UK	Winner	Fakhrul Afiq Supian (BSc (Hons) Construction Management)
9	i-Design Façade Design Competition 8 August 2016	Joint First Prize Winner	Unknown
10	28 th Architectural Workshop, MATRA 2016 17-21 August 2016	1 st Prize	Design Part 2 competition: Vertical Asylum (UiTM PALAM)
		1 st Prize	Essay Competition: the Unending Beginning (UiTM PALAM)
		2 nd Prize	Essay Competition: the Unending Beginning (UiTM Sri Iskandar)
		Mister Cosmos	Fashion Architecture Competition: Cosmic Couture (UiTM PALAM)
		3 rd Prize	Installation Competition: The Teleporter (UiTM PALAM)
11	Successfully completed the School of Nuclear Energy Management	Abdus Salam Intenational Centre for Theoretical Physics Trieste, Italy	Nurul Huda Nazuddin (Msc Integrated Construction Management)
12	Medini Innovention Challenge Competition 2016 "Smart City" 16 November 2016	First Prize	Muhammad Adam Bin Zakaria Atikah Raihanah Binti Amir Mohamad Firdaus Bin Sa'ari Muhammad Faidhi Bin Ishak
13	Malaysian Structural Steel Association (MSSA) Open Idea Competition 2016 14 April 2016	First & Third Prize Collaboration with FKA	Unknown



Bil	Pertandingan	Kategori	Tajuk Projek / Nama Pemenang	
14	International Project Management Day Competition 2016 at USM 10 November 2016	'Contractors Proposal for Residential Gold GBI Project Competition' First & Runner Up Prize	Grand Prize Winner - Dalia Qistina Bt Mohd Nasaruddin - Aizat Aizudin Bin Aizun - Nor Aisyah Bt Zakariah - Muhammad Afiq Izzudin Bin Zaini 2 nd Runner Up Winner - Muhammad Ruzaini Bin Mohd Annuar - Nur Halimah Bt Muhammad Saiful - Nur Afizat Bin Ahmad Nasrul - Muhammad Syahmi Bin Mohamed Sallehulludin	
15	The 7 th International Conference on Postgraduate Education (ICPE 2016-7)	Winning 2 nd Place from 157 entries	The Characteristics of Malay House and Its usage as a Homestay	Yasmin Nur Amirah Bt Yaman
16	Malaysian Institute of Planners Planning Excellence Award (MIPPEA 2016) 26 November 2016 Hotel Majestic Kuala Lumpur	Special Mention Award for Student's Studio Project	Pelajar AP221	
17	Pop-up Placemaking@Medan Pasar Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Design Month 2016	First, Second, Third, Consolation Prize & Special Award	Unknown	
18	2 nd International Built Environment Undergraduate Research Competition (BEURC) 2017	Student from Construction Management; Best Overall Winner & 1 st Place-Best Oral Presentation Syazwan Mohamad Syahrom 3 rd Place-Best Poster Presentation Nur Amira Atikah Mohd Nor 3 rd Place-Best Oral Presentation Nur Halimah Mohada Saiful Rahim		
19	MSSA/CIDB Open Idea Competition 2017	Collaboration with FKA Winner of 3 rd Prize & Consolation Proze	Unknown	
20	Landscape Research Award Malaysian Landscape Architecture Awards (MLLA) 2016	Merit Award Building Information Modelling (BIM) in Landscape Architecture: Prototype for Sustainability Design and Challenge	FSPU Lecturers and student - Nor Diana Aziz - LAr. Ramly Hasan - Ghazali Mohd Amin - Firdaus Chek Sulaiman - Prof Sr Dr Hj Abdul Hadi Hj Nawawi - Sr Dr Nor Rima Muhamad Ariff	
21	2 nd International Built Environment Undergraduate Resaerch Competition (BEURC) 2017	2 nd Place Best Poster Presentation Sub-theme 3: Facilities Management & Real Estate	Nur Izzati Rahmat (AP229)	



Bil	Pertandingan	Kategori	Tajuk Projek / Nama Pemenang	
22	The 11 th Postgraduate Forum on Health Systems and Policy 2017: Integrated Health Systems and Policy for Sustainable Development Goals 20-21 July 2017 Faculty of Medicine: Prince of Songkla University, Thailand	Best Poster Presentation Award	Evaluation of interior design quality of inpatient units in public hospitals in Klang Valley, Malaysia	Shariffah Syafiqah Aljunid
23	INVENTION, INNOVATION AND DESIGN EXPOSITION 2016 FSPU LEVEL (25th May 2016) Organised by Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU)	•First Prize, Student Category •Silver Medal	Proposed New Model of 21st Century Generic Public Primary School at Ara Damansara for Ministry of Education	Mohd Haniff Haizan Bin Suliman
		•Second Prize, Student Category •Silver Medal	Proposed Wind Responsive Airship Docking Tower at Pengkalan Weld, Georgetown, Penang for Aerospace Malaysia Innovation Centre (SKYPIEA).	• Muhammad Yasin Ramadhan Bin Zahari • Muhammad Aiman Zhafri Fauzi • Megat Zawirul Asyraf Samsudin • Mohammad Amirul Bin Mani
		Bronze Medal	Proposed Iconic Observation Tower with X-Games Arena at Pulau Jerejak, Penang for Ministry Of Culture and Tourism Malaysia (Jerejak Tower)	• Nurul Farhana Binti Abdullah • Seri Najwa Binti Abd Nasir
		Bronze Medal	Proposed Upcycle Arts Centre at Sentul West, Kuala Lumpur for YTL Corporation	Nurul Farhana Binti Abdullah
		Bronze Medal	Proposed Anime Toys Interactive Museum at Bandar Utama, Petaling Jaya for Bandai Namco Holdings	Muhammad Naa'im Bin Shafiee
		Bronze Medal	Proposed JDT Sports Rehabilitation Centre at Nusajaya, Johore for Perbadanan Bolasepak Negeri Johor	• Aidayanti Binti Ahmad
		Bronze Medal	Enlivening the Waterfront: Crime Prevention through Design	• Mohd Zulhaimi Izwan Bin Md Radzi

Bil	Pertandingan	Kategori	Tajuk Projek / Nama Pemenang	
24	Invention, Innovation and Design Exposition 2016 UNIVERSITY LEVEL (20-23 September 2016)	Gold Medal	SKYPIEA- Airship Docking Terminal	- Muhammad Yasin - Ramadhan Bin Zahari - Muhammad Aiman Zhafri Fauzi - Megat Zawirul Asyraf Samsudin - Mohammad Amirul Bin Mani
		Silver Medal	Proposed Built Pedagogy of the 21 st Century Maaysian Public Primary Education	Mohd Haniff Haizan Bin Suliman
		Silver Medal	COURTYARD-Etool: Energy Optimisation Courtyard Design Tool	Abdul Basit Ali Ahmed Almhafdy

Jumlah pencapaian dan kemenangan pelajar dari pelbagai peringkat dan kategori menunjukkan prestasi pembangunan pelajar yang memberangsangkan. Pencapaian memberangsangkan ini merupakan hasil usaha semua pihak dari peringkat bawahan iaitu penglibatan pelajar, kerjasama pensyarah serta pihak Dekan dan pengurusan atasan fakulti dalam menggalakkan peningkatan prestasi pembangunan pelajar tidak kira samada dari dalam dan luar negara bagi meningkatkan kepakaran dan pengetahuan dalam pelbagai jenis pembangunan pelajar. Ini jelas menunjukkan prestasi proses berdasarkan bilangan pencapaian dan kemenangan pembangunan pelajar FSPU tercapai dan berterusan dari tahun ke tahun. Rajah 7.2 menunjukkan gambar sebahagian daripada kemenangan para pelajar.




Rajah 7.2: Gambar Pelbagai Kemenangan Pelajar FSPU Tahun 2016

ii. Bilangan Pencapaian dan Kemenangan : Akademik Secara Langsung

Rajah 7.2.3 pula menunjukkan bilangan pencapaian dan kemenangan pelajar yang dijalankan mengikut kategori. Terdapat tiga (3) kategori pencapaian dan kemenangan pembangunan pelajar iaitu pertandingan samada melalui peringkat dalaman, kebangsaan dan antarabangsa. Keseluruhannya dapat dilihat kebanyakan pencapaian dan kemenangan adalah datangnya dari pencapaian dan kemenangan peringkat dalaman.

Contoh kemenangan diperingkat dalaman adalah penglibatan pelajar di dalam memasuki pertandingan “Invention, Innovation And Design Exposition (IIDEX)” yang dijalankan setiap tahun diperingkat fakulti dengan tujuan menggalakkan semua pelajar dari 11 pusat pengajian untuk bertanding. Setiap pelajar akan membentangkan kajian dan projek yang dibuat samada ianya dapat memberikan inovasi dan signifikan kepada

masyarakat, industri dan negara. Pemenang di peringkat fakulti akan di bawa untuk bertanding ke peringkat universiti yang akan dikelolakan oleh pihak RIBU.



Rajah 7.3 : Akademik Secara Langsung: Bilangan Pencapaian dan Kemenangan Pelajar Mengikut Kategori

Jadual 7.2 di bawah menunjukkan peningkatan penglibatan pelajar di dalam memasuki pertandingan IIDEX yang dijalankan di peringkat fakulti yang mana dari tahun 2014 seramai 31 pelajar telah bertanding. Terdapatnya peningkatan pada tahun 2015 di mana seramai 45 orang pelajar dan seterusnya pada tahun 2016 ianya semakin meningkat sehingga menjadi 56 orang pelajar yang bertanding dan memenangi pelbagai anugerah yang dibahagikan kepada gold, silver, bronze dan certified. Ini jelas menunjukkan wujudnya peningkatan pembangunan pelajar di dalam pencapaian dan kemenangan yang melibatkan akademik secara langsung.


Jadual 7.2: Bilangan Kemenangan IIDEX peringkat FSPU

Tahun	Bilangan Penyertaan	Gold	%	Silver	%	Bronze	%	Certified	%
2013/2014	31	6	19	17	55	3	10	5	16
2015	45	1	2	31	69	9	20	4	9
2016	56	0	0	6	11	27	48	23	41

Lonjakan dari pertandingan yang diadakan di peringkat dalaman telah menggalakkan pelajar untuk bertanding di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Banyak kemenangan yang diperolehi oleh pelajar apabila mereka bertanding di peringkat yang tertinggi sehingga dapat mengharumkan nama fakulti, universiti dan negara. Antara pencapaian dan kemenangan yang diperolehi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dapat dilihat di dalam Jadual 7.2 di atas.

i. Bilangan Pencapaian dan kemenangan : Akademik Secara Tidak Langsung

Pencapaian dan kemenangan akademik secara tidak langsung adalah diukur berdasarkan peningkatan penglibatan pelajar secara individu atau berkumpulan di dalam menjalankan aktiviti yang terbahagi kepada tiga (3) kategori penting iaitu khidmat masyarakat/sukarelawan, pembangunan insaniah dan pembangunan kerjaya seperti yang dapat dilihat di dalam Rajah 7.4.



Rajah 7.4: Akademik Secara Tidak Langsung: Bilangan Kegiatan Pembangunan Pelajar Mengikut Kategori


Antara penglibatan yang dijalankan oleh pelajar melalui aktiviti khidmat masyarakat/sukarelawan adalah seperti berikut:

- Program Sukarelawan Kon. Ekosis Pulau Redang
- Khidmat Masyarakat M/Kepong
- Program Wira Amal Teratak Che Dah
- Khidmat Bakti Siswa
- Ekspidisi Siswa Turun ke Desa P/Gua Musang

Manakala bagi aktiviti pembangunan insaniah menunjukkan penglibatan pelajar yang paling tinggi jika dibandingkan dengan aktiviti lain adalah kerana usaha pihak atasan FSPU terutamanya pihak HEP di dalam memastikan pelajar dapat mengimbangi akademik dan juga jati diri pelajar. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Kuliah Perdana Muslimah
- Kelas Bacaan Al-Quran
- Team Building Pulau Perhentian
- Perlawanan Persahabatan
- Program True Success Kem El-Azzhar Morib
- Mukmim Professional Mahasiswa (High Achiever)

Hasil dari contoh proses aktiviti yang dijalankan di atas, dapat menunjukkan adanya peningkatan ke atas prestasi akademik pelajar. Dengan cara ini juga ia dapat meningkatkan lagi pembangunan insaniah dan kerjaya pelajar dalam FSPU meningkat pencapaian pelajar mukmin professional iaitu pelajar cerdik dan baik. Rajah 7.2.5 menunjukkan Peningkatan Prestasi Pelajar setelah melalui Program True Success. Seramai 49 pelajar yang menyertai Program True Success, 25 pelajar mengalami peningkatan GPA, 21 pelajar menurun dan bilangan kecil (3) adalah kekal.



Rajah 7.5: Petunjuk prestasi GPA melalui Proram True Success

Aktiviti pembangunan kerjaya juga turut diterapkan di dalam memastikan pencapaian pembangunan pelajar secara tidak langsung terutamanya kepada pelajar tahun akhir. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Kursus Kepimpinan Pelajar
- Diskusi Siswa
- Kursus Intensif BIM
- Temubual dan Ceramah Kerjaya
- Pameran Hartanah 11Th Edition
- Kolokium Pengurusan Projek
- Designer Garden Flora 2016

7.2.2 Hasil Keberkesanan Operasi Proses Pembangunan Pelajar FSPU

i. Pencapaian Pelajar dan Pensyarah

Hasil keberkesanan operasi proses yang dijalankan terhadap pembangunan pelajar FSPU dapat ditunjukkan dengan bilangan penyertaan yang semakin meningkat seperti yang dapat dilihat didalam kategori dalaman (Rujuk Jadual 7.1) dan juga kejayaan dan kemenangan yang diperolehi dari pelbagai kategori yang dipertandingkan samada diperingkat dalaman, kebangsaan dan antarabangsa. Bilangan pencapaian dan kemenangan pelajar FSPU yang terlibat di dalam pembangunan pelajar pada tahun 2016 dapat ditunjukkan dalam Jadual 7.2. Bilangan penyertaan dan kemenangan pelajar meningkat dengan ketara pada tahun 2016 adalah kerana dorongan dari pelbagai pihak dari segi kewangan, fasiliti dan sokongan moral.

Dari kenaikan bilangan pelajar yang terlibat dengan pembangunan pelajar samada dalam kegiatan akademik secara langsung atau akademik secara tidak langsung sepanjang tahun 2016 telah menunjukkan keberkesanan operasi proses pembangunan pelajar. Ia juga adalah sejajar dengan pencapaian perancangan strategik yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti. Para pelajar yang terlibat di dalam pelbagai proses kegiatan akademik secara langsung dan tidak langsung juga berpeluang untuk menambah *networking* dengan industri luar tidak kira dalam dan luar negara. Dengan kerjasama yang dijalankan maka secara tidak langsung dapat meningkatkan kepakaran dan pengetahuan para pelajar dan pensyarah yang terlibat di dalam kegiatan pembangunan pelajar yang dijalankan. Para pensyarah yang mengiringi pelajar di dalam setiap kegiatan juga dapat menambahkan ilmu dan kepakaran serta pengalaman yang mana ianya boleh digunakan untuk penambahbaikan dari segi pembelajaran dan pengajaran.



ii. Pencapaian Fakulti dan Universiti

Laporan Perundingan dan Perancangan strategik FSPU dari tahun 2014 hingga 2016 telah menunjukkan keberkesanan operasi proses pembangunan pelajar di mana wujudnya faktor-faktor kejayaan seperti peningkatan pelajar yang tamat 'on time', peningkatan CGPA dan GPA pelajar yang lemah serta peningkatan penyertaan pencapaian kemenangan pelajar yang terlibat dalam pertandingan dan persidangan samada di peringkat dalaman, kebangsaan dan antarabangsa. Operasi tadbir urus yang baik dan pengurusan dana oleh pihak HEP (Fakulti), Dekan, pengurusan atasan dan Lembaga Pemegang Amanah untuk menyokong dan memantau operasi proses juga adalah merupakan faktor keberkesanan pencapaian di peringkat fakulti dan universiti.

Kepercayaan yang berterusan daripada industri luar/pihak klien telah menyebabkan para pelajar dan pensyarah yang terlibat telah mencapai tahap kemahiran yang dijangkakan. Sokongan yang kuat dari pihak fakulti dan universiti juga telah menggalakkan aktiviti pembangunan pelajar FSPU semakin meningkat dari masa ke semasa. Kolaborasi pihak FSPU, pihak klien dan pihak Universiti telah menyebabkan berlakunya peningkatan di dalam penyertaan pelajar di dalam pelbagai aktiviti pembangunan pelajar yang dijalankan

iii. Kepuasan Pihak Berkepentingan

Matlamat pencapaian pembangunan pelajar adalah melalui komitmen dan hubungan yang baik di antara pihak klien/pihak berkepentingan dengan pengurusan atasan. Modal insan yang komprehensif, penambahbaikan proses kerja melalui inovasi telah menyebabkan keberkesanan operasi proses pembangunan pelajar melalui indikator kepuasan pihak klien. Kecemerlangan pencapaian dan kemenangan pelajar FSPU yang memberangsangkan dalam pelbagai aktiviti dari peringkat kebangsaan dan antarabangsa samada dari segi akademik secara langsung ataupun akademik secara tidak langsung. Pihak yang berkepentingan juga sangat terkesan dengan aspek kecemerlangan pelajar dan graduan FSPU dalam bidang professional yang berdaya saing, global dan beretika.

Petunjuk prestasi ini dapat dilihat dengan menunjukkan indeks tahap kepuasan klien atau pihak berkepentingan terhadap pembangunan pelajar FSPU kepada pengulangan pihak berkepentingan mengadakan komitmen terhadap pembangunan pelajar. Secara dasarnya dapat dilihat dengan penglibatan pelajar dengan program kolaborasi bersama industri luar, pihak berkuasa tempatan, kementerian serta badan professional tempatan dan antarabangsa. Sebagai contoh penglibatan pembangunan pelajar dengan badan professional tempatan dan antarabangsa yang sama setiap tahun iaitu penglibatan pelajar FSPU dengan "RICS - RISM International Surveying Conference For Undergraduates" dan pencapaian kemenangan pelajar FSPU pada setiap tahun dalam pertandingan "Invention, Innovation And Design Exposition (IIDEX)". Berdasarkan penambahbaikan kualiti perhubungan dan jaringan bersama pihak klien atau pihak berkepentingan terhadap pembangunan pelajar FSPU, ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya kepercayaan pihak yang terlibat untuk kembali bekerjasama dengan pelajar FSPU. Keadaan ini disokong kuat dengan kepuasan serta keyakinan terhadap kebolehpasaran pelajar FSPU.

7.3 HASIL DARI TUMPUAN PELANGGAN


7.3.1 Keberkesanan Penglibatan Pelanggan

a) Aktiviti Akademik

Seperti yang telah diterangkan pada Bahagian 3: Tumpuan Pelanggan, aktiviti akademik yang dijalankan adalah untuk penglibatan pelajar pada seminar dan pertandingan yang dianjurkan samada oleh pihak universiti atau IPTA dalam dan luar negara, badan professional bagi bidang masing-masing, pihak Swasta, mahupun pihak berkuasa tempatan. Untuk tahun 2016 sebanyak enam penyertaan dalaman yang dianjurkan oleh fakulti dan juga UiTM, telah dihadiri oleh pelajar FSPU. Untuk peringkat kebangsaan 11 pertandingan/seminar telah disertai dan sebanyak 10 penyertaan untuk peringkat antarabangsa telah disertai oleh pelajar FSPU.

b) Aktiviti Bukan Akademik

Bagi aktiviti bukan akademik, penglibatan pelanggan khususnya pelajar adalah amat menggalakkan. Ini dapat dilihat dengan peningkatan jumlah aktiviti yang dijalankan pada tahun 2016 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, 2015 (rujuk Rajah 7.6 dan Jadual 7.3). Peningkatan sebanyak 36% untuk aktiviti yang berteraskan kepada Pembangunan Insaniah iaitu dari 48 aktiviti yang dijalankan pada 2015 kepada 75 aktiviti pada 2016. Peningkatan ini sedikit sebanyak menggambarkan sikap pelajar FSPU yang mementingkan bukan sahaja pada aktiviti berlandaskan ilmu dunia, malahan juga pada aktiviti yang berteraskan kepada kerohanian dan kesejahteraan sesama mereka tanpa mengambilkira latarbelakang masing-masing. Aktiviti yang paling digemari oleh pelajar FSPU adalah yang berkaitan dengan Khidmat Masyarakat dimana peningkatan tertinggi antara tiga aktiviti yang diklassifikasikan dalam aktiviti bukan akademik. Aktiviti khidmat masyarakat ini meningkat sebanyak 67.6% iaitu dari 11 ke 34 aktiviti dari tahun 2015 ke 2016. Walau bagaimanapun aktiviti Pembangunan Kerjaya menurun dari 24 aktiviti pada tahun 2015 kepada 18 aktiviti sahaja pada tahun 2016. Pusat Pengajian Pembinaan merupakan PP yang paling banyak menjalankan aktiviti bukan akademik iaitu sebanyak 17 aktiviti pada tahun 2016 berbanding dengan PP Senibina Dalaman yang hanya mempunyai tiga aktiviti sahaja pada tahun 2016.



Rajah 7.6: Bilangan aktiviti yang berteraskan kepada pembangunan pelajar dari tahun 2015 ke 2016



Jadual 7.3: Perbandingan bilangan aktiviti yang berteraskan kepada pembangunan pelajar dari tahun 2015 ke 2016

DALAMAN Pusat Pengajian	2015			2016		
	PI	KM	Kerjaya	PI	KM	Kerjaya
PP Senibina	4			2	6	
PP Sains Ukur dan Geomatik	2	1	2	5	3	1
PP Perancangan, Bandar dan Wilayah	9	3		6	8	2
PP Ukur Bahan	1		4	13	2	1
PP Pengurusan Hartanah	6	2	3	9	5	1
PP Pembinaan	3	2	4	9	4	2
PP Senibina Dalaman	3			2	1	
PP Senibina Landskap	5	1	1	5		2
PP Ukur Bangunan	5	2	2	7	1	4
PP Pengurusan Taman dan Ameniti	3		1	5	3	2
PP Siswazah	7		7	12	1	3
JUMLAH	48	11	24	75	34	18

Pembabitan pelajar FSPU dalam aktiviti akademik dan bukan akademik ini, banyak memberikan nilai tambah pada pelajar. Ianya dapat mengetengahkan bakat kepimpinan, idea inovasi pelajar malah nilai murni lain secara langsung atau tidak langsung pada pelajar FSPU sebagai salah satu persediaan menghadapi dunia luar apabila tamat pengajian kelak. Kesimpulannya dengan pembabitan pelajar dalam aktiviti pembangunan pelajar ini, dilihat sebagai satu langkah murni fakulti bagi memastikan pelajar FSPU berdaya saing dengan pelajar dari IPTA atau IPTS lain malah mungkin lebih baik dari mereka.

7.4 HASIL DARI TUMPUAN SUMBER PELAJAR

Pelajar adalah aset universiti yang perlu dipupuk untuk menjadi insan kamil yang berketerampilan dari segi akademik, jaringan masyarakat dan perhubungan industri serta mampu berdaya-saing di persada dunia. FSPU telah menyediakan pelan pengajian akademik, laluan jaringan akademik dan peluang melibatkan diri dengan pihak industri. Penglibatan ini selari dengan pelan strategik UiTM, iaitu Pengetahuan, Kemahiran praktikal, Kemahiran sosial dan tanggungjawab, Nilai, sikap dan professionalism, komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan, Kemahiran menyelesaikan masalah dan saintifik, Kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan dan keusahawanan.

7.5 HASIL DARI PRESTASI KEWANGAN

Kegiatan pembangunan pelajar FSPU boleh dilihat bergerak aktif melalui aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat dan kesukarelawan, lawatan akademik, aktiviti persatuan pelajar dan pertandingan. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan selari dengan kehendak akademik untuk mencapai *outcome* yang jelas dari segi pencapaian berbentuk akademik dan bukan akademik (ihsaniah). Semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah berlandaskan/bertujuan akademik sahaja dan tidak ada pulangan/keuntungan kepada fakulti.



7.5.1 Aktiviti Khidmat Masyarakat dan Kesukarelawan, Lawatan Akademik dan Aktiviti Persatuan Pelajar

Universiti memperuntukkan sejumlah dana kepada fakulti setiap semester untuk diagihkan kepada semua pusat pengajian. Dana tersebut disalurkan melalui Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA).

Setiap pelajar diperuntukkan sebanyak rm100 digunakan untuk aktiviti-aktiviti akademik dan bukan akademik setiap semester. 70% dari jumlah ini akan disalurkan untuk kegiatan akademik pelajar seperti kegiatan khidmat masyarakat dan kesukarelawan, lawatan akademik, persidangan konfrensi dan seminar, sukan, akitiviti persatuan pelajar dan pertandingan. Manakala 30% diperuntukkan untuk aktiviti-aktiviti bukan akademik atau insaniah. Aktiviti-aktiviti tersebut termasuklah Sekreteriat mahasiswa fakulti (SMF), Majlis anugerah aspirasi fakulti (MAAF), Finishing school, High achiever, True success dan Neuro linguistic program (NLP). Rujuk jadual 7.4.

Jadual 7.4: Peratus Agihan Dana Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) di peringkat fakulti

Peratus Agihan Dana Tabung Amanah Pembangunan Akademik (100%)	
70% (Pembangunan Pelajar)	30% (Program Fakulti)
Lawatan akademik	Sekreteriat mahasiswa fakulti (SMF)
Persidangan/seminar/konferensi	Majlis anugerah aspirasi fakulti (MAAF)
Kemasyarakatan dan sukarelawan	Finishing school
Sukan	High achiever
Aktiviti persatuan pelajar	True success
Pertandingan	Neuro linguistic program (NLP)

Tabung TAPA memperuntukkan rm13 sehari, rm4 sarapan pagi, rm6 makan tengahari dan rm3 minum petang untuk perbelanjaan lawatan akademik yang bermalam, termasuklah kegiatan khidmat masyarakat dan kesukarelawan. Semua Pusat Pengajian akan mengoptimalkan dana yang telah diperuntukkan untuk membiayai semua aktiviti-aktiviti pelajar setiap semester. Berikut adalah statistik perbelanjaan TAPA FSPU dari tahun 2013 – 2015.

Jadual 7.5: Statistik jumlah dana TAPA FSPU dari 2013 - 2015

TAHUN 2013		
	Sesi Mac - Jun	Sesi Sept - Dec
Terimaan	RM 467,675.00	RM 483,750.00
Belanja	RM 373,743.92	RM 414,293.04
TAHUN 2014		
	Sesi Mac - Jun	Sesi Sept - Dec
Terimaan	RM 536,075.00	RM 624,375.00
Belanja	RM 433,906.40	RM 725,958.45
TAHUN 2015		
	Sesi Mac - Jun	Sesi Sept - Dec
Terimaan	RM 743,570.00	RM 0.00
Belanja	RM 267,136.54	RM 0.00

Jadual 7.5. menunjukkan perbelanjaan dari tabung TAPA yang konsisten diperingkat fakulti. Lanjutan daripada perkembangan ekonomi global yang tidak stabil, sedikit sebanyak telah mempengaruhi jumlah dana yang diperuntukkan ke fakulti setiap semester. Ada kalanya pihak fakulti tidak dapat membiayai sepenuhnya perbelanjaan aktiviti-aktiviti pelajar, fakulti akan hanya membiayai sebahagian sahaja dan yang selebihnya akan ditampung oleh pihak pelajar atau pusat pengajian itu sendiri.



7.5.2 Aktiviti Penyelidikan dan Inovasi

Aktiviti penyelidikan dan inovasi juga adalah sebahagian daripada aktiviti pelajar yang berkait rapat dengan akademik untuk mempertingkatkan pembangunan pelajar.

Di antara kegiatan yang dijalankan untuk pembangunan staf dan pelajar adalah aktiviti penyelidikan dan inovasi seperti IIDEX, kursus kemahiran dan meraikan alumni.

Di peringkat FSPU dana untuk membiayai perbelanjaan ini boleh dilihat melalui agihan 4% honorarium yang dimasukkan ke Tabung Amanah Fakulti di bawah Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat (ICAN). Tabung ini diterajui oleh Timbalan Dekan ICAN dan jawatankuasa yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang bertanggungjawab dalam pengurusan dana tersebut. Selain daripada aspek perundingan, ICAN juga bertanggung-jawab menguruskan aspek-aspek yang berhubung dengan penyelidikan, jaringan industri dan kemasyarakatan, alumni dan kebolehpasaran graduan di peringkat fakulti.


Agihan dari dana tersebut digunakan untuk tujuan aktiviti-aktiviti penambahbaikan perundingan dan penyelidikan, pameran inovasi IIDEX, program-program kemasyarakatan dan untuk tujuan pelancaran program-program ICAN di peringkat fakulti. Antara program-program ICAN yang telah diadakan di peringkat FSPU adalah seperti berikut (Jadual 7.6):

Jadual 7.6 Program yang dianjurkan oleh ICAN

	Program ICAN	Anjuran
1	IIDEX	ICAN
2	Kursus latihan Safety and Health Officer untuk para pelajar	Kolaborasi ICAN dan NIOSH
3	Bengkel penulisan manuskrip ke jurnal berindex	ICAN
4	Program persediaan untuk bakal graduan ('Grooming Program')	
5	FSPU Alumni Homecoming	
6	Seminar Alam Bina Alumni FSPU	
7	Professional Talk: Seize The Opportunities	Center of Studies for Postgraduates

7.5.3 Aktiviti Pertandingan

Selain lawatan akademik, pertandingan merupakan aktiviti yang paling aktif disertai pelajar; yang juga melibatkan pensyarah sebagai penasihat. Pelbagai kategori pertandingan yang telah disertai, antaranya pertandingan rekabentuk, penyelidikan dan inovasi, pembentangan serta anugerah prestasi pelajar. Sepanjang tahun 2016, FSPU telah mengambil bahagian dalam 16 pertandingan antarabangsa dan 23 pertandingan kebangsaan (Rajah 7.7)



Rajah 7.7 menunjukkan penglibatan aktiviti pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa oleh setiap pusat pengajian FSPU, anjuran organisasi dan institusi luar serta dalaman (UiTM).

Antara yang paling signifikan adalah Pertandingan 'Rebuild It Green' yang merupakan sebahagian program Arena of Youth 2016 anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sempena International Construction Week. Berlandaskan pembinaan lestari (sustainable construction) sebagai intipati utama, para peserta telah bekerja keras selama 5 bulan untuk mengusulkan projek membangun dan memitigasi isu kerosakan hartanah dan infrastruktur akibat bencana alam (Rajah 7.8). Pertandingan ini menyaksikan 10 orang pelajar peringkat sarjana FSPU dari pelbagai jurusan meraih wang tunai RM40,000.00 (USD10,000.00) sebagai modal "start up" untuk mewujudkan Junior Enterprise berdasarkan idea dan strategi yang mereka usulkan. Organisasi Junior Enterprise ini diiktiraf di tahap global dengan ibu pejabat di Brussels, Belgium. Pertandingan ini bukan sahaja meletakkan pelajar dalam senario industri yang realistik, tetapi juga melonjakkan keupayaan mereka dalam memanifestasikan visi UiTM untuk menjadi usahawan antarabangsa dengan Junior Enterprise UiTM – pertubuhan Junior Enterprise yang pertama di Asia.



Rajah 7.8: Para pemenang tempat pertama pertandingan 'Rebuild It Green' Arena of Youth 2016 anjuran CIDB.




Rajah 7.9: Juara bersama pertandingan i-Berhad Façade Design Competition 2016 terdiri daripada pelajar FSPU UiTM dan pelajar sarjana muda senibina UTAR.

Pertandingan ini adalah bukti kejayaan kolaborasi antara program dan pusat pengajian yang dapat memupuk kemahiran interpersonal dan persefahaman yang lebih baik di kalangan komponen-komponen industri alam bina. Selaras dengan inisiatif UiTM untuk

memajukan diri dalam persaingan di pelbagai peringkat, i-Berhad Façade Design Competition 2016 merupakan platform kolaborasi berkesan untuk mewujudkan persaingan sihat antara institusi, di mana pelajar FSPU UiTM dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). Kerjasama ini berhasil menjadikan usulan rekabentuk yang memenangi tempat pertama dan meraih wang tunai sebanyak RM7,500.00.

Sebanyak 74 kemenangan telah diraih menerusi pertandingan-pertandingan ini. Hasil kemenangan pertandingan ini wujud dalam pelbagai bentuk - wang tunai dan/atau sijil serta plak penghargaan. Dapatan kewangan disalurkan terus kepada pelajar; dan ia tidak bersifat pulangan pelaburan langsung kepada fakulti. Secara amnya, wang tersebut digunakan untuk menampung semula perbelanjaan pelajar yang digunakan untuk persediaan kerja-kerja penyertaan.




Rajah 7.10 Peratus Hadiah Kemenangan Mengikut Bentuk Ganjaran

Berdasarkan Rajah 7.10 di atas, kebanyakan hadiah yang dimenangi dalam pertandingan pelbagai adalah bukan berbentuk wang.

Salah satu kemenangan yang paling besar adalah Latitudes International Design Challenge anjuran University of Westminster, UK di mana tiga orang pelajar sarjana Pusat Pengajian Senibina telah memenangi tempat pertama; dan dibiaya penuh untuk menyertai lawatan 10 hari ke São Paulo, Brazil sebagai ganjaran, selain sijil. Lawatan ini termasuk program bersama Westminster University di London dan Faculty of Architecture and Urbanism, São Paulo University. Nilai biayaan dianggarkan melebihi RM45,000.00 (Rajah 7.11). Dari sini dapat disimpulkan bahawa pulangan yang diperoleh daripada pertandingan dapat memberi impak yang lebih mendalam dan berpanjangan, terutamanya dari segi pendedahan dua hala bagi universiti dan pelajar. Pembinaan reputasi antarabangsa ini melonjakkan kredibiliti UiTM serta motivasi secara langsung kepada para pelajar untuk mengekalkan prestasi (akademik dan insaniah) di tahap global.



Foto 7.11: Juara pertandingan Latitudes International Design Challenge telah dibimbing oleh Prof. Dr. Sabarinah Sheikh Ahmad dari Pusat Pengajian Senibina.



Rajah 7.12: Hasil kewangan dari kemenangan dalam pertandingan oleh semua pusat pengajian di FSPU

Pertandingan berunsur penyelidikan dan inovasi lebih banyak memberi hasil berbentuk pembangunan insaniah dan pemindahan pengetahuan berbanding pulangan kewangan. Selain program Invention, Innovation & Design Expo (IIDEX) anjuran IRMi UiTM, FSPU juga telah mengambil bahagian dalam beberapa pertandingan anjuran organisasi kerajaan/tempatan. Contohnya peraduan Pop-up Placemaking anjuran bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan ThinkCity. Kemenangan pelajar-pelajar Pusat Pengajian Perancangan Bandar dan Wilayah dalam peraduan ini telah mendatangkan hasil berjumlah RM5,750.00 beserta sijil.

Anugerah Kecemerlangan anjuran badan-badan profesional juga telah menyumbang kepada dapatan kewangan hasil pertandingan. Sebagai contoh, Royal Institute of British Architects (RIBA) Awards dan PAM-Tan Sri Chan Sau Lai Awards telah menyumbangkan RM17,000.00 secara keseluruhan kepada para peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar Pusat Pengajian Senibina.

7.6 ASPEK-ASPEK POSITIF HASIL DARI PEMBANGUNAN PELAJAR

Aktiviti-aktiviti pelajar samada berbentuk khidmat masyarakat dan kesukarelawan, lawatan akademik, penyelidikan dan inovasi serta pertandingan secara langsung dapat mempertingkatkan pembangunan pelajar dari aspek akademik dan insaniah. Ini bertepatan dengan perancangan strategik fakulti dan misi universiti untuk menghasilkan graduan UiTM yang holistik. Pulangan pelaburan hasil dari kegiatan aktiviti-aktiviti pelajar boleh jelas dilihat dari segi insaniah lebih dari hasil fizikal berbentuk kewangan. Di antara kualiti hasil pembangunan pelajar ini boleh dilihat dari aspek-aspek berikut:

- a) Sebagai nilai tambah kepada kredibiliti dan kualiti staf akademik dan pelajar. Pengetahuan sebagai aset utama universiti, harus diperhalusi dengan kualiti yang setara di tahap global. Oleh itu, usaha memperluaskan jaringan kerjasama Fakulti secara tidak langsung menjadi ruang untuk memperkayakan kuantiti dan kualiti ilmu sedia ada, serta membuka peluang inovasi dan kemajuan; dari sudut pandangan yang baru.



- b) Memupuk persaingan sihat di pelbagai peringkat (UiTM, Kebangsaan, Antarabangsa) dan lingkungan (akademik, industri)

Pencapaian yang diperoleh bukan sahaja dapat dinikmati dalam bentuk wang tetapi juga boleh dihayati sebagai punca kesedaran pemunyaan (sense of ownership) dan rasa bangga terhadap kebolehan diri di kalangan pelajar dan staff akademik. Penghargaan berbentuk (intangible) secara tidak langsung menekankan pentingnya peranan warga FSPU sebagai penyumbang utama kepada kualiti ilmu yang dihasilkan; dalam erti kata lain pulangan yang boleh dimanfaatkan bersama dengan kesan yang berpanjangan.

- c) Pengalaman dan berdaya saing dalam keusahawanan dan pembangunan kemahiran teknikal dan interpersonal.

Pertandingan juga memupuk kemahiran keusahawanan dan membuka ruang untuk pengkomersilan kerja-kerja serta idea-idea yang dipertandingkan. Pertandingan yang melibatkan kerjasama antara bidang pula berupaya memberi realiti industri di alam pekerjaan. Ia menjadi platform yang membuka pelbagai kemungkinan dengan meningkatkan ketampakan kemahiran individu dan UiTM secara keseluruhan.

- d) Pemindahan pengetahuan yang berkesan

Pertandingan merupakan arena utama pemindahan ilmu pengetahuan. Kepelbagaian khalayak ramai menjadi penghubung persefahaman dan kemahiran antara lingkungan yang berbeza namun saling memerlukan - antara sektor kerajaan dan swasta; bidang akademik & industri; peringkat dalaman dan luar UiTM; juga di arena global.

Sebagai contoh, pertandingan yang melibatkan kolaborasi antara bidang (Rebuilding It Green-Arena of Youth 2016), serta antara sesama institusi (UiTM dan UTAR) dan industri (Malaysian Steel Structure Association – CIDB Open Ideas Competition 2016) dapat menrapatkan jurang persefahaman yang berterusan, di mana trend 'supply-demand' antara sektor akademia dan industri sentiasa dikemaskini.

Seterusnya, hasil penglibatan dan pencapaian dalam pertandingan berjaya memberi motivasi kepada warga FSPU untuk melibatkan diri dalam pertandingan-pertandingan yang akan datang.